

94-1924

Siapa

KETUA PEMUDA UMNO

ke 10?

MOHD SAYUTI OMAR

Siapa

**KETUA
PEMUDA
UMNO**

ke 10?



TINTA MERAH
Kuala Lumpur

SIAPA KETUA PEMUDA UMNO KE 10?
Cetakan Pertama Oktober 1993

© Mohd Sayuti Omar 1993

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal atau dipindah sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit.

Diterbitkan

TINTA MERAH

301 Block A 11 Sekyen 4, Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-4113597

APB 727035

Aturhuruf & Reka Bentuk
MAHIR CREATIVE
8 Jln Dewan Sultan Sulaiman 1
Off Jln Tuanku Abdul Rahman
50300 Kuala Lumpur

Muka taip teks: New Century Schlbk

Saiz taip teks: 11/13

A
304 - 2
MSG

Dicetak

ISTIRAMAI ENTERPRISE SDN. BHD.

ISBN: 983-9032-#11-9

Harga: RM 10.00

NASKHAD PEMERIKSAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
27 APR 1994

*Persembahan khas untuk sahabat seperjuangan
yang mengerti suka duka dan kebahagiaan seorang
penulis.*

- *Syed Hussein Alattas*
- *Yahaya Ismail*
- *Zakry Abadi*
- *Daud Ibrahim*
- *Ahmad Lotfi Othman*
- *Termizi Mohd Jam*
- *Haroun Perancis*
- *Mokhtar Petah*
- *dan lain-lain*

Tidak lupa untuk isteri tercinta dan penuh pengertian, Naimah Hj. Yaacub, serta anak-anak, Mohd Elham, Ernny Erniati dan Erma Esmah serta buat zuriat yang tak sempat dilahirkan!



PENGENALAN



DALAM kerancakan ahli UMNO seluruh negara memberi perhatian serius kepada pemilihan pucuk pimpinan - khasnya Timbalan Presiden parti pada November ini, satu hal yang tidak harus di lupakan ialah, pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda. Perebutan jawatan ketua Pemuda diramalkan hangat memandangkan jawatan itu juga sama penting dengan jawatan Timbalan Presiden !

Keadaan ini bukan kerana orang memegang jawatan Ketua Pemuda itu akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi Pemuda juga mengikut tradisinya membawa satu "*history*" politik yang tidak kurang menarik dan hebatnya. Pemuda adalah barisan pelapis dan bakal

pemimpin pada masa akan datang.

Ketua Pemuda mempunyai peranan dan fungsi tersendiri. Ia ada pengaruh dan juga menjadi *asset* dalam perjuangan bangsa Melayu di negara ini. Ini kerana ditangan pemudalah ter letaknya arah dan juga nawaitu perjuangan pada masa akan datang. Pemuda adalah generasi penentu arah dan matlamat wawasan bangsa!

Justeru itu, pemuda harus ditilik dan diteliti dari sekarang. Kepimpinan pemuda, hendaklah diperbetulkan dari sekarang, bagi mempastikan perjuangan masa depan bangsa Melayu tetap tegak diatas paksi (prinsip kebenaran) dan idealisme perjuangan asal - untuk agama, bangsa dan tanahair! Tentunya seluruh bangsa Melayu tidak mahu perjuangan pemuda tergelincir daripada landasan dan titian keimanan kepada Allah dan Rasulul-Nya.

Jika pemuda hari ini lemah, maka lemahlah perjuangan pada masa datang. Bangsa Melayu akan menjadi ketidak-tentuan arah dan matlamat dalam hidupnya. Pemuda adalah sendi-sendi dan ensel dalam perjuangan bangsa Melayu dalam usaha untuk mengangkat martabat bangsa ke tempat tertinggi dalam peta dunia, khasnya di benua sebelah sini.

Justeru itu pemuda hendaklah berani, bersemangat serta mempunyai identiti keperibadian diri yang luhur dan suci. Berjiwa besar, bersemangat dan memiliki daya kreatif dan inovatif. Untuk mencapai itu bukan senang seperti di-

ucapkan. Apa lagi pencapaian yang selaras dengan kehendak agama. Dalam hal ini kelengkapan ilmu dunia tidak memadai. Pemuda hendaklah melengkapkan budaya kehidupannya dengan sejarah dan aspirasi Islam yang tulin dan murni.

Justeru itu maka janganlah kerana terlalu terpesona dengan jawatan Timbalan Presiden, pertandingan diantara Anwar dengan Ghafar maka perhatian kepada pembentukan barisan pemuda, dibuat ala kadar sahaja. UMNO menyerahterahkan bulat-bulat pada perhitungan pemuda yang didalangi oleh tangan-tangan tertentu.

Pemilihan Pemuda hendaklah dibuat dengan penuh kebebasan dan keterbukaan. Setiap orang anggota Pemuda bertanggung-jawab untuk menentukan pemimpinya, biarlah diberikan kebebasan sepenuhnya. Jangan mereka dikontrol ataupun diarah dengan pelbagai arahan, ataupun diugut dengan pelbagai tekanan dan **kompas wang** hendaklah dinafikan dalam soal ini.

Perwakilan Pemuda semestinya memilih yang benar-benar difikirkan dapat membawa Pemuda menjadi barisan pelapis yang kental, yang mampu menjadikan pemuda tali yang mengikatkan perpaduan parti, kuasa pengimbang dalam UMNO dan juga benteng orang Melayu dalam mempertahankan haknya (agama, bangsa dan tanah air), serta merealisasikan Wawasan 2020 berlandaskan semangat dan roh Islam.

Dalam hal ini adalah menjadi harapan semua bangsa Melayu yang cintakan kepada UMNO dan

juga kemurnian perjuangannya selama ini, jangan memilih pemimpin berlapikkan kepada kepentingan peribadi, atau mengikut arahan atau suruhan, sebaliknya pilihlah dengan menggunakan cermin diri sendiri, iaitu hati, dan akal!

Satu perkara yang patut diingat pemilihan Ketua Pemuda itu bukan digunakan untuk berseronok-seronok, sebaliknya diharap dapat melaksanakan harapan dan cita-cita besar untuk membela bangsa dan agama.

Pemuda UMNO harus mengenali jangan memilih pemimpin yang bermasalah, yang ingin menjadi pemimpin (untuk mendapatkan kuasa) bagi membolehkan mereka tidak diambil tindakan. Calon yang bertanding kerana ingin menyelamatkan diri dan bukan atas tujuan untuk membangun ummah, seharusnya disingkir bukan saja dalam hirarki kepimpinan UMNO, sebaliknya dari minda perjuangan pemuda.

Seperti umum sudah sedia maklum, bahawa jawatan Ketua Pemuda akan berlaku pertandingan tiga penjuru. Tiga tokoh telah menyatakan kesediaan, menawarkan khidmat dan mengemukakan agenda perjuangan masing-masing. Mereka ialah - **Rahim Tamby Chik, Mohd Isa Abdul Samad dan Syed Hamid Jaffar Albar.**

Dilihat secara umum, ketiga-tiga calon itu layak. Masing-masing sudah tentu merasa mereka layak dan berkemampuan. Mereka juga punya pandangan dan juga *vision* sendiri kenapa mereka "berani" menawarkan diri untuk bertan-

ding. Mereka membawa misi dan juga perancangan berbeza dalam pemuda UMNO tentunya, jika mereka menang.

Apa lagi kalau kita menatapi kepada agenda dan juga janji masing-masing sukar untuk menolak dua orang daripadanya. Tetapi satu hakikat yang tidak dapat dielakkan, "diantara yang baik itu ada yang terbaik" dan "diantara yang terbaik itu ada pula yang paling baik". Demikian dengan suasana diantara ketiga tokoh itu, mereka ada kelemahan dan ada kekurangan, dan jika ditimbang dengan neraca keadilan ada yang mempunyai kelebihan yang istimewa.

Justeru demikian sulit untuk menentukan siapakah yang "terbaik", maka anggota Pemuda UMNO hendaklah **bermussabahah**, istiqarah atau pun bertanya kepada diri sendiri tanpa dipengaruhi sebarang elemen dan faktor sebelum membuat pilihan. Dalam perhimpunan ini, pemuda adalah hakim, pengadilan yang akan menentukan arah perjuangan pemuda pada masa datang.

Hanya dengan berbuat demikian sahaja, kita dapat memilih mereka yang tepat. Adalah lebih malang lagi kalau pemuda, tidak berbuat demikian dan tidak menggunakan hak kekebasan seperti mana yang dibenarkan dalam demokrasi dalam membuat pemilihan pemimpin ini. Paling menyedihkan, kalau perwakilan membuat pilihan berdasarkan, berapa banyak mereka dibeli atau dibayar. Alangkah dayus dan hinanya pemuda

UMNO dan perjuangan bangsa Melayu seluruhnya, kalau para pemimpin boleh dibeli dan diperdayakan dengan janji-janji keduniaan.

Keadilan menurut demokrasi, mungkin kita sudah tahu. Elok di sini kalau kita mengulangi kembalikan apakah kebebasan dan juga ciri-ciri kepimpinan dalam Islam.

Islam memberi kebebasan kepada sesiapa sahaja yang layak untuk menentukan pemimpinnya. Kebebasan itu hak mutlak pemilih, dan ia tidak dirasuh dengan pelbagai bentuk, samada berupa wang ugutan, tekanan dan juga lobi melobi yang menakutkan dan mengerunkan. Islam memberi kebebasan seluas-luasnya.

Kebebasan itu adalah lebih afdal kalau digunakan untuk memilih yang layak, berkebolehan serta mampu mengikut jalur perjuangan bangsa Melayu yang antara lain mempunyai ciri-ciri:

1. Beriman.
2. Warak.
3. Berakhhlak.
4. Pengasih dan pemurahan.
5. Bijak, pandai serta mempunyai daya intelektual yang tinggi.

Disini saya tidak cuba untuk pengaruh perwakilan pemuda membuat pemilihan. Selaku penulis, saya hanya mampu menyorot dengan penuh keadilan. Saya melihat dari jendela peribadi, sebagai seorang pengulas, penganalisis dan

pengamat politik tanah air. Tentu saya tidak punya pandangan dan suluhan yang tepat.

Sebaliknya, saya bisa memberi gambaran, kepada anda sekelian. Memberi peringatan kepada yang mungkin terlupa atau terkhayal dan tersihir dengan pidato-pidato sokongan, sebaliknya tidak berjejak kepada akar umbi realiti sebenarnya. Untuk membuat pemilihan ini ahli pemuda harus realistik dan tidak munafik dengan dirinya sendiri. Sesiapapun tidak boleh mempengaruhi perwakilan secara mutlak. Ia terletak kepada pertimbangan sendiri. Sekiranya perwakilan masih merasa ragu, takut ini bermakna falsafah demokrasi sebenarnya telah ternodai dan tidak diperaktikkan sepenuhnya.

Sekali lagi saya ingin berpesan, jika **Pemuda silap memilih pemimpin, maka kesilapan itu merosakan UMNO**, jika Pemuda benar dan tepat tepat memilih pemimpin, maka ia menyelamatkan **UMNO itu sendiri**. Pemuda UMNO hendaklah meletakkan idelisme perjuangan lebih tinggi daripada segala kepentingan-kepentingan diri yang lain. Dan saat ini adalah saat anda diuji dan digoda oleh diri anda sendiri untuk menentukan apakah anda seorang "pejuang:" yang jujur, ikhlas, ataupun sebaliknya, seorang pengamal demokrasi yang sihat ataupun pentaksuh demokrasi yang Pandir! Seandainya anda masih ada *inferiority complex* dan takut untuk menentukan pilihan batin anda, maka anda gagal menjadi seorang demokrat yang tulin.

Jika anda tewas dengan diri anda sendiri, maka lebih baik anda tidak menjadi pejuang kerana kelemahan itu tidak melayakkan anda menjadi pemimpin ummah, yang tentunya anda berhadapan dengan jutaan cabaran yang lebih besar nanti.

Menusia lemah tidak yakin kepada diri sendiri, biasanya dia bersedia menjadi alat kepada orang lain. Kehinaan orang menjadi alat ialah apabila sanggup meruntuhkan bangsa diatas semangat nasionalis dan menggunakan parti UMNO. Dan paling hina lagi apabila bersedia meruntuhkan agama diatas nama agama.

Satu lagi perkara yang penting dan perlu diberi perhatian sewajarnya, janganlah timbulkan puak dan klik dalam pemuda UMNO. Pemilihan secara kelompok adalah merbahaya kerana ia boleh memecahkan perpaduan parti. Meskipun semua memberi jaminan akan mengelakkan perpecahan, tapi kalau sudah sikap berpuak ada diwujudkan, perpecahan sudah pasti tidak dapat dielakkan.

Amanat terakhir yang ditinggalkan oleh negarawan ulung Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pada 29hb. Jun, 1973 patut direnung secara mendalam. Dan adalah sangat baik kalau pemuda khususnya, menjadikan amanat itu sebagai roh dalam pemilihan pucuk pimpinan pada masa ini.

Pesan terakhir itu berbunyi:

"Kita mesti hindarkan penyakit berpuak-puak atau *factionalism* ertinya satu golongan kononnya berhaluan ke utara, satu golongan lagi kononnya berhaluan ke selatan, satu golongan ke timur dan satu ke barat.

Factionalism seperti mana juga penyakit *warlordism* dalam negara China dulu sebelum kumunis berkuasa dulu, manakala negara itu terbahagi kepada kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh *warlordism* masing-masing, general ini berkuasa di utara, general itu berkuasa di timur, ada general berkuasa di timur demikian pula ada general berkuasa di barat.

Dalam sebuah parti yang besar dan berpengaruh seperti UMNO kalau sekiranya penyakit berpuak-puak atau *factionalism* ini menghinggapi kita nescaya akan berpecah belahlah kita sesama sendiri.

Wassalam.

MOHD SAYUTI OMAR

Kuala Lumpur/Kota Kinabalu.
Ogos/September, 1993.

KANDUNGAN



| | |
|--|-----|
| Pengenalan | i |
| 1. Cuplikan Sejarah Pemuda UMNO (1949-1987) | 1 |
| 2. Agenda Pemuda UMNO Tahun 2020 | 15 |
| 3. Pemuda UMNO Zaman Najib Mandul | 39 |
| 4. Apakah Strategi Nazri Aziz? | 53 |
| 5. Benarkah Anwar Sokong Rahim? | 71 |
| 6. Kenapa Syed Hamid Tanding Pemuda | 87 |
| 7. Rahim Tamby Chik KM Terkaya? | 107 |
| 8. Isa Samad: Kecil-kecil Sang Kancil. | 121 |
| 9. Syed Hamid Pesaka Albar Pada Negara? | 131 |
| 10. Siapa Ketua Pemuda ke 10? <i>X</i> | 143 |
| 11. Amanat Anwar Ibrahim. | 157 |



1

CUPLIKAN SEJARAH PEMUDA UMNO (1949 - 1987)



PERGERAKAN Pemuda UMNO Malaysia mempunyai "sentimental value" tersendiri. Ia mempunyai sejarah dan batu tanda perjuangan yang peribadi. Walaupun ia merupakan serpihan tulang rusuk badan induk UMNO yang kemudian dikenali sebagai sayap kanan UMNO, namun Pergerakan Pemuda mempunyai kekuatan dan budi perjuangan tersendiri; dalam perjuangan menegakkan kemerdekaan dan pembentukan bangsa Melayu bermaruah.

Pergerakan Pemuda UMNO, pada mulanya di kenali sebagai Perikatan Pemuda UMNO, ditubuhkan pada 26 Ogos, 1949 iaitu setelah tiga tahun kelahiran badan induknya, UMNO.

Desakan penubuhan sayap kanan UMNO itu,

hasil daripada perkiraan bijak dan kesedaran pemimpin UMNO waktu itu, betapa perlunya seluruh Pemuda Melayu disatu dan bergerak dalam satu wadah yang diberkas dengan landasan semangat Nasionalisme dan Islam.

Perwujudan barisan pemuda itu memberi makna, bahawa para pemimpin Melayu ketika itu sudah nampak betapa pemuda perlu diikat pada satu batang dan tenaga mereka digembelingkan untuk mencepatkan proses mencapai kemerdekaan. Sekaligus ia membuktikan betapa tenaga Pemuda adalah penting sebagai penguat tenaga dewasa (UMNO), dan tidak boleh diremeh temehkan.

Allahyarham, Tun Hussein Onn, (ketika itu Kapten Hussein) telah diamanah untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO pertama. Sudah pasti selaku ketua pemuda pertama, beliau bertanggungjawab menggariskan perjuangan pemuda selari dengan perjuangan UMNO.

Setahun kemudian, (Ogos, 1950) pucuk pimpinan Pemuda beralih tangan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, apabila Hussein Onn dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Ketika pemuda dibawah pimpinan Tun Razak, pemuda mula menunjukkan kepentingannya dan keperluannya yang besar dalam konteks perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Pemuda menjadi satu organ terpenting dalam UMNO, menjadi penggerak yang bersemangat dan berani dalam menuntut kemerdekaan dan pe-

laung hak-hak dan kepentingan Melayu.

Dalam persidangannya pada (25 dan 26 Mac, 1951), Pemuda telah memulakan peranan agresifnya dengan meluluskan seruan "Hidup Melayu" kepada "Merdeka" yang kemudian diterima oleh UMNO sebagai seruan keramat perjuangan UMNO ketika itu.

Perubahan seruan itu juga menjelaskan betapa barisan Pemuda ketika itu menjadi satu barisan yang cukup berani sekali. Pemuda telah menjadi penyalur cita-cita bangsa Melayu yang menuntut kebebasan merdeka yang mutlak!

Kira-kira lima bulan selepas Pemuda UMNO mengubah seruan perjuangan dari Hidup Melayu kepada Merdeka, ketuanya bertukar tangan pula kepada Sardon Jubir. Kehebatan pemuda se-waktu dibawah pimpinan Tun Razak menjadi bertambah hebat dan bersemangat lagi apabila Sardon Jubir memimpin pemuda dan menambahkan lagi agenda perjuangannya.

Sardon Jubir telah berjaya menjadikan Pemuda sebagai tenaga terkuat dalam UMNO. Pemuda menjadi pengundang kepada seluruh orang Melayu agar bersatu dalam saf bernama UMNO. Kesedaran betapa orang-orang Melayu perlu meanggotai UMNO dikejutkan oleh Sardon Jubir dan rakan-rakan seperjuangannya.

Kelantangan dan keberanian Pemuda ini terbukti, apabila Pemuda UMNO sudah berani menegur dan mencabar ahli-ahli UMNO yang menduduki kerusi Majlis Mesyuarat Undangan

Persekutuan Tanah Melayu supaya meninggalkan kerusi mereka, jika kerajaan penjajah tidak setuju mengadakan pilihanraya Federal (pertama) pada tahun 1954.

Desakan Pemuda itu sesuatu yang memerlukatkan dan secara tidak langsung ia menyerahkan hasrat dan tuntutan sebenarnya dikalangan tenaga-tenaga muda yang menjadi perwira negara. Ia sudah pasti mengejutkan ahli-ahli UMNO yang sedang menduduki kerusi Mesyuarat Undangan ketika itu.

Bagaimanapun, desakan pemuda itu tidak menjadi kenyataan, disebabkan masanya singkat dan pilihanraya umum Pertama tidak dapat diadakan sebelum tahun 1955, seperti mana yang dituntut oleh Pemuda. Tuntutan agar pilihanraya dipercepatkan bertujuan untuk mencepatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu dilakukan.

Pemuda dibawah pimpinan Sardon Jubir bukan sahaja lantang, sebaliknya ia menjadi "Pejuang" kepada bangsa dan umat Melayu. Pemuda telah memainkan peranan yang sungguh berkesan dan besar kepada bangsa Melayu. Pemuda UMNO bertindak dengan lebih berani dan yakin lagi terhadap hak-hak mutlak umat Melayu sebagai tuan punya bumi tercinta (Tanah Melayu).

Pada ketika itu, Pemuda UMNO telah mula mempersoalkan masalah ekonomi orang Melayu; pelajaran orang Melayu; soal bahasa Kebangsa-

an, soal agama rasmi dan juga isu-isu lain yang berhubung kait dengan hidup dan mati bangsa Melayu.

Satu-satu kejayaan dikira paling besar dan bermakna bagi Pemuda UMNO dibawah pimpinan Sardon Jubir ialah, apabila UMNO menerima saranan dan desakan Pemuda agar tarikh kemerdekaan negara dipercepatkan pada 31 Ogos, 1957. Ekoran desakan dan cadangan itu-lah, pada tahun 1956 rombongan parti Perikatan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman terbang ke London untuk berunding dengan kerajaan British.

Barang kali kalau tidak kerana desakan pemuda, yang terdiri daripada manusia yang darah panas, tarikh kemerdekaan kita mungkin ke belakang, atau pun lewat daripada apa yang kita rayakan hari ini, setiap 31 Ogos.

Diatas kesedaran betapa Pemuda UMNO berperanan lebih luas dan menyeluruh dalam usaha untuk mendaulahkan martabat bangsa, pada Disember, 1955, bersesuaian dengan terpin-dahnya Perlembagaan UMNO, nama Perikatan Pemuda UMNO, telah ditukar kepada "Pergerakan Pemuda UMNO". Perubahan ini menunjukkan pemuda tidak lagi setakat berikatan sahaja, sebaliknya akan bergerak; menjadi peneroka kepada alam kehidupan, mencari idea-idea baru serta menjadi "peluru" kepada perjuangan Melayu yang diteraskan kepada UMNO.

Selama 13 tahun (1951 -64) Tun Sardon Jubir memimpin Pemuda UMNO; satu jangka masa yang panjang, dan meletakkan beliau sebagai Ketua Pemuda yang paling lama. Selepas pilihanraya 1964 pucuk pimpinan bertukar kepada Senu Abdul Rahman.

Sewaktu dibawah teraju Senu Abdul Rahman, minda pemuda yang sudah dicetus oleh beberapa pemimpin terdahulu, semakin menjadi luas dan lebar. Senu telah memperkuatkan Pemuda UMNO dengan mengadakan khemah kerja-khemah kerja untuk menyedarkan bangsa Melayu. Seperti ketua lain juga, Senu mempunyai nostalgia tersendiri sewaktu memimpin Pemuda, apabila, pemuda pada zamannya dikenali sebagai "Pemuda Tahan Lasak."

Selaras dengan pemuda yang bergerak selepas mencapai kemerdekaan, Senu menjadikan pemuda dibawah pimpinannya, sebagai golongan yang yang dinamik. Untuk mencapai tujuan itu, **Revolusi Mental** dilakukan ke atas pemuda UMNO khususnya dan orang Melayu amnya. Satu jawatankuasa Revolusi Mental dibentuk dalam tahun 1968 dan sebuah buku dengan jodol Revolusi Mental diterbitkan kemudianya.

Dalam buku itu digaris dan dikemukakan petunjuk dan juga jalan-jalan bagaimana untuk mencorak intelektual dan keperibadian untuk merubah cara berfikir, pegangan dan sikap masyarakat umum sesuai dengan kehendak dan suasana bagi memenuhi (mengisi) kemerdekaan

serta menghadapi cabaran masa akan datang.

Buku itu boleh dianggap sebagai "guide book" pemikiran bangsa Melayu.

Tidak keterlaluan dikatakan, hasil daripada Revolusi Mental, Senu Abdul Rahman itulah, tabir pemikiran orang Melayu mula tersingkap lebih luas untuk menggerakkan ekonomi, pendidikan, politik dan sebagainya. Orang Melayu, khasnya pemuda mula merasai betapa penting, orang-orang Melayu turut sama bergerak aktif dalam semua aspek kehidupan bagi menjadi bangsa yang bermaruah, serta sebagai model pengekalan kemerdekaaan.

Satu program "*economic offensive*" dilancarkan dan hasilnya tertubuhnya Syarikat yang diberi nama Talasco, yang bermakna "Tahan Lasak Company", pengurusnya ialah dikalangan Pemuda sendiri itu Sharif Ahmad yang menjadi Exco Pemuda.

Pada tahun 1970 Senu Abdul Rahman terpaksa meninggalkan Pergerakkan Pemuda, apabila beliau "dinaikkan" pangkat dilantik menjadi Setiausaha Agung. Untuk semantara jawatan Ketua dipangku oleh Ali Haji Ahmad.

Tragedi politik yang menimpa ke atas negara pada tahun 1969, akoran kemenangan besar kaum China dalam pilihanraya umum 1969, telah merubah suasana dan iklim politik negara. Akoran peristiwa itu juga pemuda turut memerlukan perubahan untuk menangani kemelut politik pada masa itu, Pemuda memerlukan se-

orang pemimpin yang lebih "keras" dan bersemangat daripada sebelumnya.

Justeru itu pada tahun 1971, Datuk Harun Idris yang sudah terkenal sebagai "tokoh Melayu" tulin dilantik mengepalai barisan Pemuda.

Kemunculan Datuk Harun yang mempunyai semangat Melayu tulin, menjadi idaman dan sanjungan kalangan pemuda. Ternyata Datuk Harun dapat membawa dan mengemudikan pemuda menjadi sayap yang digeruni oleh pihak musuh maupun pemimpin UMNO sendiri. Kelantangan Datuk Harun, menyebabkan cubaan untuk mengugat kuasa politik Melayu gagal dan mengendur!

Kerana kelantangan, keberanian itulah, Pemuda dizaman Datuk Harun dikenali sebagai "pressure group".

Sebagai *pressure group*, banyak penyelewengan dan kemungkaran terutamanya berhubung dengan kepentingan Melayu dibongkar oleh Datuk Harun. Telatah dan kerena Datuk Harun ini ada kalanya radikal dan tidak disenangi oleh UMNO induk. Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang ketika itu menjadi Timbalan Presiden, menganggap pemuda UMNO dibawah pimpinan Datuk Harun sebagai "parti dalam parti".

Seperti lumrah dalam perjuangan, kalau seorang pemimpin itu tidak dibunuh oleh musuh, ia akan dicemburui oleh kawannya sendiri! Tahun 1976 merupakan tahun yang menutup

segala kegembilangan politik Datuk Harun. Beliau telah didakwa di mahkamah ekoran "Skandal Bank Rakyat".

Penglibatan Datuk Harun dalam skandal itu menyebabkan pemuda memerlukan seorang pengganti. Penggantinya mestilah setanding kalau pun tidak melebih karisma Harun.

Untuk mengganti Datuk Harun ketika itu, pemuda UMNO merasa tidak ada orang lain yang paling layak, melainkan Singa UMNO Jaffar Albar. Berdasarkan rekod perjuangannya, maka pemuda UMNO telah memilih Jaffar Albar yang ketika itu sudah berusia 62 tahun sebagai "nahkoda" perjuangannya.

Bagaimanapun, Pemuda tidak sempat berlama dengan Tan Seri Jaffar Albar, apabila pada 14 February 1976 ketika sedang "berjuang" (berdialog) dengan pemuda UMNO Johor di Muar, beliau dipanggil Allah pulang ke pangkuhan-Nya.

Kepulangan ke rahmatullah, Tan Seri Syed Jaffar Albar, merupakan kehilangan tokoh besar, bukan sahaja kepada pemuda, tetapi seluruh UMNO dan tanah air. Kekosongan itu memberi peluang pula kepada Datuk Suhaimi Kamaruddin, anak saudara Datuk Harun untuk memimpin pemuda!

Meskipun kepimpinan Suhaimi tidak selanjutnya Harun dan Jaffar Albar, tetapi Suhaimi masih dapat memainkan peranan dan membawa barisan pemuda sebagai kumpulan bertindak.

Pemuda yang dikenali dengan nama **Era Bertindak**, benar-benar bertindak membongkar penyelewengan demi penyelewengan, termasuk pelaksanaan DEB, isu UMBC, Universiti Merdeka dan sebagainya.

Pengimportan masuk Sdr Anwar Ibrahim, Presiden Abim yang telah menukarkan kiblat perjuangan dan bahtera pelayaran ke dalam UMNO, menyebabkan usia Suhaimi dalam pemuda tidak lama. Kehebatan iklan ke atas diri Anwar sebagai tokoh Islam, menyebabkan pemuda jadi terpesona dan tersihir, akhirnya mereka "membuang" Datuk Suhaimi dan memilih Anwar sebagai pemuda dalam tahun 1982.

Sekali bah, sekali pantai berubah. Kemasukan Anwar dalam UMNO, (ketika memimpin pemuda), Anwar berjaya membawa idea baru dan juga slogan perjuangan baru. Diatas slogan Pemuda **Penggerak Zaman**, Anwar berjaya melakukan transformasi budaya dan pemikiran dalam Pemuda UMNO. Ternyata semangat dan kecenderungannya kepada Islam, turut tersimbah dalam pergerakan pemuda UMNO.

Antara kejayaan ataupun jasa Anwar dalam Pergerakan Pemuda UMNO, ialah beliau berjaya menghapuskan budaya berpartian, minum, sosial bebas dalam UMNO. Ketika beliau menjadi ketua pemuda, majlis keramaian, parti yang sebelum ini menjadi budaya dalam pergerakan itu terhapus sama sekali.

Perjuangan pemuda juga diperluaskan oleh

Anwar bukan sahaja membicarakan isu dalam negeri, yang remeh temeh. Sebaliknya beliau berjaya membawa pemuda ke muka antarabangsa, apabila isu-isu menyentuh soal negara di peringkat internasional, turut sama dicampuri oleh pemuda UMNO.

Anwar menjadikan peranan pemuda lebih bermakna lagi ke arah membentuk perpaduan negara dan intergrity nasional, apabila barisan pemuda-pemuda dalam semua parti-parti komponan Barisan Nasional buat pertama kali disatukan.

Pembentukan ini telah memberi kesedaran kepada kaum muda, bahawa betapa negara perlu kepada penyatuan, budaya, fikiran dan semangat muda untuk kesejahteraan bersama.

Kehadiran Anwar dalam pemuda, bukan sahaja membuka era baru kepada pergerakan itu sebaliknya kepada UMNO sendiri. Kehadirannya memberi cahaya baru kepada UMNO, sehingga ramai golongan profesional dan intelektual yang sebelum ini "judis" kepada UMNO telah bertindak menyertai UMNO.

Justeru matlamat asal UMNO bukan sahaja hendak membentuk generasi penggerak zaman, sebaliknya untuk merubah induk UMNO itu sendiri, maka pada 24 April, 1987 beliau telah mengamanahkan pergerakan pemuda yang mempunyai puluhan ribuan tenaga itu kepada Najib Tun Razak, anak kepada Ketua Pemuda UMNO kedua dan yang juga Perdana Menteri

kedua, Tun Abdul Razak Hussein, untuk meneruskan cita-citanya.



Inilah Pemuda zaman Najib semuanya angkat tangan menyokong Anwar. Mereka kemandulan idea, kepatahan taring dan menjadi korban kopi kepada UMNO. Mat Rahmat dan Hussein Ahmad(barang buangan dalam UMNO) tumpang semangkuk untuk mengembalikan semangat kepemudaannya.





AGENDA PEMUDA UMNO TAHUN 2020

SEPERTI diduga Annuar Musa telah mengaku kalah sebelum bertarung. Beliau telah menyedari bahawa dirinya tidak mempunyai kekuatan untuk turut sama bertarung bagi merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Setelah menunggu beberapa ketika, melihat reaksi kawan dan lawan, akhirnya dia sedar dia seorang yang lemah. Baru dia ta'uu.... bahawa sebelum ini dia perasan kononnya dia kuat dan hebat, lalu menawarkan diri untuk sama-sama bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda. Rupa-rupanya Annuar Musa ini tidak sekuat mana, kalau dia lawan Mat Isa pun dia boleh kalah.

Pada saya, keputusan Annuar Musa itu suatu

yang baik. Dia sempat mengukur baju di badan sendiri. Syabas diucapkan kepada Annuar Musa, beliau telah menyelamatkan maruahnya lebih dahulu. Memang beliau patut menginsafi bahawa, beliau masih belum mempunyai pengaruh dan pengikut tersendiri dalam UMNO. Beliau harus tahu, bahawa penonjolan dirinya dalam UMNO pada masa ini bukan kerana perjuangannya, sebaliknya kerana kesediaanya menghina Sultan negeri sendiri pada tahun 1987 dahulu.

Annuar masih belum ada **track rekod** dalam UMNO. Beliau belum ada jasa-jasa besar yang boleh dibanggakan. Kepimpinannya juga masih belum teruji dan menunjukkan kejayaan besar. Kemampuannya untuk mentadbir UMNO juga masih jauh daripada yang diharapkan.

Hakikat ini teruji di Kelantan. Dr Mahathir sengaja **test** kemampuannya di Kelantan, menjadi Timbalan Pengurus Perhubungan UMNO, ternyata test itu gagal. Annuar tidak mampu menunjukkan daya kepimpinan tinggi di Kelantan. Apa lagi untuk muncul sebagai seorang pemimpin yang disegani dan digeruni rakyat seperti Tengku Razaleigh Hamzah ketika dalam UMNO dulu, jauh sekali.

Selain Annuar, Khalid Yunus juga menyepi diri. Ura-ura konon dia akan turut sama bertanding, menjadi senyap sunyi. Mungkin Khalid ini juga sudah menyedari bahawa dia hanya layak untuk menjadi Pengurus Tetap Pergerakan Pemuda UMNO sahaja. Ketokohannya hanya

setakat itu sahaja.

Sebenarnya untuk bertanding jawatan pemuda UMNO bukan sebarang. Ia bukan calang-calang orang dan tidak semua orang boleh mencuba. Jawatan pemuda UMNO adalah satu jawatan bukan main-main. Jawatan itu merupakan satu post untuk mengasah bakat bagi melonjak ke tempat paling atas. Jawatan Ketua Pemuda UMNO bukan jawatan "Tok Mudin" di kampung-kampung. Tetapi jawatan yang berprestaj dan berkualiti.

Pemuda UMNO sendiri bukan satu kumpulan kecil dalam UMNO dan negara. Ia merupakan satu kelompok dan tenaga yang menggerakkan segala jentera dan juga wawasan negara. Peranan Pemuda bukan setakat mempastikan segala dasar UMNO dan kerajaan terlaksana, sebaliknya Pemuda UMNO juga berhak untuk mengemukakan wawasan dan pandangannya tersendiri.

Satu segi jawatan Pemuda, adalah "sekolah" untuk bakal pemimpin akan datang. Jawatan Ketua Pemuda, sebagai universiti mengajarnya untuk memungkinkan dia menjadi Perdana Menteri. Kalau dilihat kepada sejarah masa lampau, beberapa orang yang bakatnya ditunjukkan dalam kepimpinan pemuda, akhirnya menjadi Perdana Menteri. Antara mereka ialah Kapten Hussein Onn dan Tun Razak, dan insya-Allah Anwar Ibrahim pula dalam masa setahun dua lagi.

Pemuda boleh dianggap sebagai tokoh yang diuji untuk diletakkan ke tahap kepimpinan yang lebih tinggi. Mungkin disebabkan lumrah dan tradisi inilah maka ramai orang beriya untuk menjadi Ketua Pemuda meskipun dirinya ternyata kurang mampu dan baik disegi idelisme maupun saiz fizikal. Tetapi tidak pula bermakna yang tinggi, tegak dan *tough* itu punya otak baik.

Lantaran itu seseorang yang hendak memimpin Pemuda ia haruslah seorang mempunyai bakat kepimpinan semulajadi. Dia harus seorang yang berwibawa, dan mempunyai pelbagai keistimewaan. Dia harus memiliki kepintaran dan keperibadian yang luhur. Seorang yang komited kepada perjuangan Melayu, tidak munafik dan meletakkan keinginan diri lebih daripada segalagalanya.

Untuk memegang jawatan pemuda, memerlukan seorang yang benar-benar mampu; bukan sahaja disegi idea, tetapi seseorang itu harus memiliki kekuatan dan semangat yang kental. Semangat sayangkan bangsa, agama dan tanah air. Seseorang yang hendak memimpin pemuda haruslah bersedia melaksanakan segala isi-isi perjuangan Melayu, kerana pemuda itu adalah pendokong hati nurani rakyat.

Seorang yang hendak menjadi ketua kepada generasi penerus, hendaklah tegas, tidak mudah goyang. Orang yang tetap berpegang kepada keyakinan diri, tidak mudah digoyang dan digongcang prinsipnya. Dan orang yang rela kecewa

daripada menerima anugerah dan ganjaran yang berbentuk rasuah! Orang yang tidak meletakkan tanda harga (*price tag*) pada dirinya seperti barang di supermarket!

Seorang yang hendak menjadi Ketua Pemuda juga mestilah, insan yang mempunyai keperibadian yang luhur. Yang mempunyai latar belakang kepimpinan yang menarik. Seorang yang tidak ada skandal ataupun dilibatkan dengan apa-apa skandal, baik jenayah, perempuan maupun rasuah (korapsi).

Seorang calon pemuda mestilah yang bersih. Tidak korups! Tidak meletakkan kepentingan diri dihadapan. Dan yang rela berkorban dalam keadaan bagaimana sekalipun.

Sifat-sifat dan ciri-ciri demikian wajib dimiliki oleh calon-calon Ketua Pemuda dan diberi perhatian kerana ketua adalah kepala kepada barisan hadapan. Jika pemuda mendapat seorang ketua yang buruk latar belakangnya, ia akan menjadi ejekkan masyarakat terutamanya pihak musuh. Ia akan dipertikaikan. Malah kedudukan ketua itu sendiri, akan diungkitungkitkan bila timbul sesuatu masalah.

Kejayaan seseorang dalam bidang pentadbiran, politik dan pemerintahan bukan merupakan asas atau kriteria yang baik untuk diangkat menjadi ketua. Kejayaan dunia, tidak cukup. Pemuda memerlukan seorang pemimpin teladan yang berhemah, berwibawa, punya karismatik dan juga memiliki akhlak (sahsiah) Islam yang

tinggi - sesuai dengan bangsa Melayu yang berpegang kepada akidah Tauhid.

Memandangkan betapa besar peranan dan tanggungjawab pemuda dalam pembentukan negara, bangsa, tamadun dan agama, menjadi tanggungjawab ahli pemuda memilih, tokoh yang tepat. Pemilihan hendaklah dibuat dengan penuh kebebasan, tanpa sebarang ugutan, kongkongan, arahan dan desakan yang melulu, apa lagi disebabkan pengaruh wang!

Sehingga kini ada tiga orang calon yang telah menawar dan menyatakan kesanggupan untuk bertanding merebut jawatan Pemuda. Mereka ialah Rahim Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka, Syed Hamid Jaffar Albar, Menteri Undang-Undang dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Dilihat secara umum ketiga yang menyatakan kesanggupan itu layak untuk bertanding dan muncul sebagai pemimpin pemuda. Lebih-lebih Syed Hamid dan Rahim Tamby Chik. Kedua orang ini dilihat mempunyai ketokohan dan punya kelebihan tersendiri untuk muncul menjadi pemimpin, berbanding dengan Mat Isa.

Rahim Tamby Chik dan Syed Hamid dikira mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk memimpin Pemuda. Baik dilihat kepada idea, saiznya dan juga latang belakang perjuangan berbanding dengan Mat Isa yang agak pendek. Mereka berdua juga mempunyai wibawa dan perangai kepemudaan, berbanding dengan Mat Isa yang lebih

bersifat (*oldish*).

Pada saya adalah lebih baik kalau pertandingan pemuda ini hanya berlaku diantara kedua orang ini sahaja. Walaupun begitu, bukan bermakna Mat Isa tidak mempunyai kelayakkan, Mat Isa juga sudah tentu mempunyai keistimewaan dan juga kelebihan tersendiri maka beliau bersedia untuk turut sama merebut jawatan itu. Sekiranya Pemuda UMNO memerlukan seorang yang *oldish*, tidak terlibat dengan skandal, pemurah dan peramah tentu Mat Isa lebih layak.

Dalam bab ini saya tidak akan menyorot ataupun mengupaskan apakah kelebihan-kelebihan serta keistimewaan yang ada kepada ketiga orang ini. Kelayakan dan juga keistimewaan serta kemampuan mereka sebagai pemimpin akan disorot dalam bab khusus! (Saya bercadang akan mengadakan interview khas dengan ketiga orang ini secara terus terang dan terbuka).

Dalam bab ini, apa yang perlu untuk sama-sama kita hayati dan mengetahui ialah apakah inti parti perjuangan yang perlu diperjuangkan oleh Pemuda dalam dekad-dekad akan datang. Apakah wawasan yang harus diperjuangkan oleh Pemuda.

Kita harus melihat dengan penuh kepekaan dan sedar, setiap intipati perjuangan pemuda. Sudah sampai masanya kita (selaku rakyat) turut sama mengemukakan agenda yang harus dilaksanakan oleh Pemuda, dan bukan sahaja menanti apakah agenda yang akan dibentangkan

oleh pemuda!

Dengan melihat intipati itu, barulah nanti kita akan nampak, apakah pemimpin yang akan diangkat nanti berkemampuan ataupun tidak untuk melaksanakan gagasan yang digarapkan itu. Apakah pemimpin itu bersedia, sanggup atau pun tidak memikulnya.

Pemuda adalah harapan bangsa. Pemuda adalah pemegang amanah bangsa. Pemuda adalah barisan depan yang akan dilantik tanggungjawab dan juga segala bentuk kepentingan bangsa ke atasnya. Pemuda adalah, peyaluran perjuangan umat Melayu. Pemuda adalah penjaga tanah air dan kandi pendaulatan agama.

Pemuda bukannya sayap kiri yang semata-mata menampung perjuangan badan induknya. Pemuda harus diagresifkan perjuangan daripada badan induk. Sesuai dengan laungan dan slogan itu, maka sudah sampai masanya Pemuda menukar dan mengubah budaya dirinya daripada menjadi tukang "korban copy" atau "rubber stamp" kepada UMNO ataupun kerajaan menjadi pengislah dalam segala hal dan keadaan.

Kerana demikian besar peranan dan tanggungjawab Pemuda Era 2020 nanti, maka adalah menjadi tanggungjawab bersama pula, khususnya pemuda untuk kita lihat apakah tanggungjawab-tanggungjawab, amanah dan intipati perjuangan yang harus pemuda lakukan dalam dekad-dekad akan datang.

Sesuai dengan usia pemuda, yang menjangkau ke angka 44 tahun, manakala usia negara pula 36 tahun, maka cabaran masa depan adalah besar. Sehubungan itu, perjuangan masa lalu perlulah diperkemas dan dipertingkatkan lagi. Era Wawasan 2020, yang dicita-citakan untuk mewujudkan Melayu baru, haruslah dilihat dengan penuh saksama dan diteliti pada setiap sudutnya.

Secara umumnya ada beberapa aspek yang harus dipertanggung-jawabkan dan perlu diberikan penekanan oleh Pemuda zaman ini. Menjelang tibanya abad ke 21 Pemuda UMNO harusnya dewasa bersama kedatangan abad baru itu serta memperhebatkan lagi perjuangannya, dan tidak menjadikan pemuda sebagai golongan atau badan sampingan semata-mata.

Antara yang perlu diberi penekan serius ialah:

1. Agama.
2. Kekuasaan politik.
3. Ekonomi.
4. Pendidikan.
5. Perpaduan.

Lima perkara ini adalah merupakan asas perjuangan Pemuda UMNO yang telah digaris kasar oleh UMNO sejak penubuhannya dahulu. Antara tujuan besar kenapa pemuda di tubuhkan pada tahun 1949, adalah untuk berganding bahu dengan UMNO bagi memperjuangkan lima

perkara asas (wajib) itu.

Perjuangan terhadap lima perkara itu dilakukan dengan cara bersungguh dan penuh tanggungjawab sekali, ia bersambungan dari satu dekad ke satu dekad oleh seorang lepas seorang Ketua Pemuda. Asas perjuangan itu tidak pernah mati ia bernyala seperti unggul api ataupun bintang Kejora di dada langit biru.

Sesuai dengan kemampuan setiap daripada pemimpinnya, kejayaan mengikut kadar masing-masing. Satu hakikat, kejayaan total dalam bidang itu masih belum memuaskan hati. Dan.... lima bidang itu akan terus diperjuangkan sehingga akhirnya.

Sesiapa yang menjadi Ketua Pemuda, menjadi tanggungjawabnya, meneruskan perjuangan dalam semua bidang agar lebih bermakna dan luas lagi.

Agama.

Dalam perlumbagaannya, UMNO telah menggairahkan "berusaha, mempertahan, menegak, mengembangkan Islam agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.." jelas menunjukkan perjuangan UMNO adalah turut sama memperjuangkan agama Islam.

Dari rangkaian kata inilah, UMNO sering kali mempertahankan dirinya sebagai parti Islam, bila berdepan dengan rakyat yang didakwahkan oleh Pas. Bukan hendak dinafikan per-

juangan UMNO terhadap agama, ia telah banyak membawa kemajuan, malahan syiar Islam yang wujud di Malaysia hari ini adalah hasil titik peluh UMNO.

Dalam pada itu, pada dekad akan datang Pemuda UMNO mempertingkatkan lagi perjuangan mereka terhadap agama. Usaha mendalatkan agama hendaklah dilakukan dengan lebih menyeluruh dan berkesan lagi.

Pemuda UMNO harus sedar dan menerima bahawa era sekarang ini adalah era kebangkitan Islam. Ramalan menyatakan bangsa kita akan menjadi *leader* kepada kebangkitan Islam hendaklah disambut dengan penuh syukur dan bermakna.

Bagi merealisasikan kemungkinan itu pemuda UMNO harus membuat persiapan rapi baik didalam diri dan juga pada pergerakan tersebut.

Program-program kerohanian, pembinaan insan (manusia), haruslah diperbanyak. Sudah sampai masanya pemuda UMNO tidak sahaja bercakap ataupun menyambung lidah pihak-pihak tertentu mengenai Islam, sebaliknya perlu mengadakan perancangan dan persiapan tersendiri yang lebih bermakna dan global.

Dalam usaha ini, perkara paling penting, pemuda UMNO hendaklah melengkapkan diri anggotanya dengan keimanan, semangat keIslam yang kental dan juga daya jihad yang tinggi. Tranformasi kebudayaan berteras dan keperiba-

dian Islam yang dibawa oleh bekas Ketua Pemuda Anwar Ibrahim pada awal tahun 1980an... hendaklah diteruskan dengan lebih berkesan lagi, dalam erti kata lain hendaklah direalisasikan ke alam yang nyata. Jangan ia hanya menjadi sebagai slonganis sahaja.

Dalam hal ini pemuda UMNO perlu ada institusi berkenaan dengan agama tersendiri yang bertindak menjadi pendakwah, pentarbiayah serta konsuler mengenai agama terhadap anak-anak buahnya sendiri. Seliaan terhadap agama di kalangan pemuda tidak ada, ini menjadikan pemuda tidak berakhhlak dan komitmen mereka kepada agama tidak bersungguh!

Sehubungan itu pemuda UMNO juga harus sentiasa sedar bahawa kumpulan mereka merupakan "kandi" kepada bangsa. Penyuluhan kepada kedaulatan Islam, tulang belakang kepada penggerak dan pembentukkan ekonomi dan sebagainya. Jika kandi itu padam, maka akan sirnalah juga harapan dan cita-cita rakyat Melayu seluruhnya.

2. Kekuatan politik.

Satu teras atau matlamat perjuangan paling awal UMNO ialah kekuasaan politik. Malahan perwujudan UMNO sendiri diatas kesedaran betapa bangsa Melayu harus ada kekuatan politik. Kekuatan politik menjadi senjata paling ampuh dalam negara pengamal sistem demokrasi ber-

parlimen seperti Malaysia ini. Kekuatan politik-lah merupakan aset dan kunci yang menjamin bangsa Melayu terus berdaulat dibuminya sendiri. Kekuasaan politik menjadi benteng dari-pada kemusnahan bangsa dan agama anutannya.

Dalam hal ini, pemuda harus peka dan sedar akan kekuatan kuasa politik bangsa Melayu. Pemuda tidak seharusnya beranggapan kekuatan itu, menjadi milik Melayu apa bila hak-hak keistimewaan Melayu telah dicatat-janjikan dalam perlembagaan. Pemuda harus peka, bahawa apa-apa yang tercatat dalam perlembagaan itu, boleh dipinda pada bila-bila masa.

Perdana Menteri Dr Mahathir sendiri menyebut; **"Yang tidak dapat dipindah ialah Qur'an dan Hadith, selain daripada itu boleh dipindah.."** Kata-kata itu terbukti bila sehingga kini sudah berpuluhan kali perlembagaan negara dipinda mengikut keadaan dan situasi. Pindaan perlembagaan seperti pemindaan, eksesori dalam rumah. Seperti memindah pasu-pasu bunga, meja-meja makan dan sebagainya mengikut penghuni rumah seperti kaum perempuan yang boleh mengubah alat-alat *make-up* mengikut kesesuaian majlis

Demikian mudah dan gampangnya perlembagaan dipinda. Tidak mustahil kalau mana-mana pihak lain berkuasa suatu hari nanti, mereka akan meminda perlembagaan negara mengikut citarasa dan nafsu mereka dan tidak lagi berlandaskan kepada kehendak dan hati nurani

bangsa Melayu.

Justeru itu, perlombagaan adalah tidak kekal, dan tidak kekal jugalah hak Melayu itu buat selama-lamanya. Hak Melayu dalam perlombagan itu hanya terjamin, jika kuasa politik orang Melayu utuh. Dalam sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan dinegara ini, bila ada suara 2/3 di Dewan Rakyat ia boleh memindah apa sahaja, termasuk soal agama, keistimewaan bangsa Melayu dan lain-lain.

Dalam hal ini, kuasa politik perlu dikukuhkan dari masa ke semasa. Untuk mempastikan kuasa politik kukuh, Pemuda UMNO haruslah menguatkan kedudukan politik bangsa Melayu. Bila disebut politik bangsa Melayu, ia tidak boleh dirujukkan kepada UMNO sahaja, sebaliknya kepada semua parti, dan golongan yang mewakili Melayu!

Pengukuhan ini boleh dilakukan oleh pemuda. Pemuda boleh bertindak menegur badan induknya dan juga jaguh-jaguh politik Melayu. Jangan pula, pemuda UMNO bersedia dialatkan menjadi pembela kepada tokoh-tokoh tertentu dalam UMNO sehingga, merelakan perpecahan berlaku.

Adalah lebih baik dalam setiap apa jua krisis, Pemuda berdiri ditengah-tengah. Pemuda hendaklah menjadi biduk kepada kiambang yang berpecah. Misalnya dalam krisis perpecahan tahun 1987, pemuda UMNO tidak seharusnya bias kepada mana-mana pihak. Sikap memihak

memarahkan lagi keadaan.

Seperti dinyatakan tadi, pemuda UMNO tidak harus merujuk kepada UMNO sahaja. Pemuda UMNO harus melihat kepada semua parti orang Melayu. Sudah sampai masa pemuda UMNO mengambil inisiatif untuk menyatukan tenaga-tenaga muda dalam parti Melayu. Pemuda buktikan bahawa ia boleh melakukan itu. Sekiranya orang tua enggan untuk duduk semeja kerana perselisihan pendapat dan gengsi, maka menjadi tanggungjawab pemuda untuk menyatukannya. Adalah menjadi harapan kita semoga Pemuda UMNO pada masa datang berpaktat dan kerjasama dalam segala sudut dengan gerakan dan harakah Islamiah yang ada dalam negara ini, termasuk juga Pemuda dalam parti-parti berideologikan Islam, seperti Pas.

Pada saya penyatuan dan pengukuhan politik orang Melayu ketika ini penting sekali. Apa lagi dalam kita sama-sama menunggu "taufan" perubahan Islam, kita memerlukan kekuatan politik yang mantap. Satu perkara perlu ingat, jika kita kuat, kukuh dan padu.... tidak mudah musuh-musuh untuk mengugat kita. Kita juga perlu sedar, musuh lebih ramai menanti kita dihadapan daripada kawan. Kejayaan kita dalam pembangunan material, menyebabkan musuh-musuh bangsa dan agama kita semakin cemburu.

Pemuda tidak wajar mengamalkan politik **apportunis, ministerialistik dan sekular orthodoxy** (nasionalisme sempit) sebaliknya praktik-

lah politik berdasarkan konsep Islam yang popular - **ukhuwah** dan berjuang di atas satu matlamat, **amal ma'aruf nahi bil mungkar!** Untuk mempastikan politik Melayu tetap teguh pemuda UMNO harus kembali kepada Islam dan faham bahawa kekuatan sebenar boleh terbentuk dengan iman dan taqwa bukannya dengan asobiah melayu.

3. Ekonomi.

Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh kerajaan telah membuka mata orang Melayu. Seruan kerajaan agar orang Melayu berlumba dalam mencari kekayaan menyebabkan telah lahir sebilangan tokoh usahawan Melayu. Hingga sampai ke zaman Dr Mahathir yang memberikan penekanan ekonomi "**hight tech**" telah merubah suasana dan juga keadaan ekonomi orang-orang Melayu. Telah muncul jutawan Melayu. Samada ia terhasil daripada usahawan Ali Baba atau sebagainya, yang jelas Melayu telah berjaya dan mula mengecapi **nikmat ekonomi**.

Namun begitu kedudukan ekonomi Melayu masih terumbang ambing. Target untuk mencapai 30% melalui Dasar Ekonomi Baru masih belum tercapai. Kalau dilihat pada zahirnya, memang kedudukan ekonomi negara sudah teguh, tetapi pada hakikatnya masih jauh. Orang Melayu masih terkial-kial dalam pengukuhan ekonominya.

Meskipun kini telah muncul beberapa orang tokoh korporat Melayu, tapi dari segi grassrootnya ekonomi Melayu masih lemah dan hidup di bawah tahap kemiskinan yang mengaibkan.

Pemuda hendaklah peka masalah ini. Pemuda jangan hanya melihat kepada kepesatan negara. Dasar ekonomi negara, dengan pensyarikatan dilakukan Dr Mahathir, banyak kepincangan daripada kesempurnaan. Satu segi negara maju tetapi rakyat miskin, pemuda perlu sedar dan jangan kecut perut untuk mengkritik Dr Mahathir, dalam hal ini, pemuda patut mengikut jejak Ketua-Ketua Pemuda telah lalu, yang lantang dan berani mengkritik pucuk pimpinan - kritik secara konstruktif.

Kita tidak mahu pemuda "menegarakukan" polisi ekonomi zaman Mahathir seperti burung tiong menyanyi pagi. Sikap angguk kerana hendak mengampu tidak seharusnya menjadi pakai-an pemuda UMNO pada masa datang. Pemuda UMNO harus berani menegur hakikat ini.

Pemuda perlu membuat **post mortem** apakah dasar ekonomi, pelajaran dan sebagainya menguntungkan Melayu atau tidak. Ianya patut dikaji apakah ianya menepati kehendak agama atau sebaliknya.

Kongres ekonomi yang bebas, diwakili oleh semua kumpulan dan aktivitis sosial, politik ekonomi tanpa mengira perbezaan, uslub perjuangan dan anutan ideologi politik bagi mengkaji kedudukan dasar ekonomi Melayu hendak diada-

kan. Pemuda UMNO harus realistik dalam soal ini.

Selain itu sudah sampai masanya Pemuda UMNO harus mempunyai perancangan ekonominya tersendiri. Pemuda UMNO patut menjadi pesaing ekonomi yang sihat dalam kerajaan. Sesuai dengan mereka yang memberarisi pergerakan pemuda terdiri daripada pakar ekonomi, ahli usahawan, apa salah kalau mereka menggunakan institusi ekonomi dan kewangan tersendiri seperti bank demi membela bangsa Melayu.

Satu perkara yang patut menjadi perhatian pemuda dalam soal ini ialah, menjamin cara-cara mengumpulkan kekayaan dengan yang halal, dan tidak bercanggahan dengan syariat Islam. Pemuda harus mempastikan bahawa kemunculan koporat Melayu itu diatas lunas-lunas yang murni dan bukan kerana mereka melakukan penyelewengan. Pemuda UMNO harus peka, kejayaan yang ditempa mengikut lunas yang tidak baik, apa lagi jelas bertentangan dengan nilai-nilai Islam, adalah kejayaan palsu. Pemuda hendaklah mempastikan tokoh koporat, dan juga kekayaan negara dicapai dengan cara yang beradab dan berakhhlak.

4. Pendidikan.

Pendidikan satu persoalan yang menjadi tunggak perjuangan UMNO dan Pemuda sejak lama

dahulu. Suatu masa dulu Pemuda sangat menitik berat kepada Bahasa Kebangsaan, dasar Pendidikan Kebangsaan dan Kebudayanya. Pendidikan menjadi intipati penting kepada jihad pemuda UMNO.

Dalam soal pendidikan, percapaian pemuda masih jauh ditahap yang menggembirakan. Meskipun sudah ada hasil yang dibuat oleh kerajaan (UMNO), namun kejayaan belum sampai ke maksimumnya. Pemuda sejak kebelakang ini seakan tidak mempunyai idea untuk memperjuangkan masalah pendidikan.

Sesuai dengan zaman kebangkitan Islam, dan masyarakat yang mahu dibentuk penuh berakh-lak, pemuda harus peka dan berani menyuarakan kepincangan dalam sosio-pendidikan. Transformation pendidikan hendaklah dilakukan dengan penuh kesedaran dan kesungguhan berlandaskan falsafah pendidikan Islam (Rasulullah). Untuk mendapatkan ini pemuda UMNO harus mengkaji Qur'an dan juga doktrin tarbiah Rasulullah yang ternyata sudah berjaya.

Pemuda harus turut sama membasmi masalah kepincangan dalam pendidikan. Masalah budaya lepak dikalangan anak muda yang sudah sampai ke tahap memuaskan, patut dipandang dengan serius. Pencemaran budaya tempatan, penyiaran filem lucah, ganas dan kejam... yang boleh merosakkan adat dan budaya Melayu hendak diberi perhatian wajar.

Pemuda yang secara langsung bertanggung

jawab kepada pembentukan generasi yang berakhlik hendak menangani masalah ini dengan penuh tanggungjawab dan bersungguh-sungguh. Pemuda seharusnya tidak menjadi **Pandir** dalam menentukan corak budaya, generasi akan datang. Pemuda harus berani mengemukakan kerangka budaya yang berteraskan kepada Islam bangsa. Itulah yang sebenarnya peranan dan tugas pemuda yang merdeka dan bertamadun.

5. Perpaduan.

Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian penting ialah perpaduan orang Melayu. Perpaduan ini bukan setakat dapat duduk dalam satu kem parti, sebaliknya persatuan fikiran, iktikad dan juga semangat. Menjadi tugas pemuda generasi moden, membawa rakyat negara ini, khususnya sesama Melayu dapat mengembangkan tenaga dan fikiran demi survial politik Melayu. Berusaha menyuburkan semangat pemuaafakatan membantu sesama Melayu seluruhnya. Gelaja politik pentingkan kedudukan, tanpa menilai maruah diri hendak diperbetulkan kalau pun tidak dapat dihapuskan sama sekali.

Pemuda harus menjadi generasi contoh dalam pembentukan tamadun, dan keperibadian Melayu baru. Pemuda harus mengenali peribadi Melayu baru, dengan sebenarnya. Keperibadian yang perlu ada kepada pemuda ialah berhemah, bersih, bermoral dan berdisiplin berlunaskan

ajaran Islam sejati. Jika pemuda tidak memiliki pakaian diri dan budaya demikian, segala perjuangan yang dituangkan kepada barisan pemuda dan bangsa tidak akan berjaya.

Demikian lima agenda penting yang harus diperjuangkan oleh Pemuda pada masa akan datang. Sesetengah agenda itu sudah diperjuangkan, tetapi hasilnya masih dibawah tahap menggembirakan.

Untuk mencapai dan melaksanakan agenda itu, pemuda UMNO harus istiqamah, konsisten, bersungguh, mempunyai semangat dan kecekalan yang jati. Ia memerlukan tenaga pemuda yang berani, dan sanggup mengadai nyawa demi mencapainya. Bagi merealisasikan agenda itu mengikut keserasian bangsa Melayu ia memerlukan kekuatan jiwa dan komitmen kepada bangsa, negara dan agama yang tinggi.

Untuk tujuan suatu perkara paling mustahak sekali, ialah pemuda memerlukan seorang pemimpin yang sepadan (sama besar) dengan gagasan atau agenda itu. Seorang pemimpin bukan sahaja bijak, tetapi mempunyai akhlak dan keperibadian diri yang luhur dan terpuji.

Seorang pemimpin yang jauh pandangannya, kuat berpegang kepada akar umbi Melayu serta pengamal agama. Ia tidak cukup setakat punyai kekuatan zahir, sebaliknya memerlukan kekuatan batin.

Pemimpin yang hendak melaksanakan agenda itu, seharuslah yang sempurna zahir dan

batin. ia tidak mempunyai kepincangan duniaawi dan akrawi. Yang tahu meletakkan dirinya diatas muka bumi dan tahu pula untuk memulangkan dirinya kepada Allah.


Pemimpin Pemuda pada tahun 2020 hendaklah yang mempunyai peribadi yang luhur, semangat kerja berkumpulan, tidak dengki, tidak mudah patah semangat dan bersedia untuk berkawan dengan sesiapa sahaja. Yang menekankan kepada perpaduan dan ukhuwah sesama manusia tanpa mengira rupa kulit dan anutan agama.

Kita yakin kalau Pemuda UMNO dapat menonjolkan pemimpin yang demikian, atau pemimpin yang dipilih nanti dapat melengkapkan diri dengan ciri-ciri serta keperibadian demikian, Pemuda UMNO akan menjadi satu *force* yang kuat dan cukup dihormati pada masa akan datang, seterusnya laungan pemuda pembela bangsa akan menjadi kenyataan.

Seandainya pemuda silap memilih pemimpinnya, maka sudah tentu segala cita-cita luhur, suci dan gagasan besar untuk bangsa dan negara itu tertinggal begitu sahaja, menjadi sebuah angan-angan yang ghaib dalam dunia fantasi.


Selain itu pemuda juga harus membuat persediaan dalam diri. Persediaan ini bukan sahaja sekadar memiliki ilmu pengetahuan tetapi termasuk juga memiliki kepakaran dalam semua bidang kehidupan, agama, politik, pendidikan, budaya, tidak lupa juga kepakaran dalam sains

dan teknologi. Dan satu perkara penting untuk mempastikan segala ilmu dan kepakaran berguna kepada bangsa, agama dan tanah air, pemuda UMNO hendaklah memiliki semangat keagamaannya, kebangsaan dan kenegaraan, persaudaraan yang tulin dan bersifat sejagat dan bukan bersifat keUMNOan semata-mata!



3

PEMUDA UMNO ZAMAN NAJIB MANDUL!



MENGHAYATI sejarah perjuangan Pemuda UMNO Malaysia, dan para penegerajunya kita akan menemui kelainan diantara satu sama lain. Kita akan mendapati diantara seorang ketua dengan ketua lain itu ada perbezaan, baik disegi idelisme, stail, wawasan, *approach* dan sifat-sifat peribadi dan stail kepimpinannya.

Masing-masing mempunyai wibawa dan juga keistimewaan tersendiri. Diantara satu sama lain tidak sama, dan masing-masing cuba berusaha untuk berkhidmat kepada Pemuda khasnya dan masyarakat (UMNO) amnya sebaik mungkin. Masing-masing meninggalkan "belang" atau *trade mark* peribadi kepada pemuda yang

mereka pimpin.

Juga kalau hendak diungkitkan masing-masing ada kelemahan dan kesalahan. Masing-masing ada keburukan. Apa lagi kalau dicungkil perangai dan peribadi dalam konteks adat istiadat Melayu dan Islam, banyak yang pincang!

Bermula pada zaman Kapten Hussein Onn, hingga kepada zaman Anwar Ibrahim, (1949 - 1987) bekas-bekas ketua pemuda itu mempunyai *vision* dan wawasan tersendiri. Mereka juga ada stail kepimpinan dan komitmen perjuangan yang peribadi. Mereka juga membawa jasa dan bakti, samada sedikit ataupun banyak. Mereka berjaya berfungsi selaku ketua kepada barisan generasi penerus dan pelapis dalam UMNO mengikut fikrah dan uslub mereka. Masing-masing telah memberi sumbangan tersendiri kepada pembinaan keperibadian bangsa dan kemajuan negara.

Barang kali kerana kelainan inilah maka Datuk Musa Hitam ketika merasmikan persidangan pergerakan Pemuda UMNO pernah berseru agar Pemuda membaca kembali sejarah perjuangan pemuda masa lampau. Dalam erti kata lain Datuk Musa mengharap agar pemuda masa kini dan akan datang tidak akan melupai jasa perjuangan pemuda terdahulu serta hendaklah menjadikan peta perjuangan yang digarapkan (lakarkan) oleh pemimpin terdahulu sebagai petunjuk.

Pemuda harus sentiasa memalingkan dirinya kepada nawaitu perjuangan asalnya. Tetap

mengelakkan semangat setia kawan, keikhlasan dan juga ketabahan dalam perjuangan serta kebebasan dalam bertindak dan menegur (kritik) tanpa melupai prinsip demokrasi.

Pesanan itu juga bererti, pemuda jangan terlalu "sentimen" dengan keadaan semasa, atau pun menjadi terlalu ghairah bagi mencapai matlamat perjuangan sehingga melupai adat dan tata susila orang-orang dahulu. Pemuda juga jangan mudah terperangkap dengan sebarang idea individu pemimpin tertentu apa lagi lekas merasa taksub kepadanya, dan hendaklah sentiasa membuat pertimbangan dan perimbangan yang baik dan penuh rasional.

Kalau kita meneliti dan mengkaji, corak, bentuk serta idelisme perjuangan setiap seorang bekas-bekas Ketua Pemuda bermula daripada Kapten Hussein Onn sampai kepada Ketua Pemuda kini Najib, perbezaan dan kelainan itu jelas sekali.

Barang kali disinilah, istimewanya dan keunikan pemuda UMNO itu sendiri, sebagai sayap kanan kepada UMNO.

Disini barangkali adalah tidak adil kalau tidak turut sama menyentuh dan menyorot kepimpinan Najib Tun Razak sebagai pemuda, kerana walaupun jawatan ketua yang dipegang itu secara "sunat" (kerana tidak dipertandingkan), namun satu hakikat kita kena terima, bahawa beliau adalah pemuda UMNO yang ke 9 yang telah dicatat dalam sejarah pemuda UMNO

Malaysia. Najib telah mengepalai Pemuda UMNO selama enam tahun.

Untuk meneliti apakah kemajuan serta kehebatan Najib, terlebih dahulu adalah lebih baik kalau kita mengingatkan kepada keadaan dan suasana sewaktu Najib mengambil alih teraju kepimpinan Pemuda daripada Anwar Ibrahim.

Najib mula memimpin Ketua Pemuda pada 24 April, 1987, apabila Anwar Ibrahim dengan suka rela menyerahkan jawatan itu kepadanya. Anwar menyerahkan jawatan itu setelah dia merasakan dirinya besar dan gagah dan memerlukan jawatan lebih tinggi untuk berkhidmat kepada bangsa, sebagai Naib Presiden!

Mungkin Najib adalah Ketua Pemuda paling bernasib baik. Pengesahan jawatan yang diserahkan oleh Anwar, atas sifat "sedekah" atau bonos itu disahkan pada tahun 1988, tanpa melalui sebarang pertandingan. Presiden parti Dr Mahathir menurut hukum tubuh UMNO baru (ketika itu), jawatan ketua Pemuda dan Wanita dilantik oleh Presiden, tidak dipertandingkan dengan alasan bagi mengelakkan perpecahan.

Melihat kepada kesempatan Najib memperolehi jawatan ketua pemuda ini, secara istimewa tetapi tidak ada.. "umpphnya" telah memberikan satu perkara yang menarik untuk kita menilai sejauh manakah keberkesanan dan kemampuan Najib selama memimpin pemuda. Apakah disebabkan beliau memperolehi jawatan itu tanpa jerih perih, maka perjuangan yang dicapainya

juga tidak berapa bernilai berbanding dengan apa yang dicapai oleh bekas-bekas ketua sebelum ini. Dalam pada itu juga keadaan proses perlantikan menyebabkan kita rasa peranan pemuda selepas tahun 1977 tidak ada apa-apa erti lagi.

Pengambil-alihan jawatan pemuda daripada Anwar oleh Najib, keadaan politik Malaysia pada masa itu berada dalam suasana tidak tenteram. UMNO sedang dilambung krisis dalaman yang cukup parah sekali. Datuk Musa sedang menghadapi delima dirinya sendiri setelah melepaskan jawatan Perdana Menteri. Sementara Dr Mahathir pula dalam pengejaran Tengku Razaleigh Hamzah, yang cuba menjatuhkannya dari singgahsana UMNO!

Keadaan yang kedua, ianya berlaku dalam tubuh pemuda sendiri. Dimana pada masa itu pergerakan pemuda Malaysia sedang dalam keadaan transisi daripada alam "jahiliah" kepada alam Islam. Mereka berada dalam kepungan suasana transformasi yang dilakukan oleh Anwar Ibrahim. Transformasi itu termasuk budaya, keperibadian dan pemikiran yang berlandaskan Islam sesuai dengan kecenderungan mendalam Anwar kepada Islam ketika itu.

Pemuda ketika itu, adalah pemuda yang telah dikejutkan dengan transformasi demikian, dan dalam keadaan luaran pula mereka terjempit diantara celah-celah krisis kepimpinan UMNO yang cukup mencabar.

Justeru kerana itu, saat Najib mula memim-

pin pemuda adalah ketika yang kritikal dan mencabar daya kepimpinannya. Satu segi saat seperti itu adalah cukup baik bagi Najib menunjukkan kemampuannya sebagai pemimpin dan sejauh mana ia dapat bertindak dengan baik. Keadaan itu sekaligus memberi peluang kepada-nya untuk membuktikan sejauh manakah ia mampu memainkan peranannya sebagai seorang pemimpin Pemuda.

Daripada senario dan realitas itulah, wajar atau lebih tepat untuk kita melihat sejauh manakah karismatik Najib sebagai pemuda. Apakah dengan keadaan yang demikian Najib telah dapat meluluskan dirinya sebagai seorang pemimpin yang handal dan bijaksana, serta dapat menyelesaikan masalah negara, ataupun sebaliknya?

Keadaan dan suasana yang kritis menimpa UMNO pada masa itu, tidak ada cara terbaik melainkan ianya disuntik dengan ubat pelali anti ghairah untuk memegang jawatan dikalangan pemimpin UMNO. Satu-satu tindakan yang cu-kup baik ialah, perlu wujudnya golongan pe-ngimbang ketika itu. Yang menjadi penawar dan juga pengikat agar keadaan yang parah dalam UMNO dapat diselamatkan.

Pemuda UMNO, sebagai generasi penerus yang harus melihat masa depan politik adalah kumpulan paling layak menjadi "doktor" atau-pun bomoh. Pemuda UMNO adalah umpama sampan kepada UMNO yang dalam masa kece-

masan (kritikal). Pemuda UMNO, adalah jambatan yang menghubungkan dua buah pulau (team A dan team B) yang semakin hanyut dan menjauhkan dari tebing perdamaian, ketika itu.

Tetapi malang, pemuda tidak berfungsi dengan baik. Pemuda UMNO tidak menjadi bomoh ataupun biduk yang menautkan kembali dua keping kiambang yang terpisah. Sebaliknya pemuda UMNO menjadi, satu kuasa yang kaku dan mengikut arus sahaja. Pemuda UMNO menjadi lemah. Dan dalam kelemahan itu, yang paling sedihnya ia bersedia pula diperalatkan oleh satu pihak lain untuk menghentam pihak lain.

Pemuda UMNO masa itu sudah gagal untuk berdiri di tengah, menjadi golongan neutral yang adil. Malah pemuda nampak sekali telah membelakangkan nawaitu dan juga asas-asas perjuangannya sebelum ini. Pemuda telah gagal berdiri di tengah menjadi tali mengikat, sukuansukuan dalam UMNO daripada bersengketa ketika itu.

Kerana kegagalan Pemuda itu maka sengketa semakin retak dan merebak. Yang akhirnya seperti mana kita ketahui, tragedi itu telah menjadi sejarah yang amat hitam kepada UMNO dan orang Melayu seluruhnya apabila UMNO diharamkan di mahkamah pada 4 Februari, 1988.

Kita sedar, kuasa pemuda dalam berhadapan dengan gelombang perbalahan besar itu tidak terdaya. Pemuda hanya sebutir batu kecil yang

tidak bisa untuk menandak dan membatasi air yang sedang melanda. Tetapi, apa yang dikesalkan kenapa pemuda tidak sedikitpun berusaha. Dan paling menyedih dan mendukacitakan, pemuda rela pula dirinya hanyut bersama air yang deras itu dan menjadi penumpang kepada sebuah perahu yang sedang berlaga!

Demikianlah keadaan pemuda dalam debar dan gelombang krisis. Ia gagal melakukan sesuatu untuk menyelamatkan UMNO dan bangsa Melayu. Apabila kita melihat kegagalan itu, secara otomatis kita meletakkan kegagalan itu dibahu Najib Tun Razak kerana ketika itu pemuda sedang dinakhodai oleh Najib.

Jelas Najib kurang bijak dalam berhadapan dengan krisis menimpa UMNO pada tahun 1987 dan 1988 itu. Najib gagal meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang dimalui oleh dua kumpulan UMNO itu. Najib tidak mampu menjadikan Pemuda sebagai pengimbang untuk memulihkan keadaan yang berkecamuk dalam UMNO pada masa itu. Najib tidak mampu menjadi seorang anak pintar yang menasihati orang-orang tuanya yang sedang bergaduh. Sebaliknya apa yang mendukacitakan Najib memihak kepada satu pihak, yang tidak sepatutnya beliau lakukan.

Dengan mengambil sikap memihak itu, maka tersangat jelas, bahawa kelemahan yang ada kepada Najib. Beliau tidak dapat mempertahankan prinsip dirinya sendiri dan juga prinsip (*consensus*) pemuda, selaku kuasa pengimbang

dalam UMNO.

Seperti dihuraikan tadi, ketika Najib mengambil alih kepimpinan Pemuda, pemuda berada dalam proses transformasi, budaya, pemikiran dan keperibadian. Anwar telah melakukan satu perubahan ke atas pemuda dalam usaha membentuk pemuda yang bermoral, berakhhlak, ikhlas dan bersemangat Islam dalam perjuangan, sebelum disedekahkan kepada Najib.

Acuan yang ditinggalkan oleh Anwar itu adalah acuan terbaik sepanjang sejarah perwujudan pemuda. Ia pula kena dan bersesuaian dengan masa, sewaktu kebangkitan Islam semakin menyemarak. Sudah pasti Anwar membina acuan itu berpandukan kepada perkembangan politik semasa. Anwar telah memandang jauh dalam proses pembentukkan transformasi kepada pemuda itu.

Tetapi sayang seribu kali sayang, acuan yang baik itu tidak diisi oleh Najib dengan sebaik mungkin. Najib gagal menangani transformasi yang dicipta Anwar ke atas generasi UMNO itu. Penerapan nilai-nilai Islam yang telah di mulakan Anwar tidak diimplementasikan sebaik mungkin oleh Najib. Apa yang paling dikesalkan, pemuda bukan sahaja tidak terbentuk mengikut acuan "rabanni" ciptaan Anwar sebaliknya mereka perlahan-lahan mula kembali ke belakang mengutip balik kebudayaan jahiliah masa lampau.

Tidak sampai dua tahun pemuda berada

dibawah kekuasaan Najib, ia menjadi kumpulan bebas, bersosial sehingga melupakan martabat diri dan adat susila orang-orang Melayu. Kegiatan-kegiatan maksiat yang sebelum ini sudah diharamkan oleh Anwar mula bertunas sekembali dan merebak dalam UMNO.

Secara umumnya, Najib ternyata gagal meneruskan perjuangan pemuda yang ditatahkan oleh Anwar sebelum ini. Dalam beberapa sudut pemuda zaman Najib kehilangan taring, menjadi mandul serta tidak ada kualiti langsung.

Adalah tidak keterlaluan untuk kita merendahkan martabat Najib sebagai pemuda. Namun sejarah dan *diary* politik Malaysia, ada mencahat segala kelemahan dan juga kepincangan yang dilakukan oleh Najib.

Keadaan ini boleh dinilai satu persatu, ke dalam segenap aspek kehidupan yang menjadi intipati perjuangan pemuda selama ini.

Dalam bidang pendidikan misalnya, kita kurang mengerti apakah peranan pemuda dalam bidang ini. Sedangkan rata-rata orang Melayu masih lemah dalam bidang maha penting ini. Kita tidak mengetahui apakah komitmen pemuda terhadap pendidikan. Apakah bantuannya kepada kaumnya sendiri, menerusi perjuagannya itu.

Kita tidak tahu apa yang pemuda zaman Najib malahan zaman sebelum Anwar lakukan selain daripada bercakap. Kalau setakat bercakap mengenai usul pendidikan dalam perhimpun-

nan agung UMNO ia tidak memberi apa-apa guna, kerana sesiapa pun boleh bercakap.

Begitu juga dalam bidang-bidang lain, kebudayaan, ekonomi, pemuda hanya pandai bercakap sahaja. Tidak berbuat apa-apa. Dalam menampung ekonomi orang-orang Melayu, tidak ada apa-apa program yang ditaja dan dirancang oleh pemuda, secara khusus dan global.

Sungguhpun pemuda mempunyai pelbagai Biro, ekonomi, pelajaran, setinggan dan sebagainya, ia setakat wujud pada nama sahaja. Hasil dan jasanya kepada rakyat masih belum boleh dibanggakan. Kita tidak dapat tengok apakah jasa-jasa atau sumbangan Pemuda di zaman Najib, baik kepada Pemuda UMNO sendiri atau pun negara.

Apa yang paling menyerlah, pemuda dizaman Najib ialah menjadi tukang angguk kepada kerajaan. Menjadi *rubber stam* ataupun **karbon copy** kepada kerajaan. Pemuda zaman Najib tak ubah seperti pembesar suara yang melaungkan segala cita-cita kerajaan dan induknya. Menjadi batang paip tempat saluran kerajaan dan UMNO menyampaikan propagandanya kepada rakyat.

Pemuda zaman Najib bukan saja pondan, kehilangan taring, sebaliknya ia juga mandul. Pemuda zaman Najib pemuda yang “mati pucuk” Pemuda zaman Najib tidak menetas dan melahirkan banyak idea baru. Najib gagal melahirkan wawasan bernas untuk membangun nusa dan bangsa. Apa lagi dibidang agama, kejahilan Najib

mengenai agama dan kekeringan roh dan semangat agama, menjadikan pemuda zaman Najib tidak memberi sumbangan bermakna pada Islam.

Berdasar pada hakikat ini, sesetengah pihak yang memerhatikan perjuangan pemuda, rasa tersangat gembira apabila Najib mengambil keputusan meninggalkan pemuda. Kerana dengan peninggalan itu pemuda akan memperolehi pemimpin baru yang dikira lebih dinamik dan bijak daripadanya.

Peninggalan itu memberi peluang kepada pemuda untuk memulihkan dirinya, seperti mana pemuda di zaman Senu Abdul Rahman, Datuk Harun dan Anwar Ibrahim dahulu. Hanya satu yang diharapkan jangan pula, yang pondan, mandul dan mati pucuk kita tinggalkan, yang *playboy, casanova atau donjuan*, boleh mengambil tempat.

Menilai sumbangan dan juga wibawa Najib dalam pemuda itu secara tidak langsung menyebabkan orang akan melihat kepada kemampuan Najib sebagai pemimpin. Tanpa melakukan sesuatu perubahan atau pun membawa kemajuan dalam pergerakan pemuda menyebabkan orang ramai merasakan kelemahan Najib sebagai pemimpin. Kelemahan itu sudah pasti pula akan dikaitkan dengan persoalan, apakah beliau mampu untuk menjawat jawatan lebih besar dalam UMNO pada masa akan datang?

Cita-citanya hari ini untuk menjadi Naib Presiden UMNO, jawatan ketiga tertinggi dalam

hirarki kepimpinan UMNO, adalah sesuatu yang meragukan. Kalau dalam Pemuda dimana Najib berpeluang luas untuk menunjukkan kemampuannya pun Najib tidak berdaya, apa lagi di peringkat yang lebih tinggi seperti Naib Presiden itu makin tidak mampu kerana beliau semakin teduh di bawah rendang politik tokoh yang di agungkan!

Adalah suatu kesilapan kalau orang mengaitkan kehebatan daya kepimpinan Najib dengan kehebatan arwah ayahnya. Kehebatan dan sumbangan Tun Razak kepada negara tidak boleh dituntut oleh Najib sebagai haknya. Najib begitu jauh berbeza dengan Tun Razak. Dalam buku saya, *Tradisi & Tragedi*, saya telah menghurakan, bahawa Najib seorang anak yang tidak rintik daripada bapa yang borek!.



Inilah budaya dan akal budi Ketua Pemuda UNMO Malaysia Najib Tun Razak yang kini bertanding Naib Presiden UMNO. Anwar barang kali geli geleman melihat gambar ini. Tetapi apa boleh buat Pak Sheikh ... itulahlah hakikat orang yang sedang mengeliling anda hari ini.

4

APAKAH STRATEGI NAZRI AZIZ?

ADA setengah pihak merasa hairan kenapa Nazri Aziz, Naib Ketua Pemuda, tidak mahu memenuhi kekosongan di tinggalkan Najib, bertanding merebut jawatan Ketua. Kalau mengikut lumrah dan tradisinya, Nazri patut memenuhi kekosongan itu. Lagipun, kebanyakan Exco Pemuda menyatakan perstujuan sekiranya Nazri mengganti tempat Najib.

Dalam hal ini sudah pasti Najib sendiri akan merestui Nazri. Selama berkhidmat dengannya, Nazri menunjukkan perkhidmatan yang baik. Keduanya tidak ada masalah sepanjang beberapa tahun lalu. Sungguh pun Nazri lebih menunjukkan penghormatan kepada Anwar Ibrahim, tetapi beliau tidak mendatangkan masalah

kepada Najib. Demikian juga dengan Exco Pemuda, semuanya berdiri di belakang Nazri. Mereka menerima Nazri sebagai dewa yang maksum.

Nazri memberi lima sebab kenapa beliau tidak mahu bertanding jawatan Ketua dan hanya mempertahankan jawatan yang disandang sekarang, Naib Ketua Pemuda. Sebab-sebab itu ialah:

1. Berpendapat bahawa hanya calon yang mempunyai jawatan dalam kerajaan layak untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda. Ini bersesuaian dengan konsep Pemuda UMNO sebagai badan pencantum (complimentry) kepada aliran politik dan bukannya kumpulan pendesak.
2. Ahli UMNO mendesak supaya meneruskan kesinambungan kepimpinan Pemuda UMNO selepas Ketuanya, Datuk Seri Najib Tun Razak memutuskan bertanding Naib Presiden.
3. Bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO bagi mengesahkan perlantikannya sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO oleh Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1990.
4. Membuktikan kepada ahli UMNO dan masyarakat Malaysia bahawa semangat berkongsi

ban dan mengenepikan kepentingan diri untuk kepentingan parti masih segar dan subur dalam Pemuda, dan..

5. Mencungkil pemimpin berkebolehan untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO disamping mengelakkan pandangan negatif pihak luar bahawa Pemuda UMNO tidak ketandusan pemimpin.

Itulah lima faktor yang mendorong Nazri mengambil keputusan tidak mahu bertanding Ketua Pemuda dan hanya mahu mempertahankan jawatan Naib Ketua yang dilantik. Meneliti kepada ke lima-lima faktor itu, ia mencerminkan sikap Nazri sebagai seorang ahli politik yang tidak terburu-buru dan berhemah. Keputusan Nazri itu juga menunjukkan dia bukan seorang yang gila kedudukan dan bersikap "*caution*" dalam parti politik. Dalam pada itu satu lagi ia melambangkan "*kedewasaan*" Nazri dalam politik.

Namun tidak semua orang dapat menerima penjelasan itu. Sebagai **politician**, pemerhati melihat, faktor-faktor itu adalah merupakan muslihat politik semata-mata. Ada motif yang tersembunyi disebalik nada keikhlasannya itu. Orang politik memang pandai mencipta kata-kata dan membentuk suasana mengikut kemahuannya mereka.

Berdasarkan kepada hakikat itu, maka tidak

semua pemerhati politik, atau ahli pergerakan pemuda dapat menerima kenyataan Nazri itu sebagai ikhlas dan jujur!. Bagi pemerhati keputusan itu seperti disengajakan. Ada sesuatu motif disebalik tindakan Nazri itu, dan alasan tersebut adalah merupakan satu strategi yang cukup licin sekali.

Berbagai andaian dan spekulasi yang timbul berhubung dengan keputusan Nazri itu. Ada pihak yang menerima penjelasan Nazri itu, dan mereka terus memberi kredit kepada Nazri sebagai seorang *politician* berhemah dan tidak bernafsu.

Setengah yang lain pula, memberi ulasan... keputusan itu menunjukkan Nazri seorang yang tidak gilakan pangkat dan kedudukan. Beliau lebih mementingkan kebajikan rakyat dan kepentingan negara daripada kedudukan diri sendiri.

Sementara segelintir yang lain, beranggapan keengganannya Nazri bertanding merebut kerusi yang ditinggalkan Najib itu ialah kerana menyedari akan ketidak mampuannya. Nazri awal-awal lagi telah mengakui bahawa sukar baginya untuk mengganti tempat Najib. Dalam hal ini, Nazri sendiri barang kali sedar bahawa dirinya tidak layak buat masa ini untuk memimpin pemuda.

Sememangnya Nazri tidak perlu tergesa-gesa untuk merebut kedudukan. Kalau sekadar untuk duduk sebaris dengan pemimpin lain beliau tidak

perlu gundah kerana kini dia sudah pun menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO.

Masalah peribadinya boleh jadi juga menjadi penyebab untuk dia tidak bertanding jawatan Ketua Pemuda. Nazri mungkin takut untuk bertanding, kerana bimbang segala skandal, dan masalah yang tertimpa ke atas dirinya akan terbongkar. Maklumlah dalam suasana pertandingan semua hal boleh berlaku, termasuk soal-soal peribadi. Akan didedah tanpa segan silu dan ampun maafl

Sudah menjadi budaya UMNO, setiap calon-calon yang bertanding akan dikaji latar belakangnya oleh ahli. Ahli akan melihat pada setiap sudut. Bukan sahaja wang yang diterima, tetapi keluhuran peribadian calon juga diambil kira. Seluruh diri calon itu akan dilodeh dan ditelanjangi.

Keadaan inilah menurut golongan itu menyebabkan Nazri kecut perut untuk bertanding jawatan Pemuda. Dia dikatakan mempunyai banyak masalah peribadi yang sangat tidak manis kalau didedahkan dalam kempen nanti. Satu-satu ialah mengenai *affairnya* dengan anak Perdana Menteri yang sedang menjanda.

Bagaimanapun dalam pelbagai andaian dan rumusan yang dibuat ke atas Nazri itu, ada satu lagi rumusan dan analisis yang agak munasabah. Analisis ini kononnya, Nazri sengaja dikekalkan dijawatannya kini. Selain daripada ia memberi laluan mudah untuk beliau menang, ia adalah

merupakan strategi politik masa depan beliau dan juga bosnya. Nazri boleh jadi diminta agar mengekalkan jawatan Naib Ketua Pemuda. Tujuannya ialah biar dia berada dalam pemuda, bagi mengimbangkan pengaruh politik bosnya! Setengah perancang politik bosnya, tidak yakin Nazri akan menang kalau dia dilawan untuk merebut jawatan Pemuda. Justeru kerana bimbang takut kalah, maka adalah wajar kalau Nazri kekalkan sahaja jawatan yang disandangnya kini, untuk mempastikan dia berada dalam barisan Pemuda.

Menurut perancang politik bosnya, adalah sesuatu yang agak malang kalau Nazri tidak ada dalam pemuda. **Tidak ada orang setia seperti Nazri yang boleh menjilat apa sahaja kata-kata Anwar, menyebabkan kuasa pengimbang pengaruh bosnya dalam pemuda tidak ada lagi.** Untuk politik jangka panjang, bosnya sangat memerlukan kuasa pengimbang dalam pemuda.

Kedudukan Nazri itu sebagai persediaan jika calon (proksi) bosnya, iaitu Rahim Tamby Chik, yang bertanding merebut jawatan pemuda nanti kalah. Jika Rahim kalah, sudah pasti Nazri boleh memainkan peranan sebagai "kuasa pengimbang" pengaruh bosnya kelak.

Suatu perkara yang sudah pasti, Nazri mungkin sudah diberi janji-janji yang lunak sebelum melaksanakan segala perancangan itu. Walau-pun dia hanya menduduki kerusi Naik Ketua

Pemuda, tetapi dia kemungkinan diberi jawatan penting dalam kerajaan apabila bossnya sudah berkuasa penuh dalam UMNO nanti. Jawatan yang mungkin diberi ialah sebagai timbalan menteri, selepas pilihanraya umum tahun 1994 nanti?

Umum mengenai siapakah boss politik Nazri dalam hal ini - ia tidak lain dan tidak bukan ialah Anwar Ibrahim. Walaupun keduanya ada perbezaan disegi personaliti, tetapi mereka merupakan kawan baik sejak lama dulu. Nazri dikatakan pernah menjadi Penasihat Undang-undang kepada sebuah pertubuhan antarabangsa yang digagaskan oleh Anwar, tetapi tidak sempat wujud?

Perlantikan Nazri menjadi Penggerusi MARA sedikit sebanyak ada hubung kait dengan Anwar Ibrahim. Kalau bukan kerana kehendak Anwar, sudah tentu Nazri tidak dapat duduk di MARA. Walaupun setengah pihak ada mengatakan PM sendiri sukaikan Nazri kerana ada sebab-sebab peribadi, tetapi dalam hal ini, peranan Anwar untuk meletakkan Nazri di MARA tidak siapa dapat nafikan.

Seandainya perancangan yang dimaksudkan itu benar, maka jelas bahawa Anwar takut kepada kuasa pemuda. Apa lagi kalau yang menang nanti, bukan orangnya. Takdirnya Syed Hamid yang menang ia menambahkan ketakutan padanya, sebab karisma dan kredibiliti Syed Hamid boleh mengatasinya suatu hari kelak.

Sepatutnya dalam hal ini Anwar tidak perlu merasa takut kepada keadaan itu, kerana kebimbangan beliau kepada Syed Hamid, adalah kebimbangan dalam dirinya. Syed Hamid, bukan musuh yang wajar ditakutnya. Syed Hamid, bukan seorang manusia yang ingin mengugat kedudukan sesiapa. Kepadanya yang perlu diberi perhatian ialah UMNO itu sendiri, bukannya individu-individu dalam parti itu.

Syed Hamid pernah menegaskan dia tidak bermusuh dengan Anwar, apa lagi menentang Anwar. Bukti paling nyata UMNO Bahagian Kota Tinggi yang diketuai oleh Syed Hamid telah mencalonkan Anwar untuk jawatan Timbalan Presiden. Baginya dalam UMNO tidak ada musuh, semuanya kawan baik dan sahabatnya. Selagi berada dalam satu parti, selama itulah beliau berkawan dengan sesiapa sahaja dalam UMNO. Dalam hal ini Anwar telah tersilap membuat pilihan. Orang yang sepatut dikawani, tidak didekati sebaliknya orang yang patut dijauhi pula dipeluk sebagai sahabat!

Bagaimanapun ada satu lagi alasan yang dikemukakan oleh pihak tertentu kenapa Nazri tidak mahu bertanding, kerana beliau menyedari masalah dirinya. Beliau insaf dia tidak layak untuk memimpin pergerakan pemuda. Dengan pengalaman yang sedikit, dan belum ada pendekahan "besar" dalam UMNO, menjadikan dia tidak berkemampuan untuk memimpin pemuda.

Sememangnya patut dan sesuai sekali kalau Nazri berfikiran begitu. Orang-orang yang mempunyai rekod peribadi yang buruk, tidak seharusnya melonjak ke hadapan untuk menjadi pemimpin, apa lagi untuk memimpin pemuda generasi penerus yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Bakal pemimpin bangsa masa depan bukan sahaja perlu berwibawa tetapi mesti harus mempunyai akhlak dan moral yang murni.

Dalam erti kata lain Nazri tidak mempunyai sifat-sifat dan keperibadian yang seharusnya dimiliki oleh seseorang yang hendak menjadi pemimpin. Rahsia skandal dan juga penyelewengan yang dilakukan Nazri tidak boleh disembunyikan lagi.

Walaupun ada golongan dan oknum-oknum tertentu yang hendak melindunginya, tetapi masalah Nazri adalah terlalu besar. Skandal yang dilakukan Nazri tidak boleh di "*under carpetkan*" begitu sahaja. Salah satu ialah penyelewengan di Talasco, semasa beliau menjadi Pengerusinya, masih belum lengsai sampai kini, disamping skandal perempuan yang sudah diketahui umum.

Mustapha Yaacub yang merupakan "ndirinya"... cuba membela Nazri dalam kes penyelewengan wang Talasco sebanyak RM 3.5 juta. Nazri dikatakan menggunakan wang Talasco untuk diinjuksikan dalam syarikat kepunyaan bapa mertuanya. Beliau menjelaskan perkara itu kononnya, wang itu tidak lesap seperti mana

yang digembar gemburkan. Penjelasan Mustapha itu sungguh meragukan.

Kuala Lumpur - Tuduhan bahawa Senator Haji Nazri Tan Sri Aziz Yeop telah melesapkan wang Talasco Berhad berjumlah RM3.5 juta untuk menyelesaikan hutang Petrocard bapa mertuanya dan tidak membayar hingga sekarang adalah tidak benar sama sekali.

Bahkan Penggerusi Talasco Berhad itu tidak pernah melakukan apa-apa penyelewengan atau melesapkan wang syarikat tersebut.

Bekas Pengurus Besar Talasco Berhada, Haji Mustapha Yaacub menjelaskan bahawa Haji Nazri tidak pernah melakukan apa-apa penyelewengan berkaitan dengan syarikat tersebut.

Menurut beliau wang tersebut sebenarnya telah dilaburkan dalam syarikat kad kredit Petrocard milik mertua Haji Nazri dan syarikat tersebut mengalami kerugian serta diistiharkan bankrap.

"Sebenarnya wang yang dilaburkan itu berjumlah lebih kurang RM600,00 sahaja dan bukan RM3.5 juga seperti yang dikatakan oleh beberapa pihak yang menyebarkan dakyah itu," kata Haji Mustapha.

"Wang itu pula bukan dilesapkan, ia telah dilaburkan dalam syarikat bapa mertua Haji Nazri atas nasihat orang tertentu dan malangnya syarikat itu bankrap," tambahnya lagi.

Beliau menjelaskan apa yang berlaku

bukan salah Haji Nazri tetapi salah orang memberi nasihat supaya wang itu dilaburkan dalam syarikat tersebut.

"Apa yang lebih malang apabila syarikat tersebut pula menjadi milik bapa mertua Haji Nazri dan keluarganya," tegas Haji Mustapha.

Beliau menegaskan bahawa perkara itu dibangkitkan dengan memutar-belitkan fakta-fakta sebenar oleh pihak-pihak tertentu dengan berniat jahat.

"Memang kita akui bahawa Haji Nazri mempunyai banyak musuh terutamanya apabila beliau telah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Ahli Dewan Negara dan akan dilantik sebagai Penggerusi Mara," katanya.

Menurut beliau, apa yang berlaku itu adalah kisah lama yang diungkitkan semula dengan berniat jahat.

"Apa lagi sekarang ini musim pemilihan dalam UMNO dan orang tahu pula Haji Nazri baik dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim jadi mereka mencari pelbagai perkara untuk memburuk-burukkan peribadi Haji Nazri," jelasnya.

Haji Mustapha mengakui bahawa beliau tahu siapa yang sengaja menyebarkan kisah ini disebabkan oleh perasaan tidak berpuas hati dan sebagainya.

"Mereka yang kecewa dan berniat jahat ini akan mencari pelbagai kelemahan Haji Nazri

termasuk dari segi kewangan dan perempuan untuk memburuk-burukkan Haji Nazri, katanya.

Haji Mustapha menjelaskan bahawa beliau kenal lama dengan Haji Nazri dan pernah bekerja dibawah satu bumbung di Talasco Berhad.

Menurut beliau, pihak-pihak tersebut se-ngaja hendak menyusahkan dan menjatuhkan maruah orang lain.

"Saya pernah menjadi Pengurus Besar Talasco Berhad dan tahu segala-galanya. Jadi adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membersihkan segala tuduh-tuduhan terhadap Haji Nazri," katanya.

Senator Haji Nazri pula menjelaskan bahawa adalah sesuatu pembohongan yang besar sekiranya beliau boleh melesapkan wang Talasco Berhada berjumlah RM3.5 juta.

"Ini adalah pembohongan besar, setiap perbelanjaan atau pengeluran wang Talasco Berhad mesti mendapat kebenaran dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah," katanya.

Beliau menganggap pihak yang menyebarluaskan dakyah-dakyah itu sebagai berniat jahat terhadapnya dan tidak perlu dilayan.

– Media Islam 14/3/1993.

Demikian penjelasan Mustafa Yaacob terhadap tuduhan penyelewengan wang oleh Nazri. Sebenarnya penjelasan itu meragukan untuk

mengatakan Nazri tidak terlibat. Dalam pada itu penjelasan itu juga membuktikan ada "kes" terhadap tuduhan tersebut.

Penjelasan itu juga boleh diragui ... kerana ia bersifat membela Nazri. Pembelaan ke atas Nazri oleh Mustapha itu tidak menghairankan kerana orang tahu hubungan Mustafa Yaacub dengan Nazri. Mereka berdua persis seperti "kentut dengan tahi" atau isi dengan kuku, dimana ada Nazri di situlah berdirinya Mustafa Yaacub memayunginya. Bagaimanapun sejak akhir-akhir Mustafa sudah agak jarang menjadi "khadam" kepada Nazri, mungkin Nazri sudah mengenali siapa dia Mustafa Yaacub dalam karirer politiknya.

Dalam satu segi UMNO juga harus bersyukur kerana Nazri tidak bertanding. Kalau dia bertanding kebetulan menang dan mempunyai kuasa dalam Pergerakan Pemuda UMNO, tidak tahu apa hendak jadi kepada Pemuda UMNO. Kini baru menjadi Pengurus MARA, beliau sudah bertindak lebih sudu daripada kuah.

Belum sampai sebulan menjadi Pengurus MARA beliau sudah mengeluarkan kenyataan angkuh, akan menyaman sesiapa yang tidak menjelaskan hutang MARA. Mentang-mentang dia kelulusan Undang-undang, terus hendak saman orang. Kenyataan itu sudah menunjukkan dia tidak mengerti falsafah hutang dalam Islam. Dalam Islam, **menuntut hutang itu ada kalanya harus dan ada kalanya haram**. Me-

nurut syariat Islam menuntut hutang ketika sipiutang dalam kesusahan adalah haram. Falsafah inilah patut diketahui oleh Nazri dan juga pemimpin korporat negara, agar kekayaan mereka tidak menyusahkan orang lain.

Pegangan Islam budak Nazri ini tidak menyakinkan kita. Dia lebih bertindak secara emosi. Dalam parlimen, dia menyamakan pergerakan Al Arqam dengan komunis. Satu tuduhan ataupun fitnah yang besar sekali, yang belum pernah dilakukan oleh orang lain.

Kerajaan semalam digesa menghapuskan kesan pengaruh dan kegiatan al-Arqam kerana falsafah dan pemikirannya lebih berbahaya daripada Parti Komunis Malaysia (PKM).

Senator Nazri Tan Sri Abdul Aziz berkata, pemimpin dan pengikut Arqam harus "diburu" dan pemikiran mereka mesti dipulihkan bagi mengelakkan lebih ramai rakyat dipesongkan oleh ajaran mereka.

"Saya dapat tahu pemimpin mereka, Ashari Muhammad, yang berada di luar negara ketika ini, memberitahu pengikut-pengikut bahawa beliau sudah berkata-kata dengan Allah.

"Ini sudah terbukti kesesatannya. Oleh itu, saya meminta kerajaan menghapuskan semua kegiatan dan perkampungan mereka di negara ini supaya rakyat tidak terpengaruh dengan dakwah mereka.

"Kalau kerajaan sudah mengharamkan-

nya, tindakan penghapusan pengaruh dan kegiatan mereka mesti diambil sebagai mana tindakan yang dikenalkan kepada PKM dahulu," katanya membahas usul terima kasih atas ucapan Yang Di Pertuan Agong.

Katanya, pasport Ashaari juga mesti ditarik balik kerana ketika ini ia bebas menjalankan kegiatan diluar negara.

"Jika kita sudah mengharamkan kegiatannya, mengapa kita membenarkan beliau menggunakan pasport Malaysia untuk mengembangkan kegiatan itu diluar negara. Ini hanya akan memburukkan imej negara.

"Kalau Ashaari ke negara China misalnya, tentu semua rakyat Islam China menganggap rakyat malaysia mempunyai falsafah dan pegangan yang sama sepertinya. Ini akan memburukkan nama negara memandangkan ajaran itu sesat," katanya.

-Berita Harian

Berdasarkan realiti itu, maka pemuda adalah bernasib baik tidak berketuakan kepada Nazri. Tetapi sayang dalam pemilihan kali ini beliau tidak ditentang, sepatutnya ada calon yang mencabarnya untuk membatasi berleluasanya kerakusan kuasa dalam UMNO!

Pemuda UMNO sepatutnya tidak simpan dan agungkan orang macam Nazri. Ia jelas merbahaya kepada agama. Pandangannya mengenai Arqam itu jelas menunjukkan sikap antinya

kepada Islam. Kalau dia seorang Islam yang tulin dan tahu tugas sebagai hamba Allah dia tidak samakan Ustaz Ashaari dengan kuminis! Demikianlah adatnya kalau manusia itu sudah Jahil. ***“Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada penyakit, lalu Allah tambahkan lagi penyakit kepadanya”***

—Al Baqarah:10



Nazri Aziz calon Naib Ketua Pemuda UMNO yang tidak dicabar. Pemuda UMNO seperti tersihir dengan kehebatan Nazri yang masih belum teruji. Apakah pemuda enggan cabar Nazri kerana dia dikatakan ayam didik Mahathir dan Anwar, ataupun memang pemuda UMNO semuanya pengecut?





BENARKAH ANWAR SOKONG RAHIM?



SATU hakikat yang tidak dapat disembunyikan dalam senario pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun ini wujudnya kem dan puak-puak tertentu. Perwujudan kem-kem dan puak-puak ini tidak secara rasmi. Sebenarnya perwujudan kem-kem atau klik-klik ini tanpa dibentuk dengan demikian rupa. Ia wujud dan terjadi dengan sendiri (*unplanning*) kebetulan sahaja.

Ada beberapa faktor yang mendokong wujudnya kem. Antaranya kerana sokongan terbuka pihak tertentu kepada seseorang tokoh tertentu disebabkan diantaranya ada "perjanjian lisan" untuk saling bantu-membantu diantara satu sama lain. Biasanya bantuan ini ialah melalui

broker politik dengan tujuan menumpang pengaruh diantara satu sama lain.

Selain itu persamaan gaya, *approach* dan matlamat perjuangan diantara seorang tokoh dengan seorang tokoh itu menyebabkan membawa mereka ke jalan kompromi - maufakat. Tanpa mereka sedar mereka "berjanji" untuk saling tolong menolong antara satu sama lain. Keadaan ini secara tidak langsung akhirnya membawa mereka berada dalam satu kumpulan - team yang akhirnya menjadi realistik dan serius.

Yang jelas perwujudan kem ini satu yang sungguh merbahaya. Ia boleh membawa perpecahan dalam UMNO. Malahan dalam apa jua organisasi sekiranya diwujudkan kem, ia akan menuju kemusnahan. Sebab itu Islam melarang sikap berpuak-puak! "Janganlah kamu berpuak-puak kerana berpuak itu boleh mendatangkan fitnah dan salah anggap".

Justeru itu bagi pemimpin yang rasional, mereka tidak suka memasuki mana-mana kem. Mereka cuba sedaya upaya untuk tidak mewujudkan kem dan terlibat dengan mana-mana kem. Bagi pemimpin yang yakin diatas keupayaan diri, mahukan keadilan dan kebebasan dalam perjuangan, mereka menolak, sikap berpuak-puak sebagai tidak menguntungkan perjuangan dan bangsa Melayu.

Salah seorang tokoh yang bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan kali ini yang tidak

suka berpuak (kem) dan tidak yakin kem dan proksi membawa kebaikan ialah, Syed Hamid Albar. Beliau tidak memihak kepada mana-mana kumpulan dan bertanding diatas kesedaran dan keyakinan diri sendiri secara **gentlemen**.

Kepadanya, beliau tidak percaya pembentukan kem boleh mendatangkan perpaduan kepada parti. Politik secara berkumpulan tidak memberi kekuatan, sebaliknya ia membawa kemusnahan kepada parti. "Lantaran itu, saya tidak memasuki mana-mana kem atau puak," katanya.

Mungkin Syed Hamid begitu ingat pada amanah bapanya yang berbunyi; "**Perpaduan dalam UMNO adalah penting. Kalau terdapat percanggahan pendapat janganlah kita jadikan sebagai retak membawa belah. Percanggahan pendapat hendaklah kita jadikan sebagai medan mesyuarat yang sihat ke arah perpaduan dan keutuhan kita!**" - Syed Jaffar Albar.

Pengalaman lalu, memberi iktibar cukup baik kepada dirinya. Berlakunya peristiwa tahun 1987 ialah kerana terbentuknya kem, *Team A* dan *Team B*. Apabila sudah terbentuk dua kem, maka jurang perbezaan diantara seorang individu pemimpin dengan pemimpin lain semakin dalam dan parah - dan keadaan itu menyukarkan untuk menangkupnya kembali, natijahnya akan berlakulah pergaduhan/perpecahan.

"Pada saya, saya tidak suka kepada kem dan proksi. Saya tidak percaya kepada permainan

politik berkumpulan. Kita dalam parti tidak payah buat kem atau klik tertentu..." ujarnya. Dalam pada itu Syed Hamid berpendapat, politik ala kem tidak dapat membentuk satu *team-work* yang kuat, sempurna, kerana bukan semua orang-orang berkelayakan dan pantas menjadi pemimpin berada dalam satua kem. Bila dipilih satu kem, maka yang baik dalam kem lain tidak terpilih dan terbuang begitu sahaja. Sebaliknya yang tidak baik dalam kem yang terpilih itu turut terpilih. Keadaan ini merbahaya dan merugikan parti dan orang Melayu. Pemimpin yang berwibawa terbuang dan yang *low class* pula diambil.

Suasana hari ini jelas menunjukkan pembentukan kem dalam menghadapi pertandingan sudah ada. Samada ia dibentuk dengan rasmi ataupun kebetulan, hakikatnya kem itu ada. Cuma sehingga ini agak nasib baik kerana perbezaan kem itu tidak dibezakan secara terang seperti mana tahun 1987 dengan *Team A* dan *Team B*. Sehingga kini ia hanya dikenali dengan golongan tua dan golongan muda.

Golongan tua ditujukan kepada Ghafar. Mereka yang berumur 50 ke atas (tak termasuk Dr. Mahathir). Sementara golongan muda atau baru pula di hala kepada Anwar Ibrahim. Kebetulan kedua mereka ini "bertempur" maka keduanya menjadi "Jeneral" kepada kedua kumpulan itu.

Samada disedar atau tidak, "ketegangan" diantara kedua kumpulan ini sudah bermula.

Kedua pihak sudah menyelar diantara satu sama lain. Para *broker* dan Pandir politik kepada ketua kem telah memainkan peranan penting. untuk mempertahankan golongan masing-masing.

Kem Ghafar telah memulakan dengan mengadakan perhimpunan apa yang dinamakan Perpaduan Rakyat pada 19 Ogos, 1993 di Pusat Dagangan Dunia Putra, sementara Anwar membalaunya pula dengan membuat kenyataan akhbar di Ibu Pejabat UMNO pada 23hb. Ogos, 1993.

Perbalahan juga tidak dapat dielakkan. Disediabuah hotel terkemuka di Jalan Raja Laut pernah tercetus percaduhan, diantara puak Ghafar dengan puak Anwar. Puak Encik Ghafar menuduh, Anwar bernafsu, biadap dan sebagainya. Sementara puak Anwar pula menyelar Ghafar sebagai sudah tua, usang dan tidak berwawasan.

Adalah dipercayai keadaan tegang itu akan menjadi-jadi lagi, apabila Anwar Ibrahim telah mengesahkan hari ini (23hb. Ogos, 1993) untuk mencabar Encik Ghafar Baba untuk jawatan Timbalan Presiden. Dengan penjelasan itu, menyebabkan golongan penyokong Anwar yang terdiri daripada, para komandonya, askarnya dan hulububang, baik yang berharga RM1 juta, RM 100.00 dan RM 50 akan berkempen mati-matian. Mereka akan menggunakan apa sahaja senjata sulit untuk mempastikan "Tok Batin" mereka masing-masing menang.

Sebenarnya pembentukan kem ini ia diben-

tuk semata-mata untuk dijadikan alat oleh golongan tertentu. Dalam erti kata lain, golongan bersekongkol dalam kem itu berkerjasama untuk mencapai kepentingan diri. Mereka menggunakan alasan untuk mencari pemimpin yang terbaik. Padahal hakikatnya tidak demikian. Disini kita merasakan benar pendapat Syed Hamid, bahawa politik membentuk kem, tidak melahirkan *team kerja* yang sepadu dan mantap.

Pembentukan kem, bukan untuk mencapai satu pasukan terkuat dalam UMNO, demi memperjuangkan idelisme bangsa. Pembentukan kem itu juga bukan sebagai satu nawaitu yang murni, sebaliknya semata-mata untuk mencapai maksud duniawi dan kehendak peribadi tokoh-tokoh tertentu. Lebih tepat lagi mereka bersepakat untuk memenuhi kepentingan diri. Mereka bukan bersatu kerana perjuangan UMNO.

Sejarah membuktikan hal ini. Pembentukan *Team A* dan *Team B* dalam peristiwa tahun 1987, adalah untuk tujuan politik. Lihat selepas Tengku Razaleigh Hamzah, kalah, ramai orang-orang *Team B* meninggalkannya. Mereka lari, kembali merujuk taklik kepada Mahathir untuk jawatan. Orang yang dikira ikhlas dan setia, ialah mereka yang bersama dengan Ku Li sampai kini.

Realiti ini boleh dibuktikan, bilamana kalau dilihat orang yang duduk dalam satu kem, ternyata begitu kontrakdik sekali diantara satu sama lain. Ia bertentangan sekali diantara satu

sama lain. Baik disegi latar belakang perjuangannya, akhlak, nawaitu jihadnya malahan serba serbi. Mereka kalau mengikut adatnya tidak layak duduk sebaris dan berada dalam khemah yang sama.

Tetapi seperti yang dikatakan tadi, pembentukan kem itu kerana untuk memperjuangkan kepentingan peribadi; samada untuk mendapat kuasa, pangkat, kedudukan dan apa-apanya, mereka boleh memejamkan mata dan menjadi regu perjuangan yang intim. Mereka saling sambung menyanjungi diantara satu sama lain, seperti mereka lahir dari rahim budaya, syah-syiah, dan juga minda yang sama. Mereka boleh memejamkan mata untuk menghilangkan perbezaan itu demi mendapatkan apa yang mereka hajati.

Kem yang begitu kontradiksi sekali ialah kem Anwar. Orang-orang dalam kem Anwar adalah berbeza rupa wajah, stail dan juga akar umbi perjuangan. Orang-orang dalam kem Anwar merupakan orang yang datang dari berbagai arah dan alur budaya kehidupan. Jika diselidiki dan dikaji, mereka bukan sahaja tidak mempunyai persamaan disegi watak, keperibadian malahan segi saraf tunjang perjuangan juga.

Keadaan ini sungguh menghairankan. Pun begitu satu segi ia juga secara tidak langsung menunjukkan kemampuan dan kejayaan pelopor kem (Anwar) untuk menyatu-padukan pelbagai jenis pemimpin berada dalam kemnya.

Antara oknum (peribadi) yang paling kontras dengan Anwar ialah Rahim Tamby Chik. Pertentangan atau perbezaan keduanya bukan sahaja di segi akar dan saraf perjuangan, sebaliknya pada akhlak dan keperibadian. Penyatuan ini sungguh menghairankan, dan setengah pihak menyatakan sesuatu yang aneh dan sungguh diluar dugaan.

Kerana keanehan itu timbul tanda tanya apakah Anwar ikhlas menerima Rahim, ataupun hanya Rahim sahaja yang "terkayan-kayan" mengindir untuk bergabung dengan Anwar kerana hendak menumpang pengaruh? Kalau hanya Rahim yang "hidung tak mancung dan pipi yang tesorong", tidak mengapa, asalkan jangan Anwar yang mengada-ngada mahukan Rahim.

Jika benar Anwar menyokong Rahim, Anwar bukan saja melakukan kesilapan, sebaliknya satu tindakan kurang bijak. Anwar sepatutnya tidak berpihak kepada sesiapa. Kedudukan Anwar dalam UMNO hari ini sudah tidak dapat di tandingi sesiapa lagi. Dia sudah selamat. Dia tidak harus berpihak kemana pihak lagi. Dia patut jadi brother kepada semua orang, bagi menyenangkan dia membentuk kerajaan pada masa depan.

Memang Rahim bukan "najis" yang tidak boleh didekati oleh Anwar. Tetapi orang merasa bingung kerana keduanya banyak mempunyai perbezaan. Keduanya kalau diibaratkan kepada alat muzik, Anwar sebagai "gitar" manakala

Rahim adalah “gong” yang tidak boleh digabungkan sekali, kalau digabungkan muzik itu akan pincang dan sumbang. Jauh bezanya. Perbezaan mereka bukan sahaja pada kulit budaya tetapi semangat perjuangan juga. Orang tahu Anwar dikenali sebagai seorang tokoh Islam, manakala Rahim pula dikenali sebagai tokoh *playboy* yang pincang dan sumbang kalau bercakap pasal Islam.

Skandal wanita, rasuah yang pernah dan sedang berlaku ke atas diri Rahim adalah elemen-elemen yang membezakan mereka berdua. Penyakit yang berlaku ke atas Rahim itu boleh berjangkit dan mencacatkan keperibadian Anwar sendiri yang sudah pun mula dihinggap beberapa virus besar diri, sombong dan riak.

Begitu juga disegi semangat Islam, keislaman Rahim Tamby Chik tidak berapa menyakin kan berbanding dengan Anwar. Sekurang-kurangnya Anwar pandai menguasai istilah agama dan beberapa butir bahasa Arab.

Bukankah Rahim Tamby Chik merupakan Ketua Menteri pertama yang mengharamkan Jamaah Tabligh. Sekiranya Rahim mengerti akan peranan dan kepentingan jemaah Tabligh dia tidak akan sampai mengharamkan jemaah tersebut. Rahim tidak memberarkan Jemaah Tabligh menggunakan masjid dalam negeri Melaka, alasan jemaah tersebut mengotorkan masjid. Alasan itu sungguh dangkal dan mengaibkan sekali.

Kewujudan Tabligh selama ini tidak siapa

nafikan. Meskipun ia merupakan jemaah "pejalan kaki"... tetapi kebaikan yang dibawahnya tidak boleh dinafikan. Kenapa Rahim membisu bila ada pesta *rock*, rap dan sebagainya. Apakah pesta itu lebih suci daripada jemaah Tabligh?

Kita tidak pernah mendengar Rahim Tamby menghalang apa-apa Konsert Rock di Melaka. Di sini jelas sekali perbezaan spiritual antara Rahim dengan Anwar.

Sementara orang mengenali Anwar adalah seorang tokoh penentang kepada korapsi. Seorang tokoh yang menjaga keperibadian. Seorang tokoh yang berjuang menegakkan keadilan, kesaksamaan dan kebenaran. Seorang tokoh yang tidak munafik dan kufur? Seorang tokoh yang melaungkan untuk meninggikan martabat bangsa! Justeru itu orang hairan kalau Anwar benar dapat beregu dengan Rahim.

Kitab dari mazhab mana kah pula yang diguna oleh Anwar untuk bersyarikat dengan Rahim Tamby Chik. Tok Guru atau ulama mana yang dirujuk Anwar untuk membolehkan dia menerima Rahim. Dengan tak semena-mena mereka boleh duduk semeja. Jika benar seperti didakwa Rahim adalah regunya, ia merupakan sesuatu yang mendukacitakan.

Apakah Anwar telah melupai apa yang diucapnya sebelum ini. Dulu dialah yang tidak mahu kepada pemimpin yang rendah moral, yang koropsi, yang bergelumang dengan maksiat. Tapi apa sudah jadi kini? Rasa baik kalau kita sama-

sama mengimbas kembali sedutan ucapan Anwar sewaktu membentang ucapan dasar dalam perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO pada tahun (1084/85) lalu.

"Kita juga menuntut agar tokoh-tokoh yang terjebak dengan rasuah politik dan rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingkirkan daripada kedudukan mereka. Apakah mampu kita untuk memenuhi aspirasi perjuangan parti, membina bangsa yang bermaruah" dan "masa depan yang gemilang" sekiranya pemimpin disemua peringkat tidak padu dan tidak sepakat untuk membina negara ke arah yang cemerlang." Sumpah Pemuda - ms 65.

Pertikaian ini bukan diadakan untuk menafikan keperibadian dan pegangan terhadap agama mana-mana tokoh. Tetapi umum orang mengetahui bagaimanakah akhlak Rahim Tamby Chik. Barang kali Anwar Ibrahim juga tahu dan sedari mengenai kepincangan yang ada kepada Rahim. Tentu sekali Anwar ada membaca akhbar yang melaporkan mengenai penyelewengan dan juga salah guna kuasa dilakukan Rahim Tamby Chik, seperti mana yang didedahkan oleh Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng.

Kalau tidak salah saya, laporan itu juga ada dimuat oleh rakan saya **Ahmad Lutfi Othman** dalam bukunya berjodul; *Memo Buat Bakal PM*. Tidak cukup dengan itu akhbar Harakah juga

ada menyiarkan berita mengenai Rahim Tamby Chik itu. Khabarnya kerana laporan itu tidak memberi keuntungan kepada Rahim dan kumpulan Anwar sendiri, pengedaran Harakah kini telah ditahan hanya untuk ahli sahaja. Kalau dahulu akhbar itu senang didapati di mana-mana kedai, kini hanya dikedai tertentu sahaja boleh dibeli, itu pun dilakukan secara tersembunyi seperti jual garam pada zaman pendudukan Jepun.

Kerana demikian buruknya diri Rahimlah, maka ramai orang pertikai, apakah Anwar ikhlas menerima Rahim sebagai teamnya seperti mana yang di dakwa? Mengikut logik tidak mungkin antara **memberang** dan **ular** dapat berkawan dan tinggal dalam lubang yang sama!

Sementara bagi mereka yang seronok melihat "percintaan" Anwar dengan Rahim, untuk menghalalkan percintaan itu telah menyedut kisah Omar Ibnu Khattab sebagai contohnya.

Menurut mereka meskipun Omar jahat dan terkenal dengan kaki pemabuk, pembunuhan dan sebagainya, tetapi Rasulullah mengambilnya kerana ia bijak dan kaya serta berani. Dalam kata lain Omar adalah aset kepada Islam. Begitu jugalah mereka samakan Rahim Tamby Chik dengan Anwar. Dalam hal ini, adakah orang yang membuat perumpamaan demikian menyedari, bahawa Rasulullah menggunakan Omar, (sampai melantik dia menjadi Khalifah) setelah Omar sedar dan insaf serta memeluk Islam. Rasulullah

mengambil Omar setelah akhlak Omar diperbaiki dan ternyata ia baik dan luhur. Dalam soal ini apakah Rahim sudah bertaubat seperti Omar!

Apa yang orang pertikai dan merasa hairan hari ini, ialah kenapa Anwar memberi restu kepada Rahim, kenapa tidak kepada Syed Hamid? Pada pendapat orang ramai disegi moral, akhlak dan keperibadian Syed Hamid lebih "*clean*" daripada Rahim. Demikian juga kalau dibandingkan disegi kebolehan dan kewibawaan, Syed Hamid tidak terkalah?

Tetapi kenapa Anwar suka kepada Rahim? Apakah kerana Rahim kaya, dapat menyumbangkan dana dalam kempen bagi mempastikan kemenangan, maka Anwar tertarik kepada Rahim? Ataupun kerana Anwar dendam dengan Syed Hamid, kerana pada tahun 1986, Syed Hamid pernah menentangnya?

Soalnya kini apakah benar Anwar sukakan kepada Rahim? Sekiranya berpandukan kepada kontradiksi mereka, tidak ada sebab untuk Anwar menyetujuinya. Dalam hal ini saya mempunyai pandangan sebaliknya. Saya tidak nampak, Anwar ikhlas dalam merestui Rahim itu.

Anwar nampaknya ada motif tertentu. Dia menyokong Rahim bukan bererti dia suka dengan sikap dan perangai Rahim. Apa yang kita nampak, Anwar terpaksa menyokong Rahim demi politiknya.

Anwar memberi sokongan kepada Rahim,

kerana kedudukan Rahim! Rahim mempunyai pengaruh politik di Melaka kerana kedudukannya sebagai Ketua Badan Perhubungan, sedangkan Syed Hamid tidak ada apa-apa pengaruh atau kuasa. Disebabkan Anwar bertanding dia sangat memerlukan banyak sokongan. Jadi walaupun bersalah dan bertentangan dengan prinsip peribadinya brother kita ini terpaksa menyatakan sokongan kepada Rahim.

Itulah yang saya nampak kenapa Anwar terpaksa menunjukkan sikapnya menyokong Rahim, ia bukan sesuatu yang ikhlas dan terbit daripada hati nurani Anwar. Saya berkeyakinan jauh disudut hati Anwar dia lebih "suka" kepada Syed Hamid memandang latar belakang dan juga keperibadian anak **Singa UMNO** itu.

Dalam saat ingin mencuri pengaruh ini, adalah bodoh kalau Anwar menunjukkan dia suka kepada Syed Hamid, ataupun bersikap berkecuali. Demikian juga dengan Muhyiddin, kenapa beliau terpaksa berpaling, menyokong Rahim dan meninggalkan Syed hamid terkotong kanting sendiri, kerana mengharapkan sokongan daripada UMNO Melaka.

Muhyiddin juga mempunyai perhitungan sama dengan Anwar, daripada beliau menyokong Syed Hamid, lebih baik Rahim, kerana Rahim sedikit sebanyak dapat menyumbangkan undi kepadanya nanti. Sedangkan kelebihan itu tidak ada kepada Syed Hamid.

Kesimpulannya sokongan Anwar kepada

Rahim Tamby Chik bukan sokongan ikhlas. Ia adalah motif politik sahaja. Bagaimana pun muslihat politik seperti ini boleh mengelirukan anggota UMNO jika mereka tidak merenungi secara mendalam. Alangkah ruginya sekiranya anggota UMNO menerima muslihat itu sebagai satu *consensus* politik yang benar!



*Ke mana Anwar hendak bawa budak-budak tu?
Mungkin ke Melaka... jumpa Rahim Tamby Chik.
Kita harap selepas serahkan budak-budak tu pada
Rahim, Anwar hadiahkan beca itu kepada Ghafar
Baba pula... boleh orang tua itu menghabiskan
sisa-sisa usianya dengan mengayuh beca untuk
mendapat rezeki selepas keluar kabinet nanti.*

6

KENAPA SYED HAMID TANDING PEMUDA?



PADA mulanya Syed Hamid Jaffar Albar sedikit pun tidak terniat untuk bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Jawatan yang dipegangnya kini sudah cukup besar baginya - sebagai ahli MKT. Sudah pasti kalau dia mempertahankan jawatan itu, dengan senang sahaja dia dapat memenanginya. Dalam tahun 1990 beliau mendapat undi sebanyak 1233 undi. Kepadanya menerusi jawatan itu dia sudah boleh berkhidmat kepada parti semampu yang boleh. Lagipun Syed Hamid mewarisi pesaka perjuangan ayahnya yang tidak suka mengejar pangkat.

Secara terus terang beliau memperakui keputusannya untuk bertanding Ketua Pemuda ialah

setelah berunding dengan rakan-rakan di Johor. Muhyiddin Mohd Yassinlah yang mula-mula memintanya agar bertanding merebut jawatan Pemuda apabila ia dikosongkan oleh Najib. Sekiranya bukan di atas kehendak Muhyiddin dan disambut oleh Pemuda dan UMNO Johor, tidak mungkin dia bertanding.

Bagaimanapun nasib Syed Hamid ini agak malang sedikit. Setelah dia membuat pengisytiharan dan bersedia untuk bertanding, tiba-tiba Muhyiddin telah menarik balik sokongan dan memberi sokongan kepada Rahim Tamby Chik. Tindakan Muhyiddin ini tentu sekali menggecewakan Syed Hamid. Tetapi sebagai seorang pejuang tulen, Syed Hamid sedikitpun tidak tergugat dengan tindakan Muhyiddin itu, dan menganggapnya sebagai itulah politik! (*That is politic!*)

Syed Hamid tetap akan bertanding merebutan jawatan Pemuda dan tidak peduli samada mendapat "*blessing*" daripada Muhyiddin ataupun tidak. Walaupun ada pihak-pihak tertentu datang merayu dan menangis di hadapannya agar tarik diri, namun Syed Hamid tidak bersedia untuk melayannya.

Tujuan bertanding pada Syed Hamid bukan kerana pangkat atau kedudukan, tetapi kerana perjuangan dan komitmen (keperihatian) beliau kepada Pemuda.

Hakikat ini dirasakan benar, kerana jika beliau mahu mengejar pangkat dalam parti, dia

boleh bertanding jawatan pemuda, (Exco) semasa arwah ayahnya masih ada lagi. Dia boleh menumpang kepopularitian dan ketokohan ayahnya. Ketika itu beliau berusia 23 tahun, dimana dia sudah layak untuk menjadi seorang pemimpin penting dalam pergerakan Pemuda.

Sudah pasti kalau dia menggunakan pengaruh bapaknya, dia boleh menang dengan senang. Lagipun keadaan politik pada masa itu, tidak sebebas dan terbuka seperti hari ini. Tokoh-tokoh politik masa itu, kebanyakannya menumpang bayang tokoh tertentu untuk naik, mereka naik kerana dijolok oleh tokoh yang sudah berjaya. Tetapi tidak begitu dengan Syed Hamid, beliau tidak mahu naik dengan menumpang pengaruh dan ketokohan orang lain.

Dalam tahun 1986, apa menyebabkan dia rasa terpanggil untuk menawarkan diri bagi memimpin pemuda ialah, kerana suasana parti ketika itu. Pada penglihatan Syed Hamid, pemuda tidak dapat memainkan peranan sewajarnya.

Mungkin dia sendiri tahu, bahawa adalah sesuatu yang berat untuk dia menyekat kemaraan Anwar Ibrahim ketika itu. Anwar adalah seorang tokoh baru yang dikeliling dan diperhati oleh umum. Beliau menentang Anwar, bukan bermakna beliau tidak *respect* atau merasa cemburu, tetapi kerana untuk menyelamatkan parti dan mengembalikan maruah pemuda yang sudah hilang kredibiliti dan responsibility ke-

pada bangsa, agama dan tanah air.

Antara sebab mendorongnya, ialah krisis yang berlaku dalam UMNO. Krisis perebutan jawatan dan melebarkan pengaruh, sehingga boleh membawa kepada perpecahan sudah dilihat olehnya. Beliau merasakan perlu kepada suatu kuasa atau badan yang menyekang krisis itu.

Syed Hamid sudah dapat membaca, kalau krisis itu tidak dikekang, ia merbahaya kepada UMNO. Ia mendatangkan musibah kepada bangsa Melayu seluruhnya. Kemantapan politik Melayu boleh terjejas. Jika tidak disekat, ia boleh menganggu stabilitas negara, boleh menyulitkan pembangunan.

Dalam pada itu dia melihat peranan yang dimainkan oleh Anwar sebagai pemuda tidak seberapa. Selama empat tahun (1982-1986) Anwar pegang pemuda, Anwar gagal membebaskan pemuda dari dipengaruhi golongan tertentu dan menjadi kuasa pengimbang dalam UMNO.

Kelemahan paling ketara apabila Anwar gagal untuk menyelesaikan krisis yang menimpa UMNO. Meskipun tugas itu bukan merupakan satu amanah, tetapi selaku golongan yang dikira liberal dan penuh dengan pemikiran baru, sepatutnya pemuda memainkan peranan untuk menamatkan krisis dan menumpukan kepada menge-maskan ukhuwah dalam parti.

Krisis yang berlaku ketika itu ialah, perebutan kuasa dalam UMNO, khususnya diantara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Musa Hitam.

Kekosongan jawatan Timbalan Presiden UMNO setelah Mahathir "naik" pangkat menjadi PM, menyebabkan kekosongan jawatan timbalan menjadi perebutan.

Syed Hamid sangat berkeyakinan sekiranya Anwar (Pemuda) memainkan peranan berkesan, krisis itu tidak sempat meletus. Apa yang mungkin mengilangkan hati Syed Hamid ialah sikap pemuda ketika itu, seperti pengadu domba. Ini dapat dilihat kepada sikap Anwar, bila mana pada pertandingan Musa - Ku Li pertama tahun 1982 dia menyokong Ku Li, sementara pada pertandingan berikut, (1984) Anwar menyokong Musa Hitam.

Sikap dalam dua muka ini menyebabkan Syed Hamid merasa muslihat politik pemuda tidak patut dibiarkan. Dia perlu memperbetulkan *stand* dan juga pendirian politik pemuda sebagai kuasa pengimbang. Kerana jika ia tidak diperbetulkan dan diislahkan, keadaan menjadi lebih teruk lagi. Atas dasar itulah dia mencabar Anwar, bukan kerana dengki, iri hati atau hasad, apa lagi mahu kejar kedudukan tetapi... kerana UMNO dan Melayu.

Kebimbangan yang dirasakan oleh Syed Hamid itu menang tepat. Ekoran **kudis** krisis yang muncul sejak 1982 itu, ia merebak menjadi **barah**. Kemudian pada tahun 1987 ia pecah, penuh dengan nanah dan darah. Apa yang dibimbangi Syed Hamid menjadi kenyataan.

Atas kelemahan itulah beliau merasakan dia

perlu membaiki pemuda. Dengan semangat perjuangan tulin yang diwarisi oleh ayahnya dia merasakan dia mampu. Ketika itu, krisis dalam UMNO harus dilihat dengan menyeluruh dan perlu bertindak dengan tegas tanpa bersikap berat sebelah (*bias*) kepada mana-mana pihak. Tanpa pemuda mengambil sikap tegas dan berdiri diatas prinsip yang betul, krisis dalam UMNO tidak mungkin dapat diselesaikan dan akan berterusan!

Meskipun ada orang mengatakan Syed Hamid cemburu kepada Anwar, rasanya tuduhan itu tidak benar. Syed Hamid melawan Anwar tempoh hari bukan bertolak dari rasa hasad dengki ataupun cemburu, sebaliknya kerana perjuangan. Tidak ada sebab untuk dia cemburu dan dengki kepada Anwar, jika Anwar dapat berperanan dengan betul dan menjadikan pemuda sebagai kuasa pengimbang dan golongan pengislah dalam UMNO dia akan sokong. Syed Hamid bukan seorang *opportunist*. Dia ikhlas. Dia juga seorang demokrat tulin, dimana kekalahannya ditangan Anwar diterimanya dengan tangan terbuka dan penuh keinsafan. Dia menerima hakikat bahawa pada masa itu Pemuda tidak mahu kepada kepimpinannya.

Sebagai seorang manusia yang jujur, terus terang dan berpegang kepada prinsipnya, Syed Hamid tidak mungkin mengambil keputusan politik berdasar perasaan. Malahan dia terbukti bertindak tidak mengikut perasaan. Jika Syed

Hamid bertindak mengikut emosinya, sudah pasti dia tidak lagi bersama UMNO setelah dipermainkan oleh sesetengah golongan politik Johor. Satu-satu peristiwa politik yang paling pahit pernah dialami Syed Hamid ialah dalam tahun 1986 dahulu. Bagaimana disaat-saat terakhir namanya ditendang daripada menjadi calon BN dalam pilihanraya umum tahun 1986.

Bayangkan, sedang Syed Hamid sudah bersiap sedia dengan borang penamaan calon, dan sudah meletakkan jawatan sebagai Chief General Manager dan Secretary di BBMB, dan sewaktu hendak menghadiri "ta'aruf" pencalonan di Desa Rhu, tiba-tiba beliau diberi tahu namanya dibuang, atas arahan Sultan. Apa kata kalau keadaan itu berlaku ke atas diri kita? Namun Syed Hamid boleh menerima peristiwa itu dengan tenang dan penuh keredhaan kepada Allah. Beliau teruskan juga perjalanan ke Desa Rhu. Syed Hamid sedikit pun tidak merasa kesal dan menganggap memang pada tahun itu Allah tidak menghendakinya menjadi calon.

Syed Hamid boleh tenang dan terus membantu calon UMNO yang bertanding di kawasan yang sepatutnya ditandingnya, Tawfik Tun Dr Ismail di Sungai Benut. Pasti kalau kejadian menimpa Syed Hamid itu berlaku ke atas orang lain, pasti dia akan bertanding calon bebas untuk melepaskan perasaan sebal dan kekecewaan. Tetapi tidak kepada Syed Hamid, dan di sinilah kelebihan yang ada kepada orang yang bersem-

bahyang dan mendekati diri kepada Allah.

Jadi apakah alasannya kali ini maka Syed Hamid menawarkan dirinya untuk bertanding Ketua Pemuda? Apakah yang menolak dirinya menyebabkan beliau beriya untuk memimpin pemuda? Apakah hasratnya itu membawa cita-citanya sama seperti dalam tahun 1986 dahulu?

Berpandukan kepada kenyataan akhbar yang di buat di Alor Star, (kita percaya ia merupakan sebahagian daripada agendanya), jelas menunjukkan Syed Hamid merasakan ada sesuatu yang perlu diperbetulkan dalam pergerakan Pemuda. Ada perkara-perkara yang patut diperbaiki dalam gerakkan tersebut. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa cita-cita murni Syed Hamid terhadap pemuda tidak disempurnakan oleh Najib!

Menganalisis hasrat beliau, berpandukan kepada kenyataan itu yang menganggap Pemuda bukan lagi masyarakat pinggiran, sebaliknya sebahagian daripada aliran dalam parti, menunjukkan Syed Hamid menjadikan pergerakan pemuda "penting" dalam perjuangan bangsa, dan ia tidak lagi sebagai sayap kanan, ataupun suatu bahagian daripada UMNO itu sendiri.

ALOR STAR- Jumaat: Menteri Undang-Undang Datuk Syed Hamid Albar, berkata Pergerakan Pemuda Umno kini bukan lagi pergerakan pinggiran parti sebaliknya sebahagian daripada aliran perjuangan Umno.

Sehubungan dengan itu, katanya fungsi

pergerakan itu kini berubah menjadi benteng barisan depan parti serta pemimpinnya dan bukan lagi bertindak sebagai kumpulan pendesak.

Beliau yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua Pemuda pada perhimpunan agung parti November ini berkata, perubahan fungsi pergerakan itu dipengaruhi oleh suasana politik negara sendiri.

"Kini Pemuda bukan lagi kumpulan pendesak tetapi bertanggungjawab menjadi benteng barisan depan parti dan pemimpinnya," katanya kepada pemberita selepas menemui Menteri Besar, Tan Sri Osman Arof di sini, hari ini.

Malam tadi, beliau mengadakan perjumpaan dengan Pergerakan Pemuda Bahagian UMNO Kedah di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau berkata, berdasarkan suasana se-masa, fungsi Pemuda Umno sebagai kumpulan pendesak tidak lagi sesuai diamalkan tetapi harus menjadi penghalang pihak lawan, terutama pembangkang, daripada menghancurkan pemimpin dan parti.

"Jika dulu Pemuda bertindak sebagai pendesak terhadap sesuatu isu, termasuk ketika negara mencapai kemerdekaan, ia kini berfungsi mempertahankan parti," katanya.

Syed Hamid yang sudah mengesahkan tidak akan mempertahankan jawatan Ahli

Majlis Tertinggi (MT) parti berkata, Pemuda Umno tidak lagi dianggap sebagai cabang dalam parti.

— Berita Harian.

Berpandukan kepada kenyataan itu maka jelas Syed Hamid mempunyai pandangan dan idea untuk merubah dan memimpin pemuda. Padanya fungsi dan peranan pemuda yang ada hari ini, harus dirubah dan pemuda perlu dirombak agar memainkan peranannya lebih besar lagi, mengikut kesesuaian masa dan suasana politik. Menurut Syed Hamid Pemuda tidak perlu menjadi golongan pendesak (*pressure group*), sebaliknya Pemuda perlu berilmu dan berstrategik dalam apa jua tindakan. Sebagai pergerakan yang sudah matang, sudah sampai masanya Pemuda tidak menjerit atau melolong jika ada sesuatu yang tidak sesuai dengan jiwanya.

Perubahan ke atas organisasi Pemuda begitu penting dalam konteks negara hari ini. Lebih-lebih lagi dalam masa negara untuk mencapai wawasan 2020, sudah pasti tenaga, keupayaan dan penglibatan Pemuda perlulah lebih **komprehensif** dan global lagi. Sebagai tenaga penting, pemuda bertanggungjawab menjayakan wawasan Perdana Menteri.

Pada kaca mata Syed Hamid pemuda yang hendak menjayakan wawasan Perdana Menteri, hendaklah pemuda yang berani, tegas memiliki semangat juang yang ulit dilengkapi dengan roh

Islam serta dapat memainkan peranan seperti yang diharapkan sesuai dengan fungsi dan tujuan pergerakan itu diwujudkan.

Dalam hal ini sudah barang tentu, bagi Syed Hamid sendiri khususnya beliau begitu memerhati kepada peranan dan fungsi Pemuda selama beberapa tahun ke belakangan ini khasnya sejak ia diterajui oleh Anwar dan diganti dengan Najib Tun Razak. Beliau mungkin melihat sejauh manakah Pemuda berjaya berperanan dalam pembangunan negara, termasuk dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kebudayaan, yang menjadi intipati perjuangan Pemuda.

Sudah pasti juga dalam pada itu, yang amat serius diperhatikan ialah mengenai peranan Pemuda sebagai kuasa pengimbang, pengukuh, penghubung dan pengetat tali silaturahim diantara sesama pemimpin dalam parti demi menjaga utuhkan perpaduan dalam parti.

Dalam soal ini Syed Hamid benar-benar menghayati politik dan perjuangan bapanya yang bertindak menjadikan Pemuda sebagai "jambatan" menghubungkan Pemuda dengan badan induknya."

Justeru kerana pada kaca matanya, pemuda masih belum meletakkan dirinya sebagai satu organ penting dalam UMNO, serta untuk mempastikan wawasan negara mencapai matlamat, telah mendorongnya untuk bertanding bagi menawarkan khidmat kepada pemuda.

Hakikat kelemahan dan kelonggaran dan

kealpaan Pemuda dibawah kepimpinan Najib begitu ketara sekali. Paling nyata ialah peranan Pemuda sebagai kuasa pengimbang dalam UMNO itu sendiri. Najib gagal menjadikan Pemuda sebagai "kuasa" pengikat perpaduan dan kemesraan diantara pemimpin-pemimpin dalam UMNO. Najib gagal mengatasi krisis peribadi dalam Umno, menyebabkan ia berterusan kepada hari ini.

Keadaan begitu jelas dan nyata sekali. Cetusan krisis yang wujud hari ini disebabkan pemuda tidak memainkan peranan penting. Wujudnya apa yang dinamakan golongan tua dan muda dalam UMNO, ialah kerana pemuda tidak menjadi tali menyambung diantara dua golongan itu. Kita percaya kalau pemuda bertindak bijak, anggapan ataupun tuduhan golongan tua dan muda - yang boleh menyebabkan berlakunya kem dan keretakan dalam UMNO yang wujud hari ini tidak terjadi. Dalam hal ini stail dan muslihat yang digunakan oleh Anwar pada zamannya di teruskan oleh Najib.

Dan lebih malang lagi, Pemuda di zaman Najib tidak mempunyai prinsip diri yang kukuh. Ini dapat dilihat dalam jempitan krisis ia terkial-kial dan tidak menyatakan sikap. Pemuda menjadi lalang diladang yang luas, mengikut arus tiupan angin. Ini tidak patut terjadi kepada golongan muda yang diharap memimpin negara pada masa akan datang!

Datuk Najib terlalu lemah sebagai pemuda.

Pemuda dizamannya tidak "tough" seperti mana dirinya. Dan sudah tentu juga apa yang dibimbangi oleh Syed Hamid, ialah mengenai perjuangan pemuda terhadap perkembangan Islam! Komitmen Pemuda kepada Islam ternyata relatif lemah sekali. Pemuda seakan tidak ada suara untuk turut sama membela penghinaan dan penganiayaan ke atas umat Islam di serata dunia, meskipun dengan sikap iman paling lemah itu, suara (teguran).

Kerendahan moral Pemuda zaman Najib juga menjadi faktor, kenapa Syed Hamid kita lihat begitu beriya untuk memimpin Pemuda. Realiti kelemahan ini sangat nyata. Najib gagal membawa pemuda ke hadapan, menjadi barisan pejuang dan benteng kepada bangsa. Pemuda di bawah Najib adalah pemuda yang kemandulan idea untuk meneroka dimensi baru, kemandulan ilham untuk membangunkan bangsa dan juga kemandulan semangat perjuangan!

Yang sedihnya Pemuda zaman Najib menjadi lebih penakut dan pengecut. Pemuda zaman Najib juga tidak memberi perhatian sewajar terhadap masalah umat Islam yang menjadi mangsa keganasan di seluruh dunia. Najib hanya diam membisu. Serangan Amerika ke atas Iraq awal tahun 1991, krisis sempadan yang timbul diantara negara kita dengan negara jiran dan dan lain-lain tidak dipedulikan oleh Pemuda. Pemuda melihat sahaja terkulat-kulat tanpa sebarang tindakan. Pemuda harus malu kepada

Pemuda Pas yang bertindak dan bangkit setiap kali timbul isu-isu yang menyentuh hak berkaitan dengan kepentingan Islam di seluruh dunia.

Najib gagal bertindak meneruskan penyambung kepada cita-cita dan usaha Anwar Ibrahim. Anwar sendiri tentu mengetahu hal ini. Wawasan yang dicanangkan oleh Anwar tidak dapat diteruskan oleh Najib. Tidak keterlaluan kalau dikatakan pemuda pada zaman Najib, meneruskan kembali budaya sebelum zaman Anwar.

Pemuda zaman Najib juga lemah. Ia tidak dapat menjadi kuasa penentu, kepada keadaan keadaan tertentu dan juga kuasa pengimbang dalam UMNO. Paling malang, pemuda zaman Najib tidak mampu menyelesaikan krisis politik dalam UMNO yang semakin buruk.

Misalnya, dalam saat UMNO berada diam-bang krisis kali kedua, menjelang permilihan pada November ini, Najib selaku Ketua Pemuda, tidak patut menyebelahi mana-mana pihak. Najib harus berada ditengah-tengah. Najib patut menjadi penyambung diantara dua generasi - muda dan tua. Pemisahan generasi kepimpinan sangat bahaya dalam perjuangan, kerana ia mencetuskan sikap cemburu mencemburui dan tidak mempercayai diantara satu sama lain yang akhirnya menyebabkan UMNO lemah.

Dalam hal ini, Rafidah Aziz Ketua Pergerakan Wanita, dilihat lebih berkeupayaan dan *reliable*, daripada Najib. Rafidah pandai meletakkan peranan "kelembutan"nya dalam kemelu-

tan yang berlaku dalam UMNO hari ini. Rafidah sese kali tidak menyatakan sokongan atau *bias* kepada kumpulan mana-mana sebaliknya bertindak sebagai ibu yang bijaksana!

Menyedari fenomena dan kelemahan paling ketara itulah mungkin telah mendorong Syed Hamid untuk mahu membaiki pemuda. Dia telah menawarkan dirinya dengan penuh kejuuran untuk membawa ke tempat dan martabat asalnya serta mengembalikan kegembilangan pemuda yang pernah dicapai sebelum ini. Syed Hamid bercadang untuk meletakkan pemuda pada tempatnya. Dan sudah tentu dengan latar belakang didikan, semangat Melayu dan Islam tulin yang ada padanya akan direalisasikan dalam pemuda.

Saya rasa kalau pemuda berada diatas landasan yang benar, menghayati perjuangan masa lalu, tiak ada sebab untuk Syed Hamid menawarkan diri. Sebagai seorang yang tidak sukakan *glamour*.... pentingkan kedudukan, beliau boleh meneruskana perjuangannya dan juga orang tuanya dengan kedudukan yang ada sekarang.

Namun disebabkan kepincangan itu, ia tidak boleh duduk diam. Selaku anak bangsa yang peka dan pengertian, Syed Hamid sangat gelisah kepada keupayaan Pemuda pada masa hadapan. kerana pemuda ada juzu terpenting dalam pembangunan agama, bangsa dan negara.

Satu perkara lagi kita rasa apa yang mendorong Syed Hamid untuk bertanding jawatan

Pemuda, memandangkan tokoh yang bernafsu hendak memimpin pemuda itu adalah tokoh yang dikira tidak bersesuaian dan kena pada tempatnya. Tokoh itu semacam tidak selari dengan kehendak zaman kini. Calon itu sangat kontra dengan kebangkitan Islam!

Mungkin beliau menyedari tokoh demikian tidak layak berada dalam pergerakan pemuda UMNO, memandangkan beberapa kelemahan yang ternyata jelas ada kepada tokoh itu. Saya cukup yakin kalau bukan tokoh itu yang bertanding, Syed Hamid boleh melupakan sahaja untuk menjadi pemimpin pemuda, sebaliknya dia akan memberi sokongan yang padu kepada se-siapa juar, hatta si pendek Isa Samad.

Dalam hal ini, kita bukan berniat untuk mengatakan sesiapa!. Tetapi umum mengetahui, bahawa orang yang ditunjuki oleh kumpulan tertentu untuk menerajui pemuda, adalah orang yang kontradik dengan pergerakan itu sendiri. Sebagai sebuah pergerakan yang bebas, menjadi generasi pemandu dan pemimpin akan datang, kehadiran tokoh itu yang ditempelkan dengan pelbagai skandal adalah tidak layak. Ia secara tidak langsung boleh memburukkan imej pemuda itu sendiri.

Dalam saat PM mahu melahirkan Melayu Baru, pemuda jadi bingung, memikirkan calon yang ditunjuki oleh pelaung golongan Melayu Baruitu. Apakah sifat Melayu Baru itu, seperti mana yang ada kepada tokoh itu? Apakah Me-

layu Baru itu, golongan yang tinggi moralnya, apabila ia dikaitkan dengan skandal dan mak-siat? Ini membingungkan pemuda.

Ketidak serasian dan relevensi ini bila dikaitkan dengan gelombang perubahan ke atas UMNO pada masa akan datang, dimana Anwar tokoh yang idelola dengan Islam akan memimpin negara. Anwar seorang yang Islamik, sudah tentu orang yang bersamanya nanti haruslah mempunyai semangat dan juga pola perjuangan sama. Kalau tidak sama, keadaan boleh kacau "lana".

Dalam hal ini, mungkin Syed Hamid juga dapat melihat, sekiranya calon itu yang ditakdirkan menjadi ketua pemuda, tidak mungkin pemuda dapat bertindak menjadi kuasa pengimbang. Pemuda tidak bebas dengan sebebasnya. Pemuda akan dibayangi oleh pengaruh tokoh tertentu. Ini kerana, untuk bertanding jawatan ini calon berkenaan sudah menumpangi bayang tokoh tertentu. Tidak mustahil bila ia menang kelak, ia hanya menjadi pemuda sebagai pendeduh dan pengangguk apa saja cakap-cakap tokoh (berkenaan) yang disanjungi!

Keadaan begitu adalah amat merbahaya untuk negara dan bangsa. Jika pemuda sudah boleh dibeli dengan modal kehebatan seseorang tokoh, menyebabkan pemuda tidak mempunyai waja perjuangan lagi. Pemuda kehilangan roh. Kewujudan pemuda dalam konteks pembentukan negara dan bangsa juga tidak ada apa-apa makna lagi.

Atas dasar itulah, Ketua Pemuda seorang yang tegas, berani, liberal, bebas dan menghormati demokrasi serta kental semangat keIslamannya, serta yang *gentleman* dalam politik dan menjadikan dirinya sendiri sebagai aset dan modal untuk bertanding.

Satu perkara yang perlu disedari, bahawa tidak mungkin Syed Hamid bertanding Ketua Pemuda jika beliau tidak mendapat *green light* daripada Perdana Menteri. Sebagai tokoh yang tidak suka menimbulkan kontroversi, Syed Hamid tidak mungkin menyediakan dirinya menjadi alat pertempuran, melainkan di atas restu Dr Mahathir dan juga Anwar Ibrahim!



Syed Hamid Jaffar Albar, calon Pemuda yang tidak ada klik dan bertanding di atas wibawa sendiri. Tidak main wang, tidak tumpang pengaruh orang lain. Dia menawar dirinya sendiri, kewibawaan dan juga idealisme perjuagannya.



7

RAHIM TAMBY CHIK: KM TERKAYA?



BERBANDING dengan beberapa orang Ketua Menteri Melaka sebelum ini, baik pada waktu Encik Ghafar Baba menjadi ketuanya, ternyata kehebatan dan kemampuan Rahim Tamby Chik sebagai Ketua Menteri Melaka tidak boleh ditandingi. Rahim Tamby Chik benar-benar berjaya membangunkan Melaka setanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini. Selama 12 tahun menjadi KM Melaka, Rahim berjaya meletakkan Melaka sebagai sebuah negeri pelancungan dan perindustrian terkemuka di Malaysia. Kelulusan ijazah Ekonomi Gunaan yang ada kepadanya, tidak disia-siakan.

Rahim adalah seorang KM yang kreatif. Pada satu sudut ia hampir sama dengan Sanusi Junid,

yang boleh memanfaatkan benda-benda yang sudah tidak berguna. (Selepas perhimpunan agung UMNO November ini sama-sama kita tengok pula bagaimana Sanusi Junid menggunakan semula tokoh-tokoh veteran yang tidak dingini lagi oleh UMNO). Rahim sungguh bijak bagaimana hendak menggembalikan semula kegemilangan Melaka yang sudah tenggelam ditelan sejarah 500 tahun lalu. Segala sejarah, legenda, dan dongeng yang berlaku di Melaka berjaya dibangkitkan kembali dalam versi dan bentuk moden. Kegemilangan Melaka pada abad ke 14 dahulu, seolah menjelma kembali pada abad ke 20 ini.

Melihat kepada keupayaan, kreativiti dan kesungguhan Rahim bekerja sungguh fantastik sekali. Tidak mustahil kalau Rahim memiliki ilmu kerohanian atau ilmu ghaib yang tinggi, dia akan memanggil balik semua tokoh-tokoh legenda Melaka, seperti Hang Tuan, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu, Mamak Ben-dahara, Tun Perak dan lain-lain untuk pulang ke Melaka.

Puteri Hang Lipo, Puteri Gunung Ledang, Tun Teja dan lain-lain juga, pasti sekali akan turut sama dipanggil balik, melihat pembangunan yang pesat melanda Melaka hari ini.

Melaka dari sebuah negeri yang dikenali sebagai "lubuk tidur" atau *sleepy hallow* berjaya ditukar oleh Rahim menjadi The Vibrant Melaka, ataupun bandar yang "bercahaya" dengan

lezer. Sudah tentu jika Hang Tuah, atau Jebat pulang dan mereka turun ke Melaka, mata mereka akan tersilau dengan pancaran lazer yang mereka belum pernah tenguk sebelum ini. Bagaimanapun malang kedua pahlawan itu sudah lama terlipat dalam sejarah, dan kesahihan tentang kewujudan mereka juga masih menjadi tanda tanya hingga kini?

Sesungguhnya negeri Melaka bertuah memiliki seorang Ketua Menteri seperti Rahim Tamby Chik? Justeru kehebatan itu, menjadikan Rahim setanding dan sinonim dengan dua orang Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. Mereka adalah "*The Tripple Giant*?"

Ternyata apa yang berlaku ke atas Melaka adalah hasil daripada perahan otak dan tenaga Rahim Tamby Chik. Pembangunan itu adalah lambang kepada kegigihannya dalam membangun Melaka dan mensejahterakan rakyat negeri itu. Apabila kita membaca sejarah perjuangan Rahim dalam UMNO, menjadikan kita tidak hairan, kalau dia berjaya seperti hari ini.

Rahim mula menyertai UMNO pada tahun 1969, apabila beliau menjadi ahli UMNO Cawangan Pengkalan Balak. Bermula dari sinilah beliau mula menapak sedikit demi sedikit dalam parti.

Jawatan pertama yang dipegangnya ialah sebagai Naib Ketua Pemuda Bahagian Kota Melaka. Pada tahun 1976, beliau terus melonjak

setangga lagi apabila memenangi jawatan Ketua Pemuda Bahagian yang sama.

Bintang Rahim dalam politik memang baik. Rahim memang bernalasib baik sejak dari dahulu lagi. Orang yang bertanggungjawab menggilap bintangnya ialah Allahyarham Syed Jaffar Albar, ayah kepada Syed Hamid, apabila pada tahun 1976, beliau dilantik menjadi EXCO Pemuda oleh Syed Jaffar Albar yang menjadi Ketua Pergerakan pemuda Malaysia ketika itu.

Dalam hal ini, Rahim Tamby seharusnya berterima kasih banyak kepada Syed Jaffar Albar. Mungkin kalau tidak disebabkan kepercayaan Syed Jaffar Albar, Rahim tidak berada ditempatnya hari ini dalam UMNO?

Bintang Rahim semakin bersinar apabila dalam tahun 1978, beliau diberi peluang bertanding kerusi parlimen Alor Gajah. Kemenangan dalam pertandingan ini membuka peluang lebih besar kepadanya. Beliau berkesempatan menunjukkan keupayaan serta wibawanya sebagai seorang ahli politik!

Dengan kemenangan itu beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama. Apabila Dr. Mahathir diberi kepercayaan untuk memimpin negara oleh Tun Hussein Onn, pada tahun 1982 Rahim turut mendapat perhatian Dr Mahathir Mohamad. Perubahan pucuk pimpinan UMNO itu, turut mengubahkan nasib dan kedudukan politik Rahim Tamby Chik, apabila beliau dinaikkan

pangkat menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Kecemerlangan dan juga kejayaan Rahim dalam menjalankan kerjanya, menyebabkan beliau mendapat perhatian Dr. Mahathir Mohamad. Dalam pada itu krisis yang menimpa UMNO Melaka pada masa itu turut memberi peluang kepada Rahim untuk membaiki kedudukan dalam politik dengan lebih baik lagi.

Dalam pilihanraya umum 1982 beliau dipindah dari parlimen Kota Melaka, bertanding di DUN Kelemeek. Perpindahan itu untuk membolehkan beliau dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka menggantikan Adib Adam.

Kini sesudah 12 tahun menjadi KM, ternyata Rahim mampu membawa perubahan dan pembangunan material yang sungguh pesat di Melaka. Dr Mahathir tidak silap memilih orang untuk menjadi *Chief Minister* Melaka. Kemajuan yang dicapai Melaka pada masa ini jauh lebih besar daripada apa yang dicapai oleh bekas KM-KM yang lepas. Ini membuktikan kemampuan Rahim sebagai pemimpin!

Seperti dikatakan pada awal tadi kejayaan Rahim membangun dan memodenkan Melaka, sungguh membanggakan rakyat Melaka, bahkan orang Melayu seluruhnya. Orang Melayu memang sepatutnya harus berbangga mendapat pemimpin yang berkemampuan seperti beliau.

Kejayaan Rahim Tamby Chik ini juga diiktiraf sama oleh Perdana Menteri. Ini boleh dilihat

apabila Dr. Mahathir kerap kali turun ke Melaka samada membuat lawatan ataupun meninjau segala projek yang dibikin oleh Rahim dari masa ke semasa. Perhatian Dr. Mahathir ini juga disifatkan oleh setengah orang sebagai kepercayaan Dr. Mahathir kepada Rahim Tamby Chik. Tidak keterlaluan kalau gelaran bapa Melaka Moden digelarkan kepadanya.

Bagaimanapun bak kata pepatah, bumi mana tak ditimpa hujan, dan gading mana tak retak, dalam mempunyai banyak keistimewaan itu, Ketua Menteri Melaka ini sudah melakukan satu perbuatan yang cukup memalukan. Rupanya **disamping hebat membawa pembangunan kepada rakyat dan negeri, Rahim juga membawa pembangunan pesat dan lumayan untuk dirinya sendiri.**

Apa yang didedahkan oleh ahli Parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng, sungguh memalukan. Sukar untuk dipercayai. Jika tidak disertakan bukti, semua orang tidak percaya dan menganggapkan satu fitnah untuk memburukkan Rahim.

Tetapi kenyataan itu hari ini tidak dapat disangsikan lagi, apabila Biro Pencegah Rasuah (BRP) khabarnya telah mulai menyiasat laporan yang dikemukakan oleh DAP itu. Rahim khabarnya pada awal bulan Ogos lalu telah dipanggil oleh BRP untuk "berkenalan" bagi memulakan penyiasatan.

Seperti mana fanstastiknya kita melihat pembangunan Melaka, maka begitu jugalah

fantastiknya kita bila mana melihat atau mengetahui jumlah harta yang dimiliki oleh Rahim Tamby Chik. Selama 12 tahun menjadi KM Melaka, Rahim berjaya mengumpul harta bernilai RM 25.85 juta?

Wow.... menjerit Juwie mendengarnya. Apa yang Rahim lakukan itu sesuatu yang sungguh luar biasa. Perbuatan yang sungguh kontradiksi sekali dengan janji dan ikrarnya semasa mengangkat sumpah memegang jawatan dahulu. Apa lagi pada era kerajaan yang mengemukakan slogan Bersih, Cekap dan Amanah, ia sungguh memalukan. **Rahim bersih untuk dirinya, amanah kepada keluarganya dan cekap menyintal segala kekayaan di Melaka untuk kepentingan perutnya.**

Elok kalau diseneraikan harta Rahim dibawah ini untuk dijadikan kenang-kenangan kita semua:

1. Kereta Porsche MP1 928S4 berharga RM 1 juta.
2. Kereta Mercedes Benz 300SL Sport Moden berharga RM 900,000.
3. Motorsikal Honda C100 yang berharga RM 3,900.
4. Motosikal Honda C100 berharga RM 3,900.

5. Kereta BMW BCF 5 Puan Sri Zabedah Abdullah. Model BMW 525i (A) Saloon berharga RM 210,000.
6. Rumah alamat 4379-C, Jalan Melor, Bukit Baru, Melaka (Sri Jebat) berharga RM 500,000.
7. Rumah banglow 5331-C Jalan Paya Ikan, Melaka (Sri Kasturi) berharga RM 300,000.
8. Tanah seluas 1.6 ekar di Bukit Baru dianggar dibeli pada harga 300,000 dimaju berharga RM 2 juta.
9. Rumah kedai di Taman Harta, Pertama, Bukit Baru Melaka berharga RM 1.5 juta. Rahim beli secara lelong awam dengan harga RM 875,000.
Nilai harta Rahim yang didedah RM 4.11 juta- RM 4 juta dibayar tunai.
10. Hotel peranginan Air Keroh D' Village berharga RM 20 juta.
11. Saham Dayamik Sdn Bhd RM 40,000.
12. Stesen Minyak Shell RM 500,000.

13. Bangunan EON RM 1.2 juta di Melaka.

Jumlah semua RM 25.85 juta.

(Jumlah ini hanya yang di ketahui. Adalah dipercayai harta sebenar Rahim melebihi RM 25.85 juta)

Ahli UMNO seluruh negara arif bahawa pemimpin mereka banyak memiliki dan menyentral harta negara dan rakyat untuk diri sendiri. Jumlah 2 atau 3 juta adalah perkara biasa bagi pemimpin UMNO. Tetapi kalau seorang bernilai berpuluhan-puluhan juta dan ratusan juta adalah sesuatu yang lunatik.

Selain daripada Rahim, Muhammad Haji Muhammad Taib juga punya harta yang banyak. menurut sumber lebih RM 500 juta. Demikian juga dengan Muhyuddin. Muhyiddin pula khabarnya mempunyai 21 buah kounter *sher* di BSKL, yang diniagakan di atas nama orang lain? Mereka ini adalah diantara KM/MB yang terkaya, harta mereka melebihi daripada harta Sultan dan Raja-raja Melayu yang kena kapor tidak lama dahulu.

Mempunyai harta banyak, tidak menjadi kesalahan. Islam menggalakkan umatnya berusaha dan mengumpul harta sebanyak mungkin. Tetapi Islam bukan suruh belanjakan untuk diri sendiri, tetapi belanja di jalan Allah. Kalau kumpul wang untuk kegunaan sendiri, itu adalah perangai Firaun.

Yang menjadi persoalan kini, dimanakah mereka dapatkan wang sebanyak itu? Apakah jalan yang mereka gunakan untuk mendapatkan wang itu halal atau tidak? Kalau diharapkan kepada gaji atau elau mereka sebagai KM/MB sampai mampus pun tidak mungkin mereka memperolehi harta sebanyak itu. Di sinilah menyebabkan rakyat mempertikaikannya.

Orang tahu keluarga Rahim tidak kaya. Ayahnya bukan seorang *millionaire*, yang meninggalkan ratusan juta harta? Ayahnya perjuang biasa, yang kalau ada pun dusun durian seluas lima hektar dan sebuah pondok buruk sahaja.

Dan dia selaku KM, tidak mungkin dapat mengumpul wang sebanyak itu dalam sekelip mata sahaja. Paling banyak pun beliau dapat kumpul selama 12 tahun menjadi KM, tidak lebih daripada RM 5 juta sahaja?

Dimanakah Rahim memperolehi wang sebanyak itu. Inilah yang menjadi tanda tanya, kerana orang tahu kemampuan Rahim, latar belakang dan juga gajinya. Maka kerana keraguan itulah menyebabkan orang mula meanggap Rahim telah melakukan penyelewengan, korapsi dan juga main Saham Cepat Kaya dalam pejabatnya dengan taukeh-taukeh China yang dilarang memasuki istana tidak lama dahulu.

Rakyat Melaka seluruhnya tentu amat berdukacita dengan sikap Ketua Menteri mereka itu. Rakyat Melaka tentu kesal yang amat sangat.

Bagaimanapun kekesalan itu tidak membawa makna dan merubah keadaan Rahim. Apa yang kita merasakan dukacita, ialah di manakah letaknya maruah Rahim selama ini. Beliau sering kali melaungkan pembelaan kepada rakyat, tetapi apa yang dibela ialah dirinya sendiri. Tidak ada makna sedikitpun kejayaan Rahim mengurangkan kadar kemiskinan rakyat Melaka dari 30% kepada 11%, sedangkan dalam masa yang sama dia berjaya meningkatkan kekayaan dirinya berlipat kali ganda.

Sungguh menghairankan, dimanakah maruah Rahim sebagai seorang pemimpin yang bersih, cekap dan amanah yang menjadi slogan kerajaannya itu?

Suatu masa ketika melawat Kelantan dia kondem Tuan Guru Nik Aziz kerana gagal membangunkan Kelantan. Pembangunan Kelantan jauh ketinggalan berbanding dengan Melaka. Tetapi Rahim lupa kepada satu perkara lagi, kenapa dia tidak bandingkan kekayaan dia dengan Nik Aziz? Siapa kaya diantara mereka berdua?

Kekayaan Rahim sudah melampau. Rakyat sekarang ini sedang menunggu penyiasatan BPR. Kali ini BPR hendaklah bebas. Dan kes Rahim ini jangan jadi seperti kes Samy Vellu. Memalukan. Jika ada kes dan didapati benar Rahim melakukan korapsi, tindakan sewajar hendaklah diambil. Jangan pilih bulu atau pun pandang pada kedudukan. Anwar sebagai pengurus pe-

nyelewengan, jangan fikir soal pengaruh Rahim keadilan hendaklah ditegakkan tanpa mengira siapa Rahim Tamby Chik.

Melihat segala kecacatan, penyelewengan dan kerakusan itu, ia membimbangkan rakyat seluruhnya. Kita merasai hairan, bagaimana seorang pemimpin seburuk itu, diampu dan diangkat begitu tinggi sekali.

Dalam hal ini, Pemuda harus cepat sedar. Jika Rahim naik dan mendapat kuasa dalam Pemuda, tidak mustahil apa yang beliau lakukan di Melaka akan berlaku dalam Pemuda.

Kesalahan Rahim bukan setakat itu sahaja. Dia ternyata berjaya membawa pembangunan material, tetapi dalam masa sama dia gagal membangunkan insan rakyat Melaka. Ini adalah berpunca kerana prihatin Rahim kepada Islam tidak berapa berat. Rahim memandang remeh kepada Islam.

Bukti paling nyata ialah tindakannya melarang jemaah Tabligh daripada menggunakan masjid atas alasan mengotorkan. Ma'sya-Allah!

Benar Rahim berjaya membina kompleks masjid Al Azim berharga puluhan juta ringgit dan dapat memuatkan 1000 orang maknum, tetapi usaha itu sia-sia sahaja bila ia menghalang Tabligh daripada bergerak di Melaka. Keindahan dan kehebatan masjid itu sebagai syiar sahaja, untuk mengabui mata umat Islam Melaka.

Apakah setelah dikaitkan dengan berbagai skandal, penyelewengan dan rasuah, pemuda

sanggup untuk menerima Rahim sebagai Ketua Pemuda? Apakah pemuda tidak bimbang, "penyakit" Rahim itu akan merebak dalam pergerakan UMNO. Maknanya sebelum terlambat eloklah pemuda memikirkan sebaik mungkin. Jika silap membuat keputusan, bermakna pemuda akan menanggung dosa dan kekesalan selama tiga tahun. Bukan itu saja, silap-silap anda boleh subahat melakukan pengkhianatan ke atas agama, bangsa dan tanah air!



Ini dia calon Ketua Pemuda, Rahim Tamby Chik disarungkan selendang itu untuk pembangunan Melaka ataupun pembangunan diri sendiri. Rahim berjaya mengurangkan kadar kemiskinan rakyat Melaka dari 30% kepada 11%, tetapi dalam pada itu, dia juga berjaya menambah kadar harta dan kekayaan dirinya. Menurut siasatan Lim Guan Eng, harta Rahim bernilai RM25.85 juta?



ISA SAMAD: KECIL-KECIL SANG KANCIL



KALAU dilihat kepada saiz, karakter dan juga wibawa orang tidak fikir Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, serius untuk bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Umum tidak fikir beliau turut sama mengadu nasib. Orang tidak fikir dia bersedia bertanding. Kenyataannya tempoh hari dianggap gimmik politik semata-mata. Jawatan yang disandangnya kini; Menteri Besar Negeri Sembilan, adalah cukup besar. Jawatan itu kalau diukurkan dengan saiz fizikalnya yang kecil, tidak sesuai. Apa lagi zaman Mahathir, semua Menteri Besar atau Ketua Menteri, besar-besar dan panjang, maka jadilah Isa, Menteri Besar terpendek. Jadi untuk apa dia bertanding merebut

jawatan Pemuda lagi!

Tetapi, benar kata orang, kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka ayah. Ada orang besar tetapi otak kecil, dan ada orang kecil tapi otak besar. Menurut legenda rimba raya, banyak binatang yang besar-besar dalam hutan seperti Gajah, Harimau, Singa semuanya kena tipu oleh haiwan kecil, Sang Kancil.

Demikian dengan Isa Samad, kecil dan pendeknya bukan sebarang kecil. Saiz tidak menunjukkan kemampuan seseorang. Kalau ikutkan saiz, orang Jepun dan Korea tidak berjaya, kerana kebanyakan mereka pendek-pendek belaka. Tetapi Jepun ternyata berjaya menjadi negara berteknologi terulung di dunia hari ini.

Pendek Isa adalah pendek Jepun dan kecilnya, kecil Sang Kancil. Kalau Rahim dan Syed Hamid ada nafsu untuk bertanding Ketua Pemuda, maka apa salahnya kalau dia juga bernaluri untuk turut sama beradu nasib. Tidak menjadi kesalahan. Samada dia layak atau tidak orang lain tidak boleh membuat keputusan, lagi-pun demokrasi tidak mencatat bahawa orang yang tingginya dibawah 5 kaki 1 inci tidak dibenarkan bertanding!

Pada asasnya tidak menjadi kesalahan kepada Mohd Isa. Soal layak tidak layak itu ukuran umum. Hakikat sebenarnya Mat Isa sahaja yang mengetahui apakah dia layak, ataupun tidak memberi cabaran kepada Rahim dan Syed Hamid.

Kalau Rahim ada senjata sulit, kalau Syed Hamid ada doa mujarab, maka apa kurang dengan Isa, dia juga tentu ada jampi serapah orang Minang untuk menghadapi pertandingan. Sebagai "pejuang" Mat Isa tentu ada senjata sulit yang akan digunakan?

Seperti yang ditegaskannya, dia bertanding bukan kerana ingin mengejar kedudukan atau pangkat. Jawatan MB yang dipegang sekarang pun, dia tidak pernah terfikir. Tetapi pertandingan itu untuk membolehkan dia menyumbang khidmat kepada Pemuda. Dia mungkin tidak akan bertanding, kalau kerusi Ketua Pemuda tidak kosong. Dalam hal ini, Mohd Isa sepandpat dengan Syed Hamid. Syed Hamid juga mungkin tidak bertanding, kalau bukan kerana untuk mengisi kekosongan. Diatas sifat untuk mengisi kekosongan, maka tidak menjadi kesalan bagi mereka berdua bertanding untuk mengisi kekosongan itu.

Satu hal lagi, jika bukan Rahim Tamby Chik yang bertanding ketua pemuda, mungkin Mat Isa tidak jadi seghairah sekarang ini. Mungkin dia boleh lepas begitu sahaja. Dia tidak mahu pening-pening kepala dan menghabiskan wang dan masa. Tetapi kerana Rahim Tamby Chik, maka dia terpaksa bergolak bergadai.

Sekiranya Syed Hamid sahaja yang menawarkan diri, mungkin Mat Isa boleh menarik diri dan memberi laluan kepada Syed Hamid. Meskipun keduanya tidak mempunyai hubungan poli-

tik dan peribadi yang intim, tetapi kita percaya Mat Isa bersedia menerima Syed Hamid sebagai Ketua Pemuda.

Justeru melihat tidak ada sebab lainlah maka kita merasakan Isa bertanding kerana hendak menyelamatkan Pemuda UMNO daripada dikuasai oleh orang yang tidak sepatutnya diberi kuasa. Dalam era Islam ini, mungkin beliau merasakan, Rahim sangat tidak pantas. Sebagai orang yang duduk berjiran, tentu sekali, Mat Isa tahu apa yang berlaku dalam rumah tangga Rahim, dan sesekali mendengar "jeritan histeria" dalam "bilik tidur" rumah kawannya itu.

Kerana tahu itulah, maka kebimbangannya terbawa-bawa menyebabkan dia yang pada mulanya dianggap sebagai mengacah, kini sudah jadi serius. Mohd Isa sudah benar-benar bersiap untuk berlawan, walaupun apa akan jadi dia tidak mungkin menarik diri lagi.

Kalau diteliti kepada kemampuan, kewibawaan dan juga kreadibiliti Mohd Isa Samad, berbanding dengan Rahim atau Syed Hamid, beliau ternyata ke belakang. Syed Hamid dan Rahim mempunyai banyak keistimewaan daripadanya. Terutama dibandingkan dengan Rahim Tamby Chik selaku Ketua Menteri, Mohd Isa, tidak berkemampuan dalam membawa Negeri Sembilan mengalami pembangunan pesat. Setengah orang mengatakan pembangunan Negeri Sembilan adalah tempias daripada Melaka.

Tetapi bila diukur kepada kriteria lain, akh-

lak dan personaliti dan iltizam perjuangan, ini tidak boleh dinafikan. Mohd Isa ada prinsip, ada pegangan dan pandangan perjuangan tersendiri yang lebih baik daripada Rahim Tamby Chik. Misalnya skandal dan penyelewengan yang riuh rendah di Melaka tidak terdengar berlaku di Negeri Sembilan. Isa tidak pernah di kaitkan dengan sebarang isu negatif yang memalukan. Dia adalah bersih dan amanah dengan tugasnya.

Begitu juga dengan prinsip dan penghormatan kepada golongan tua, Isa seorang yang berhati budi dan menjunjung tinggi jasa dan bakti orang tua. Dia tidak menderhaka kepada orang tua. Dalam hal ini, Rahim patut belajar dan malu dengan Isa. Meskipun Ghafar adalah orang Melaka, dan manusia bertanggung jawab memperjuangkan Melayu bersama ayahnya, (Tamby Chik) tetapi tidak dipandang oleh Rahim Tamby Chik, sebaliknya Isa yang berada di sebelah rumah, menghormati kepada Ghafar Baba. Penghormatan Isa kepada Ghafar merupakan satu sindiran tajam kepada Rahim.

Satu hal lagi Mohd Isa juga walaupun pendek, dan tidak sesegak orang lain, tetapi dia mempunyai sikap yang tegas dan berterus terang. Mohd Isa tidak pandai berdolak dalih. Prinsip hidupnya tidak tahu hendak mempermudahkan orang. Jika sesuatu itu tidak, dia tidak akan kata iya, dan jika iya dia tidak akan kata tidak. Sikap yang demikian sangat cocok ada pada diri seorang pemimpin pemuda!

Dalam masalah sokongannya kepada Encik Ghafar Baba, diatas rasa penghormatan seorang "anak" dia tidak berdolak dalih. Mohd Isa seorang yang tidak menukarkan sahabat dengan politik "*cheap sale*". Anwar Ibrahim berkali-kali merayu kepadanya agar memberi sokongan kepadanya, tetapi Mohd Isa dengan tegas menyatakan, adalah sukar untuk dia berbuat demikian.

Dia menyedari, apabila dia menolak pelawakan Anwar itu, dia seperti melawan arus. Dan dia tahu risikonya. Namun demi penghormatan yang tinggi kepada Ghafar, serta prinsipnya, Mohd Isa tidak takut kepada sebarang risiko yang akan menimpanya kelak, dan beliau bersedia menerima apa sahaja yang terjadi sebagai takdir daripada Allah.

Dalam berhadapan dengan pertandingan ini, dia juga mempunyai pandangan tersendiri. Dia tidak yakin kepada klik, pakej dan sebagainya. Dia bertanding diatas kemampuan dirinya sendiri.

"Saya tidak percaya bahawa saya perlu bertanding dengan menggunakan "payung" orang lain. Saya menggunakan "payung" saya kerana kita tidak perlu dipayungi oleh sesiapa pun. Saya bertanding atas keyakinan diri saya; saya yakin bahawa saya boleh menawarkan perkhidmatan yang baik kepada Pergerakan Pemuda. Dan saya tidak perlu mendapat restu daripada sesiapa; saya tidak perlu masuk "pakej" sesiapa, saya tidak perlu masuk kelung

sesiapa, dan saya tidak perlu masuk "rakit" sesiapa.

Mohd Isa juga, dalam satu sudut sama pendapat dengan Syed Hamid, pemilihan secara kelompok atau longgok, tidak menguntungkan UMNO. Pemilihan secara itu tidak memberi kebaikan kepada UMNO. Lantaran itu dia menghindarkan dirinya daripada terjerumus ke mana-mana kem atau pun pakej.

"Saya percaya bahawa jika kita memilih pemimpin, kita tidak boleh pilih secara "pakej, kelong atau rakit." Kita mesti memilih sesiapa yang terbaik dan bukan semuanya boleh terpilih. Kita bukan memilih buah durian. Kalau kita beli pakai "pakej" maknanya kita beli "longgok" dan bila beli buah durian cara longgok, belum tentu semua baik. Maknanya kita tidak boleh pilih secara "pakej kelong atau rakit" atau longgok di Chow Kit. Memang pendapat Mat Isa itu ada rasionalnya, dalam satu longgok itu tidak semua baik ada yang busuk. Kalau diandaikan kepada pembeli durian, ada yang busuk, maka kalau pemimpin juga dipilih secara longgok maka taraf pemimpin itu samalah dengan durian busuk!"

Secara pasti tidak tahu apakah dan siapakah yang mendesak, Isa bertanding dan tidak berhajat untuk berkerjasama dengan Rahim. Sepatut sebagai negeri berjiran, Isa boleh "berjiran" atas

dasar politik. Namun nampaknya faktor geografi tidak menjadi kuasa penentu diantara mereka berdua.

Membaca rekod dan juga sejarah politik Isa Samad, beliau seorang yang sederhana dalam politik. Isa seorang yang tidak mengejar kedudukan. Mohd Isa naik mengikut susunan anak tangga tradisi dalam politik. Beliau naik dari bawah tanpa pendukungan dan undangan se-siapa. Dalam kata lain beliau naik dengan wibawa, *prestaj* dan keupayaan dirinya sendiri, dan sesekali tidak menafikan hak orang orang lain.

Isa Samad mula aktif dalam Pergerakan Pemuda pada tahun, 1973 dengan menjadi ahli jawatankuasa Bahagian Pemuda. Pada tahun 1974 beliau bertanding Bahagian Teluk Kemang, manakala pada tahun 1976 beliau menjadi Naib Pergerakan Pemuda Teluk Kemang. Pada tahun 1978 pula beliau bertanding Ketua Pergerakan dan menang, dan pada tahun 1980 menjadi Ketua Pemuda Negeri.

Atas dasar dan realiti itu maka kita nampak, tawaran beliau untuk bertanding Pemuda bukan sangat kerana kedudukan. Beliau selalu berkata, bahawa jawatan MB yang dipegang sekarang adalah cukup tinggi. Dia tidak pernah bermimpi untuk memegang jawatan itu. Apa yang difikirkan sebelum ini sebagai seorang Guru, jawatan paling tinggi pun hanya setakat menjadi Guru Besar sahaja. Apa yang berlaku ke atas dirinya ia adalah takdir Allah.

Dalam serba serbi Mohd Isa adalah seorang yang *simple* dan ringkas. Kadang-kala kesimple-lan itu menyebabkan ia dilihat sebagai tidak serius. Dia seperti bergurau sahaja. Lantaran itu pada peringkat awal, tawarannya untuk bertanding dianggap sebagai acah-acahan sahaja. Dan ia baru diyakini apabila kebelakangan ini beliau menunjukkan keseriusannya berkempen.

Beliau tidak mempunyai agenda yang khusus dalam pertandingan. Malahan manifesto juga tidak ada. Ini membuktikan keringkasan hidupnya. Katanya:

"...Kita tidak perlu mewujudkan wawasan yang tersendiri kerana menjadi tanggungjawab kepada seluruh kepimpinan UMNO di mana peringkat sekalipun dan orang Melayu serta rakyat Malaysia untuk mencapai wawasan 2020 yang telah menjadi dasar negara. Sepatutnya kita tidak perlu lebih banyak wawasan, orang Melayu akan hanya dibuai oleh "lagu-lagu" wawasan, sedangkan yang satu ini (Wawasan 2020) baru kita mulakan."

Begitu juga dengan slogan, Mohd Isa hanya menggunakan slogan UMNO, "Bersatu Bersedia Berkhidmat." Dan dia tidak mempunyai motto atau slogan perjuangan yang tersendiri.

Mohd Isa juga mempunyai pandangan tersendiri dalam pemuda. Baginya pemuda tidak perlu banyak bercakap, sebaliknya banyak bekerja. Pemuda tidak perlu melakukan banyak

perubahan, yang penting, berkerja dalam semua kegiatan. Lantaran itu beliau tidak akan melakukam perubahan jika dia menang kelak. Keadaan dan sikap ini menunjukkan Mohd Isa seorang yang ringkas, simple, dan tidak yakin kepada slogan dan wawasan, yang penting kerja.

Pada satu segi Mohd Isa mempunyai "keserasian" dan persamaan dengan Syed Hamid. Mereka sama-sama mahu menjadikan pemuda sebagai alat perpaduan. Tetapi sayang sedikit keserasian itu pula tidak dapat digunakan untuk bersatu (berkompromi.) Alangkah baik kalau keduanya dapat bersatu diantara satu sama lain. Syed Hamid lawan Rahim, Mat Isa lawan Nazri. Tetapi cadangan ini tidak mungkin menjadi kenyataan lagi.

Berpandu kepada kondisi dan *environment* itu, memperlihatkan kepada umum bahawa Mohd Isa sungguh pun tidak sehebat Rahim, tapi pada satu segi dia lebih baik dan mampu untuk memimpin pemuda berbanding dengan Rahim. Sebaliknya jika diukur dengan Syed Hamid, Mat Isa kena mengakui akan kelemahan dirinya. Pertandingan ini tidak membawanya ke mana, melainkan sebagai *testing* sejauh manakah pengaruhnya dalam politik kebangsaan.

Bagaimanapun, adalah sesuatu yang diluar dugaan kita, kalau tiba-tiba dia boleh membuat *upset*, dengan menafikan undi kepada Syed Hamid ataupun Rahim.

Seandainya Mohd Isa mendapat 100 undi

sudah cukup untuk kita mengiktirafkan Mohd Isa adalah seorang tokoh yang tidak kurang pentingnya dalam "*politik game*" di Malaysia ini.



Tan Sri Mohd Isa Samad, tidak punya apa-apa strategi? Dia hanya menyerahkan dirinya untuk dinilai oleh pemuda, samada layak atau pun tidak untuk memimpin Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

SYED HAMID: PESAKA JAFFAR ALBAR UNTUK BANGSA!

ORANG yang meneliti perwatakan dan melihat stail politik Syed Hamid Jaffar Albar akan menemui beberapa kelainan diantara beliau dengan beberapa tokoh UMNO yang lain. Syed Hamid mempunyai identiti kepimpinan dan beberapa keistimewaan tersendiri untuk muncul sebagai seorang tokoh politik ulung pada masa datang. Paling menonjol ialah, mengenai sikapnya yang tegas, keras dan juga yakin kepada diri sendiri. Beliau juga seorang yang komited dengan perjuangan, untuk bangsa dan agama yang berlandaskan keikhlasan, kejujuran dan menuruti lunas-lunas sebenarnya.

Dalam parti Syed Hamid terkenal sebagai seorang yang tidak suka bergaduh, berpuak dan

politiking. Beliau lebih suka berkawan dan ber-sahabat dengan sesiapa sahaja, dan mengelakkan daripada mempunyai musuh seberapa yang boleh. Beliau juga bersikap *low profil* dan tidak suka menonjolkan diri. Syed Hamid lebih suka bekerja daripada bercakap. Pengalaman dan stail sebagai eksekutif terbawa-bawa dalam karier politik!

Sikap, stail dan identiti politiknya yang begitu tidak menghairankan. Itu semua adalah sebagai penjelmaan daripada sikap, stail dan perwatakan almarhum ayahnya, Tan Sri Jaffar Albar.

Syed Jaffar (bapanya) sepanjang hayatnya dalam perjuangan UMNO terkenal dengan seorang yang berani, tegas dan berdisiplin. Beliau dikenali dengan nama "Singa UMNO" kerana kelantangan dan keberaniannya. Beliau adalah satu-satunya tokoh UMNO yang mendapat analogi seumpama itu.

Salah satu contoh menunjukkan ketegasan dan keprihatian yang serius almarhum kepada bangsa ialah, apabila beliau terpaksa melepas-kan jawatan Setiausaha Agung parti kerana berselisihan faham dengan almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al Haj. Syed Jaffar tidak bersetuju dengan tindakan Tunku menyerahkan Tumasik kepada Lee Kwan Yew. Penyerahan Singapura kepada Lee Kwan Yew disifatkan oleh Syed Jaffar sebagai kedayusan Tunku Abdul Rahman dalam menghadapi tekanan politik di

Singapura pada masa itu.

Beliau juga mempunyai ramai sahabat dan kawan-kawan. Tidak hairanlah sepanjang hayatnya, ke mana sahaja beliau pergi, beliau disambut hebat oleh segenap lapisan masyarakat. Syed Jaffar merupakan seorang nasionalis tulin yang benar-benar melandaskan diri kepada Islam.

Alam sekitar, suasana dan latar belakang pendidikan mempengaruhi beliau muncul sebagai seorang ahli politik yang demikian. Syed Jaffar lahir dari keluar pejuang Islam yang ulit yang berasal dari Sulewasi Indonesia. Penghijrahan beliau ke Johor juga adalah melalui misi dakwah Islamiah. Kepadanya, berjuang bukan untuk mendapatkan pangkat dan harta sebaliknya sebagai penerusan kepada tradisi **ahlulbait**, yang terkenal sebagai mujahid Allah.

Hakikat keikhlasan, ketulusan beliau dalam perjuangan terserlah, apabila beliau tidak mengambil kesempatan untuk mengumpul harta. Sampai ke akhir hayatnya Tan Sri Jaffar Albar hidup secara sederhana sahaja. Beliau sesekali tidak menggunakan kesempatan dan kuasa yang ada kepadanya untuk mengumpul kekayaan. Tidak ada sesiapa dikalangan anggota keluarga menjadi "kaya" menumpang kuasa politiknya. Ini terbukti apabila melihat kepada corak kehidupan seorang adiknya Omar Albar yang terlalu "biasa" dengan menjalankan perniagaan disebuah warung dipinggir jalan Tuanku Abdul Rahman.

Jasa-jasa Syed Jaffar dalam politik tidak perlu

disebut lagi. Seluruh anak bangsa khususnya yang berjuang dalam UMNO, dan mempunyai rasa cinta dan kecintaan mendalam kepada agama dan negara, sudah mengetahuinya. Perjuangan dan bakti beliau sudah tersemadi dalam benak orang Melayu dan terlipat kemas dalam lembaran sejarah bangsa!

Perjuangan Syed Jaffar bukan sahaja melalui politik. Dia mengimplimentasikan perjuangannya melalui berbagai wadah. Syed Jaffar juga terkenal sebagai penulis dan wartawan yang berani. Selain itu, dia juga menjadi Guru dan bertanggungjawab mengasas beberapa buah sekolah. Salah sebuah sekolah yang diasaskannya ialah sekolah (maktab) Islah, di Kota Bharu, Kelantan.

Syed Jaffar juga terkenal sebagai seorang pencinta bangsa nombor satu. Beliau banyak memberi budi kepada bangsa Melayu dengan menjadi guru (ustaz) di Terengganu, Kelantan dan Johor. Kegigihan, keikhlasan, kesedaran Syed Jaffar Albar itulah yang telah mengalir ke tubuh anaknya Syed Hamid kini. Kuah kalau tidak tumpah ke nasi ke mana lagi. Bapak borek anak rintik. Begitulah yang berlaku kepada putera ketujuhnya, Syed Hamid. Ketegasan, keberanian Syed Hamid memang teruji dan terserlah. Orang yang mendampingi dan bersahabat dengan Syed Hamid, sangat mengetahui akan ciri-ciri persamaan (kesinonimansan) beliau dengan arwah ayahnya.

Beliau juga bukan tegas, sebaliknya mempu-

nyai perasaan sabar yang menebal. Syed Hamid boleh tenang dan menerima apa jua takdir Allah dengan redha. Didikan agama, diberikan oleh orang tuanya, telah membentuk dirinya menjadi seorang manusia yang mempunyai keyakinan diri yang kuat beriman dan takwa. Syed Hamid dilihat tidak mudah panik dan cemas bila menghadapi sesuatu keadaan yang kritikal dalam politik. Banyak falsafah dan amanat ayahnya menjadi azimat dirinya dalam politik. Salah satu pesanan ayahnya yang paling diingati ialah bagaimana untuk muncul menjadi seorang ahli politik yang baik. Kata arwahnya *kalau seseorang itu ingin menjadi seorang pengkritik yang baik dan berani, dirinya hendaklah bersih dan terhindar dari penyelewengan*. Seandainya diri kita sendiri kotor dan korapsi, sudah pasti kalau kita membuat teguran, teguran kita akan dipersendakan.

Kesabaran Syed Hamid dalam berdepan dengan kerena dan muslihat politik mengajarnya menjadi semakin dewasa dan mengenali hati budi orang-orang politik. Kesabaran juga membawa dia kepada mercu kejayaan seperti mana yang ada hari ini. Kesabaran, ketenangan dan ketakwaan tinggi Syed Hamid kepada Allah teruji pada tahun 1986, apabila beliau ditendang daripada menjadi calon UMNO di Sungai Benut, disaat-saat akhir. Tragedi itu benar-benar mengajar Syed Hamid mengenali seluk beluk dan juga asam garam dalam politik.

Tragedi itu mengajar dia untuk mendalami falsafah politik bangsanya sendiri. Tragedi itu juga sangat diharapkan semoga tidak akan berulang buat ke dua kali dalam hidupnya.

Sudah barang tentu kalau beliau tidak sabar, dan berkepentingan dalam parti, dia akan kecewa dengan peristiwa itu dan kemungkinan sudah lama mengucapkan "*good bye*" kepada UMNO. Tragedi menjelang pilihanraya umum 1986 memberi hikmah kepadanya. Mungkin tanpa berlaku tragedi itu, kedudukannya dalam politik masih belum sampai ke tahap hari ini.

Syed Hamid dilahirkan pada 15 Januari 1945. Pada Januari lepas usianya genap 47 tahun. Beliau mempunyai 10 orang adik beradik, terdiri daripada lima lelaki dan lima perempuan.

Beliau adalah anak yang ketujuh. Sebagai anak ketujuh, Syed Hamid dikira mempunyai sedikit keistimewaan berbanding dengan adik beradik yang lain. Dalam keluarganya, hanya dia yang aktif dan berjaya dalam politik. Sementara adik beradiknya yang lain tidak ada yang melibatkan diri dalam politik.

Penglibatan dan minat Syed Hamid dalam politik, boleh dikatakan sebagai penerus kepada perjuangan bapanya yang masih belum selesai. Cita-cita Jaffar Albar yang ingin melihat anak Melayu dan orang Islam maju, mantap dalam perpaduan, diharapkan dapat disambung oleh putera ke tujuhnya ini. **Syed Hamid adalah pesaka Jaffar Albar untuk bangsa Melayu,**

yang diamanahkan agar melaksanakan cita-cita yang masih belum disempurnakan.

Adalah sesuatu yang tidak menghairankan kalau Syed Hamid cenderung kepada politik berbanding dengan adik beradiknya yang lain. Syed Hamid memang terdedah dengan perjuangan sejak dari kecil lagi. Beliau didedahkan dengan pidato-pidato Seokarno oleh keluarganya. Jika ada ucapan Seokarno di Radio, keluarganya akan kuatkan dan meminta Syed Hamid mengikutnya. Menurut kawan saya (seorang penulis,) Syed Hamid seorang anak yang manja dengan bapanya. Dia sering dibawa oleh Jaffar Albar ke majlis syarahan dan ceramah politik.

Kecenderungan Syed Hamid kepada politik, menyebabkan dia sering mengintip ayahnya berborak politik dengan rakan-rakannya di rumah. Pernah satu kali dia dimarah oleh ayahnya kerana mencuri dengar perbincangan politik di rumahnya.

Syed Hamid menyertai politik, ketika menuntut di United Kingdom. Beliau menyertai kelab UMNO United Kingdom pada awal tahun 1970an. Ketika itu usianya dalam lingkungan 25 tahun. Memang pada usia mudanya, beliau tidak menonjol dan aktif seperti pemuda lain, tetapi minat dan keperihatiannya kepada UMNO begitu mendalam.

Sekembali ke tanah air, Syed Hamid tidak terus aktif. Sebaliknya beliau menumpukan perhatian kepada profesyonnya sebagai peguam.

Penyertaan Syed Hamid dalam UMNO tidak melalui *grass root* dan sebaliknya diundang. Cara itu menyebabkan beliau dilihat sebagai golongan elit dalam UMNO.

Syed Hamid mula menapak dalam UMNO dengan menjadi Ketua Bahagian UMNO Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Dalam pada masa sama juga beliau dilantik menjadi MKT untuk membolehkan beliau memberi sumbangan kepada perjuangan sejajar dengan kewibawaan, kelulusan dan ketokohan yang ada kepadanya.

Penyertaannya dalam UMNO hampir sama dengan Anwar Ibrahim. Beliau seakan dijemput, memandangkan potensi, wibawa dan juga bakat berpolitik semulajadi yang ada kepadanya. UMNO pada masa itu berkehendakkan kepada golongan muda yang mempunyai kepakaran dalam bidang profesional.

Sewaktu berlaku krisis UMNO tahun 1987, Syed Hamid yang terkenal dengan sikap tidak suka *politiking*, seperti mati akal, tidak tahu ke mana beliau hendak meletakkan dirinya, samada berpihak kepada team A atau team B. Dalam keadaan kritikal begitu, beliau menyeberangi ke Team B kerana mengikut arus UMNO Johor pada masa itu. Bagaimanapun setelah perwakilan memutuskan bahawa team A pimpinan Mahathir lebih berhak ke atas UMNO, Syed Hamid turut membuat keputusan politik menghormati keputusan majoriti ahli UMNO.

Sebagai seorang tokoh yang mempunyai po-

tensi dan prospek dalam politik negara , penyer-taan Syed Hamid ke dalam UMNO mengembira-kan banyak pihak. Salah seorang darinya Dr Mahathir sendiri. Buktinya apabila Syed Hamid menang dalam pilihanraya tahun 1990 beliau terus dilantik menjadi Menteri Kabinet. Kehadirannya dalam UMNO begitu diperlukan sekali. Kemenangan sebagai MKT dalam perhimpunan 1990 adalah buktinya. Baru-baru ini beliau telah menang sebagai Ketua UMNO Bahagian Kota Tinggi, Johor.

Syed Hamid adalah antara tokoh UMNO yang mempunyai kelulusan Undang-Undang dan mempunyai kebolehan (kepakaran) dalam bidang kewangan dan banking. Beliau lulus *Barrister At-Law* dari Middle Temple United Kingdom. Sebelum itu beliau melanjutkan pelajaran di Methodist Boys School (School Certificate) dan Geelong Grammer School, Victoria Australia.

Pengalaman dalam bidang perbankan dan perancangan kewangan, ditimba semasa beliau bekerja dengan Bank Bumi Putera tahun 1972-1986. Selain bekerja dengan BBMB Syed Hamid juga menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada badan berkanun, institusi kewangan dan Yaya-san Kemasyarakatan! Dengan pengalaman itu-lah meletakkan dia menjadi seorang tokoh politik yang mempunyai kepakaran dalam bidang perancangan dan pengurusan kewangan yang dise-gani.

Syed Hamid merupakan anak Melayu per-


tama diberi kepercayaan oleh BBMB untuk menjadi Pengurus Besar bank itu di cawangan luar negara iaitu di London pada tahun 1984. Beliau juga pernah berkhidmat di Bahrin. Kepercayaan ini menunjukkan kemampuan beliau menguasai bidang tersebut tidak boleh dipandang ringan.

Barang kali tidak keterlaluan, apabila Anwar Ibrahim meninggalkan Kementerian Kewangan pada masa akan datang Syed Hamid dikira antara orang yang paling sesuai untuk mengisinya.

Syed Hamid berkahwin dengan Datin Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin, dan kini memperolehi lima orang cahaya mata.



Kenangan- Allahyarham Tan Sri Jaffar Albar, "Singa UMNO" yang berjuang demi bangsa, agama dan tanah air. Mudahan idelisme perjuangannya akan diterusi dan dipesakai oleh anaknya Syed Hamid Albar.





10

SIAPA KETUA PEMUDA UMNO KE 10?



KERANA salah seorang daripada tiga calon Ketua Pemuda menjadi proksi pengaruh Anwar Ibrahim dalam Pemuda, menyebabkan pertandingan merebut jawatan pemuda pada tahun ini hebat. Pertandingan ini juga bukan sahaja menentukan sejauh manakah "kehebatan" tokoh-tokoh yang bertanding, tetapi menunjukkan sejauh manakah minat dan juga kegilaan pemuda kepada **Anwarisme** Ibrahim?

Secara tidak langsung juga, ia menentukan sejauh manakah fikiran Pemuda terbuka, bebas dari sebarang kongkongan, kerana umum mengetahui, seperti ada *endorse* dari tokoh tertentu agar memilih salah seorang tokoh daripada tiga calon pemuda sekarang.

Kehebatan ini tentulah disebabkan hebatnya arus dan gelombang Anwar Ibrahim sendiri dalam UMNO hari ini. Kononnya UMNO hari ini mahukan perubahan, dan arus Anwar Ibrahim tidak boleh disekat lagi.

Seandainya calon itu, (Rahim) tidak mendakwa dia berada dalam pakej Anwar sudah pasti pertandingan pemuda akan berjalan seperti biasa. Lantaran ia telah didakwa berada dalam pakej Anwar dan diterima pula oleh sesetengah ahli yang cetek dan tohor muslihat politik, kalah menang dalam pertandingan pemuda akan dilihat sebagai pasang atau surutnya arus Anwar dalam UMNO.

Meskipun orang tertanya-tanya apakah sebab musabab dan alasan kemas maka Anwar boleh memilih Rahim, namun itu bukan satu persoalan kini. Apa yang boleh disimpulkan, kenapa Anwar tidak memilih Syed Hamid, yang dikira lebih "*eligible*." berbanding dengan Rahim kerana pada pandangan Anwar Syed Hamid tidak banyak dapat membantunya dalam usaha mengejar Encik Ghafar tidak seperti Rahim yang dapat memberi pengaruh dan juga kewangan kepadanya.

Lantaran senario dan keadaan demikian, meskipun perebutan jawatan Pemuda ada tiga orang calon, ia sebenarnya seperti pertandingan dua orang sahaja, antara Rahim Tamby Chik yang dakwa satu pakej bersama Anwar dengan Syed Hamid Albar, yang hanya disokong oleh dirinya sendiri sahaja dan tidak dibayangi oleh

mana-mana tokoh.

Adalah lebih menarik kalau dalam hal ini, Syed Hamid disokong oleh Ghafar Baba atau Sanusi Junid. Kita boleh melihat, keputusan pertandingan Anwar, Ghafar lebih awal sebelum tiba hari penentuan sebenarnya. Tetapi kerana Syed Hamid bukan merupakan proksi Ghafar, menyebabkan sokongan, kelemahan dan kekurangan yang ada kepada Syed Hamid tidak boleh kita andaikan itulah juga yang dapat kepada Ghafar?

Seperti disebutkan tadi, pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda, bukan dua, ianya tiga. Seorang lagi calon ialah Mat Isa Samad. Namun begitu seperti yang dikatakan tadi, pertandingan sebenarnya hanya dua penjuru sahaja. Kehadiran Mat Isa, tidak mencabar kedudukan. Kemunculan Mohd Isa Samad bolehlah dianggap sebagai pengacau daun sahaja, kepada pertandingan sebenarnya.

Namun dalam pada itu, kehadiran Mat Isa tidak boleh dipandang remeh oleh Rahim maupun Syed Hamid, jika perwakilan membuat *upset* ia boleh merubahkan ramalan awal. Dilihat kepada lahiriah dan juga persediaan kempen, Mat Isa lebih bertenaga daripada Syed Hamid.

Kehadiran Mat Isa sedikit sebanyak turut memberi kesan sampingan kepada kedua tokoh; Rahim dan Syed Hamid. Kemasukan Mohd Isa Samad dikira menguntungkan Rahim Tamby Chik kerana ia boleh menarik undi kepada Syed Hamid.

Sebalik, sekiranya Isa undurkan diri, ia memberi keuntungan kepada Syed Hamid.

Adalah baik Mat Isa sedar akan kedudukan dan peluangnya. Seeloknya ia menarik diri dan memberi peluang kepada Syed Hamid dan Rahim untuk kedua orang itu menunjukkan kemampuan masing-masing. Pertandingan dikira lebih menarik dan seronok lagi. **Kita berharap Mat Isa tidak serius, dia akan mengundurkan diri pada saat-saat akhir.**

Dalam pada itu ada orang berpendapat tidak mungkin Isa Samad tarik diri. Kecilnya adalah kecil cili padi, yang boleh menyebabkan telinga bengang dan bergelegak bila memakannya. Memang kalau dibanding dengan Rahim, ia lebih *clean*, bersih dan bersopan santun.

Kalau hendak dibandingkan disegi kewangan dan juga pengaruh, Isa Samad lebih mempunyai banyak peluang untuk melawan Rahim berbanding dengan Syed Hamid. Walaupun kecil dia mempunyai *base* politik sendiri sebagai Menteri Besar. Lagipun Isa Samad dilaporkan pernah berkata kepada, Syed Hamid *hanya I yang layak lawan Rahim, kerana dia banyak wang* Dari kata-kata itu menunjukkan Mat Isa berkemampuan untuk "bermain wang" dengan Rahim. Hakikat ini jelas bila mana Mat Isa kerap tinggal Seremban dan *round* ke seluruh pelusuk negara.

Dari kata-kata Mat Isa itu jelas bahawa beliau *spend* wang yang cukup banyak untuk bertanding dengan Rahim. Sebagai rakan sejawatan

(Menteri Besar) Isa lebih tahu mengenai galagat Rahim berbanding dengan Syed Hamid.

Apabila kita membuat analisis pertandingan diantara Syed Hamid, Isa Samad dan Rahim Tamby Chik, adalah pertandingan diantara tiga tokoh sezaman. Mereka bertiga berada dalam satu era. Usia mereka hampir sama sahaja. Ketiganya dijarakkan oleh waktu tidak lebih 10 tahun. Syed Hamid dilahirkan pada 15 Januari, 1944, sementara Rahim pula lahir pada 10 April, 1950! Dan kebetulan mereka bertiga juga merupakan anak tokoh pejuang UMNO di zaman menuntut kemerdekaan.

Dari segi latar belakang, dan pendidikan mereka juga tidak banyak bezanya. Rahim berkelulusan dalam bidang Ekonomi Gunaan. Dengan latar belakang itu ia boleh menjadi pemimpin memanfaatkan semua bidang. Sementara Syed Hamid selaku, pemegang ijazah undang-undang dan berkecimpungan dalam pengurusan kewangan, (banking) cukup baik untuk menjadi pemimpin. Manakala Isa Samad pula kelulusan ijazah pendidikan menjadi seorang Guru.

Kelulusan serta pengalaman bekerja dengan bank, merupakan satu aset paling baik kepada Syed Hamid digunakan untuk memimpin Pergerakan pemuda. Diatas kelebihan itulah jugalah menyebabkan Mahathir memberi kepercayaan kepadanya, memegang dua kementerian dalam satu masa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang dimana perlantikan

itu merupakan satu sejarah seorang wakil rakyat terus dilantik memegang dua kementerian tanpa terlebih dahulu ditrainingkan sebagai Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri.

Dalam segi lain, khususnya agama Islam, mereka berdua tidak mempunyai basis yang baik. Keduanya tidak terlibat dengan mana-mana gerakan Islam. Dalam hal ini, Syed Hamid agak baik kerana ayahnya berpendidikan Islam dan seorang mujahid Islam dalam UMNO. Beliau dibesarkan dalam situasi nasionalisime dan didikan agama yang ketat. Demikian juga perwatakan dan keperibadian lebih baik berbanding dengan Rahim Tamby Chik.

Cuma apa yang kita rasakan tidak adil dalam pertandingan ini ialah, Syed Hamid tidak mempunyai modal (wang) seperti Rahim. Syed Hamid bukan sahaja anti politik wang, tapi dia sememangnya tidak punya banyak wang. Sedang Rahim dikatakan menggunakan wang yang banyak dalam mempengaruhi pengundi.

Rahim juga berasas baik kedudukan dia sebagai KM digunakan dalam kempennya. Kejayaan beliau memajukan Melaka dijadikan modal dan bukti menunjukkan kewibawaannya. Keadaan ini tidak ada kepada Syed Hamid.

Kementerian Undang-Undang tidak membolehkan ia jadikan modal. Orang tidak dapat membuat ukuran kejayaannya di sana, sebaliknya kementerian itu menjadikan Syed Hamid tidak disenangi ramai orang apabila beliau ter-

paksa menegur dan mengisahkan mana-mana menteri yang bertindak melanggar *prosidence* atau yang bertentangan dengan perlembagaan dan undang-undang.

Jika diukur kepada rekod perkhidmatan ini, Syed Hamid terpaksa mengaku kepada Rahim Tamby Chik. Kementerian yang dipegang kini, tidak boleh membantu dan menolong rakyat secara *direct*. Ia tidak mampu membawa pembangunan seperti mana dilakukan oleh Rahim Tamby Chik.

Tapi komitmen Syed Hamid kepada isu pinداan perlembagaan dulu begitu menonjol sekali. Beliau banyak membantu Dr Mahathir dari segi perundangan. Kesediaan Mahathir menerima nasihatnya, menunjukkan kepercayaan Dr Mahathir kepadanya.

Dalam sudut lain pula, meskipun mereka berdua kawan baik, dan mempunyai pengalaman yang sama banyak dalam parti. Jika disaksikan kepada sejarah bagi Rahim Tamby Chik... melawan dengan Syed Hamid, seperti ia melawan gurunya sendiri. Ia dianggap sebagai derhaka, kerana diatas inisiatif bapa Syed Hamidlah dia menapak dalam politik.

Ketika Syed Jaffar Albar menjadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia, almarhum telah mengambil Rahim menjadi Ecxo Pemuda. Bermula dari situlah, ia menapak ke atas. Jika Rahim seorang yang mengenang jasa, barang kali ia merasa kekok untuk melawan Syed Hamid. Tetapi...

dalam politik soal jasa dan budi tidak dikenang orang, sebaliknya wang dan pangkat juga yang dihormati.

Seandainya Syed Jaffar Albar masih hidup dan dia masih "sayangkan" Rahim seperti dahulu, pasti dia akan memberi kata dua kepada Syed Hamid. Sebaliknya juga kalau dia tahu keadaan Rahim hari ini, dia akan memberi dorongan kepada Syed Hamid ataupun Mat Isa agar melawan Rahim.

Dan kerana kekurangan dan kelemahan itu-lah maka Syed Hamid, bertindak melawan dan tidak mahu memberikan Rahim naik secara percuma. Jika Rahim seperti Rahim pada zaman bapanya, sudah pasti Syed Hamid sendiri tidak akan tergamak mengkhianati tokoh yang dinaik dan digilapkan oleh ayahnya sendiri.

Dalam hal ini, pada Rahim Tamby Chik dia tidak perlu merasa apa-apa. Padanya berentak dengan Syed Hamid bukan kesalahan. Perlawanan itu tidak bermakna ia tidak mengenang jasa Syed Jaffar Albar, lagipun ia dibenarkan oleh demokrasi dalam UMNO.

Menganalisis pertandingan diantara Rahim dengan Syed Hamid ini berat sebelah dan ia tidak adil. Ini kerana satu pihak, Rahim mendapat sokongan secara nyata daripada bekas Ketua Pemuda Najib dan juga mendakwa dapat sokongan Anwar Ibrahim. Mereka dikatakan berada dalam kem yang sama.

Sementara Syed Hamid pula dalam hal ini

keseorangan. Beliau tidak mendapat mana-mana sokongan atau cuba mendapat sokongan. Beliau bertanding benar-benar keseorangan dan menyerahkan diri kepada perwakilan.

Begitu juga disegi kewangan dan persediaan. Rahim dikatakan mempunyai banyak wang untuk kempen. Dianggarkan sehari beliau terpaksa menghabiskan sebanyak RM200,000. Sementara Syed Hamid langsung tidak ada wang. Bukan beliau tidak mahu mencari *sponsor*, tetapi beliau menentang keras politik wang. Sikap ini secara tidak langsung menyebabkan Syed Hamid dikenali sebagai menteri yang "kemarau" (miskin) dan tidak main wang dalam politik. Ia juga dianggap sebagai kedekut! Meskipun dengan cara itu beliau tidak popular, tetapi dia *consistent* dengan prinsipnya!

Jadi berdasarkan kepada situasi itu, peluang Rahim Tamby Chik adalah lebih cerah berbanding dengan Syed Hamid. Kebenaran ini sudah terserlah, apabila dilihat daripada pencalonan, Rahim Tamby Chik sudah mengatasi Syed Hamid dan Mohd Isa Samad. (Setakat hari ini 14hb. September 1993 Rahim mendapat lebih 70% (90) pencalonan, Syed Hamid 20%(25) manakalah Isa Samad lapan (kira-kira 10%)

Namun dalam pada itu keadaanya tidak membimbangkan. Jumlah pencalonan tidak menjadi satu kayu pengukuran yang tepat. Ketika Anwar menang Ketua Pemuda lawan Suhaimi Kamaruddin tahun 1982 dulu, Anwar hanya

mendapat dua pencalonan sahaja. Apa menyebabkan Rahim mendapat undi terbanyak ialah kerana ramai orang "menegarakukan" kononnya dia berada dalam pakej Anwar. Pencalonan itu bukan bertolak dari ketokohan Rahim sebaliknya kerana kehebatan Anwar Ibrahim. Selain itu strategik dan tektik kotor juga mempengaruhi bahagian pemuda agar mencalonkan Rahim. Sesetengah tempat perwakilan diugut dan diarah secara lisan agar mencalonkan Rahim jika hendak "selamat" dalam parti!

Menjelang mesyuarat Bahagian, orang-orang yang menggelarkan dirinya dari atas, telah hadir pada Bahagian. Orang-orang ini telah minta agar Rahim dicalonkan. Mereka menjaya berita kononnya Rahim dikehendaki oleh pihak atasan. Tanpa menyebut pihak atasan itu, tapi ia menggambarkan Anwar Ibrahim.

Seperti dikatakan tadi kerana arus Anwar ini kencang, lebih kencang daripada taufan *andrew* yang melanda Amerika baru-baru ini, hendak tak hendak Bahagian terpaksa akur. Lagipun lambaan RM (Ringgit Malaysia), menyebabkan mereka tidak fikir banyak kali, untuk mencalonkan Rahim.

Memanglah kalau berpandukan kepada lahiria dan lumrah pencalonan Syed Hamid menghadapi suasana yang sulit. Tetapi diatas keyakinan, bahawa ahli Pemuda tidak bersedia dikongkong, ataupun dipaksa menerima seorang pemimpin yang ternyata mempunyai banyak kecacatan,

peluang Syed Hamid terbuka.

Keputusan pertandingan diantara Syed Hamid, Rahim Tamby Chik dan Isa Samad ini akan menjadi petanda dan jawaban sejauh manakah kebijaksanaan pemuda. Sekiranya Rahim Tamby Chik menang, maka jelas, harga pemuda UMNO Malaysia sekitar RM 1000 hingga RM5000 sahaja. Ia lebih murah daripada kereta Protan Saga model pertama dahulu (RM 18.000.00).

Sebaliknya jika Syed Hamid menang, ia membuktikan pemuda UMNO, adalah pemuda yang matang. Pemuda yang menolak imbalan wang untuk membayar maruah dirinya. Pemuda UMNO yang benar-benar mahukan kepada perubahan, ketegasan serta bertanggungjawab kepada bangsanya.

Manakala jika Mat Isa yang menang maka jelas Pemuda UMNO benar-benar kebuntuan akibat terlalu kuat *dipressure* oleh broker-broker politik calon yang bertanding.

Implikasi jika Rahim Tamby Chik yang menang, sudah pasti kerja-kerja mungkar yang pernah wujud dalam pergerakan UMNO, kemudian dihapuskan oleh Anwar dulu, akan disambung kembali. Sebaliknya jika Syed Hamid yang dipilih, sudah pasti, kerja yang dilakukan oleh Anwar, membersihkan politik wang, ugut, rasuah, dan usaha meninggikan moral Pemuda UMNO disambung oleh Syed Hamid.

Suatu yang paling menarik kalau Syed Hamid menang, kekeruhan akibat pertempuran dalam

Pemuda dapat direda dan dijernihkan kembali kerana Syed Hamid satu-satu tokoh yang tidak mempunyai klik dan menyintai serta menghor-mati pandangan semua pihak dalam UMNO.

“Apabila ada dua pihak yang bergaduh diantar kamu, hendaklah ada yang menda-maikannya”!



Dayanara Torres- Miss Universe 1993. Apakah keanggunan(attractive) dan kejelitaannya menjadi semangat dan daya inspirasi kepada Pemuda UMNO pada masa akan datang. Pemuda UMNO harus membuat perhitungan sewajarnya sebelum "aids politik" merebak dalam Pergerakannya.



11

AMANAT ANWAR IBRAHIM



BANGSA yang tinggi akal budi ialah bangsa yang sentiasa berpaling kepada sejarah. Yang mengambil sejarah sebagai cermin dan panduan dalam hidup. Bangsa yang beradat itu, bangsa yang sentiasa berpegang kepada pesan dan amanah pemimpinnya. Bangsa yang bukan melebar telinga mendengar amanah dan pesanan pemimpinnya, kemudian menuang kembali ke angin lalu.

Dan bangsa yang cerdik dan pintar itu, bangsa yang mengambil amanah dan pesanan (wali) pemimpinnya sebagai iktibar untuk menjalankan kehidupannya.

Dan bangsa yang malas untuk mencerminkan diri, ternyata bangsa itu satu kumpulan

manusia yang hanya menjelma dalam rupa bentuk manusia sahaja. Bangsa yang tidak memegang kemas kepada amanat pemimpin adalah bangsa yang degil dan berfikiran kematu. Bangsa yang tidak mengambil iktibar di atas nasihat pemimpinya, adalah bangsa yang bebal dan babil.

Apa lagi, kalau sipemesan amanat itu (pemimpin) sendiri pula melanggari apa yang diucapkan sendiri, itu namanya pemimpin **babil** kepada bangsa yang **bebal** dan **tolol**. Pemimpin yang cakap tak serupa bikin, yang mengajar anak berjalan betul ataupun yang "kata dulang paku serpih berkata orang dia yang lebih"!

Dalam suasana Pemuda UMNO sedang bersiap sedia untuk mengangkat dikalangan mereka untuk menjadi pemimpin ini, adalah elok kalau mereka semua mengembalikan diri melihat jejak sejarah masa lampau. Mereka mengutip amanah dan pesanan pemimpin terdahulu sebagai panduan dan teladan dalam penerusan perjuangan mereka.

Dalam hubungan ini sewaktu saat-saat orang mengagungkan (*glorify*) sdr Anwar Ibrahim, sebagai penggerak dan pembawa arus baru ke atas bangsa Melayu, (**Melayu Baru - Korporat**) adalah lebih elok kalau kita bersama mengingati apakah pesanan dan amanat beliau beberapa tahun lalu, khususnya semasa menjadi Ketua Pemuda.

Kerana Anwar kini sudah dinobatkan sebagai "dewa kayangan", sudah pasti apa sahaja

yang terucap dan terluah, malah yang dilakukannya akan didengar dan menjadi ikutan. Pada saat orang **taksud** kepada Anwar, baik kita mengutip setiap perbuatan, pecakapan, kerana hatta batuk beliau pun diikuti untuk dijadikan, sebagai iktibar.

Meskipun apa yang lahir dari kerongkong pemimpin lain, ada kalanya lebih baik daripada idea Anwar, tetapi kebaikan itu tidak dipedulikan. Semuanya terkambus oleh kehebatan dan semangat **Anwarisme**.

Selama lima tahun (1982 - 87) Anwar Ibrahim menjadi Ketua Pemuda UMNO. Beliau banyak mengemukakan wawasan dan idea baru. Beliau berjaya menggerakkan pemuda UMNO daripada fasik kepada agresif, dari pada lembek menjadi keras, daripada pemuda yang mandul kepada yang bunting dengan pelbagai slogan, desakan dan sarat dengan agenda penggerak minda.

Selama itu Anwar boleh dikatakan bercakap dan mengeluarkan falsafah dalam semua bidang. Beliau menjadi begitu idealis sekali, sehingga anggota UMNO khususnya pemuda merasakan Anwar adalah dewa yang diturunkan bersama hujan manik pada suatu subuh hari yang tenang untuk melakukan evolusi dan "baptisan" ke atas pemuda ketika itu.

Paling menonjol diperjuangkan cuba berusaha untuk membaiki kepincangan dalam pemuda, mengenai akhlak, moral, penyelew-

ngan, rasuah moral dan politik! Dia juga hadir sebagai pembetul kepada keadaan yang digambarkan sangat buruk dan pincang dalam UMNO. Anwar mengeluarkan selonggok falsafah yang besar dan gram dalam Pemuda.

Dia begitu ikhlas untuk membaiki pemuda UMNO yang sudah kehilangan identiti Melayu. Perkara utama ditekankan ialah mengenai moral. Menurut beliau pembangunan moral adalah penting bagi meletakkan generasi muda sebagai pembangunan pada zaman akan datang. Kata-nya

“Bermula dari asas kesucian jiwa dan peribadi - tazkiyah an nafs itulah maka di anjurkan agar manusia memakmurkan hidupnya, menoreka ke alam baru menguasai alam persekiraan sehingga mencapai kecemerlangan serta kesinambungan dan kebahagiaan (hasanah) di dunia dan di akhirat. Panduan ini termaskud di antara lain di dalam al-Quranul Karim...

Maksudnya; *Dialah yang menjadi bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezekinya. Dan hanya kepadaNyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.*

Dari titik-tolak dasar keyakinan seharusnya mencernakan akhlak dan syahsiah (keperibadian) mulia yang bertanggungjawab membentuk sistem sosial kemanu-

sia, sistem yang mampu melahirkan persekitaran yang serasi dengan pembangunan dan kemajuannya."

Beliau begitu jujur dan bersemangat untuk melahirkan manusia-manusia kamil dalam pemuda UMNO. Anwar telah mengemukakan pandangan dan gagasan bagaimana membentuk pemuda UMNO yang soleh, beriman dan takwa. Padanya kesempurnaan pemuda UMNO dan perjuangan Melayu bukan sahaja di dunia sahaja, sebaliknya pada akhirat juga.

Untuk mempastikan ini menurut bekas Presiden ABIM itu, akhlak harus dibangunkan dengan bersih dan murni sekali. Beliau tidak yakin, selagi segala pembentukan kepincangan dan "aids politik" dalam UMNO wujud, peribadi pemuda soleh tidak akan terbentuk dalam pergerakan Pemuda. Lantaran itu beliau menekan agar tokoh-tokoh **keparat** yang dilumuri aids politik hendaklah disingkirkan.

"Kita juga menuntut agar tokoh-tokoh politik yang terjebak dengan rasuah politik dan rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingkirkan daripada kedudukan mereka. Apakah mampu untuk kita memenuhi aspirasi perjuangan parti membina "bangsa yang bermaruah" dan "masa depan yang gemilang", sekiranya pemimpin disemua peringkat tidak

padu dan tidak sepakat untuk membina negara ke arah yang lebih cemerlang.

Kebijaksanaan Anwar, beliau bukan sahaja setakat menyatakan bahaya-bahaya tertentu sebaliknya turut memberi jalan (*way out*) kepada masalah tersebut. Untuk mempastikan moral rasuah dalam politik dan pentadbiran tidak ber-maharajalela beliau menyatakan keyakinan dan komitmen:

“Sekiranya kita sendiri tidak berkeupayaan untuk memperbetulkan gelanggang sendiri, janganlah mengharapkan orang lain untuk melakukannya.”

Memang benar dan tepat. Kepincangan dan kecacatan dalam pergerakan pemuda UMNO, kes kejatuhan moral dan rasuah tidak akan selesai kalau ianya tidak dibangunkan oleh pemuda UMNO sendiri. Pemuda UMNOlah patut membaki diri. Justeru itu, hasil daripada *oriented* dilakukan Anwar pemuda pada zamannya seperti baru terlepas daripada serkupan “gua” kejahilan kepada kebenaran.

Keberihan dan kejernihan diri Anwar terserah sekali. Kerendahan moral dan politik kotor tidak mengikut landasan demokrasi yang berte-raskan kepada Islam dibenci dan dicemuh semahu-mahunya. Lantaran itu beliau dengan lantang mengemukakan dan mengkritik agar

tokoh-tokoh yang pincang dan cacat agar disingkir dari pada UMNO. Baginya tokoh yang demikian adalah merupakan bubuk yang meruntuhkan kekuatan UMNO itu sendiri. Anwar juga sangat membenci dan memandang berat kepada kemunafikan dalam politik. Padanya sikap munafik, menjual undi, menggunakan kuasa untuk mempastikan kedudukan, satu kedurjangan dalam politik demokrasi.

"Kita harus insaf bahawa dikalangan tokoh-tokoh politik yang kini masih berjaya sekalipun, terdapat gejala memberi undi, menipu, mengugut, hidup dengan sikap berpura-pura, menggunakan jentera Kerajaan untuk memelihara kepentingan sukuan, dan menjadikan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja sebagai hulubang dan askar upahan . Dikalangan usahawan juga begitu. Kekayaan yang diperolehi hasil daripada dasar parti yang didokong pelbagai macam rasuah bagi mencapai hasrat mereka. Sebarang tender yang dipohon wajib diberikan kerana jika tidak, kekayaan yang di tanan akan digunakan untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin. Lantas muncullah pelbagai kisah menarik - dari sidang Jemaah Menteri ke kamar beradu yang diolah dengan kreatif dan menarik dan disebarluaskan melalui lobilobi hotel dan melalui pengarang-penga-

rang upahan. Insfaflah akan amaran Allah swt.

Anwar Ibrahim juga begitu tidak senang dengan pemborosan dan pembaziran. Perbuatan yang bersifat kerja syaitan itu, hendaklah dihentikan dan kerajaan patut bertindak.

"Kita harus terus mengkaji dan menimbang semula cara-cara kita membelanjakan peruntukan negara. Misalnya langkah berjimat cermat yang dilaksanakan sejak dua tahun harus diteruskan dengan bersungguh-sungguh, dengan tekad dan keyakinan untuk memperkemasan sistem belanjawan negara. Usaha begini tidak harus dilakukan hanya di peringkat pusat, Barisan Pemuda harus menegaskan bahawa kerajan-kerajaan Negeri juga mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk membenteraskan keborosan dan pembaziran wang dengan cara menyekat atau menghapuskan langsung nafsu untuk berpesa-pesta atau mengadakan upacara ritualistik yang tidak membantu meninggikan akal budi rakyat. Sebaliknya segala amalan-amalan dan pemborosan itu hanya akan melemahkan longlaikan segala semangat berdikari, daya tahan dan daya saing yang telah ditanam di dada rakyat".

Sebagai seorang pemimpin berjiwa Islam?, Anwar juga sangat menekankan kepada keadilan, kebebasan dan perpaduan dalam parti. Perpaduan dalam parti merupakan azimat terpenting untuk meneruskan kestabilan politik orang Melayu. Dalam hal ini, Anwar berpesan:

“Kini kita sering pula diperingkatkan oleh pemimpin-pemimpin kita akan bahaya menularnya penyakit pengelomongan, bibit-bibit perpecahan - petanda akibat dari perebutan pangkat yang tidak menentu serta kegelojohan memperkayaikan diri tanpa menghiraukan nasib masyarakat. Perjuangan mulai dinilai dari ukuran kepentingan peribadi, kekampuan mengagihkan kekayaan dan memberi hadiah kepada penyokong. Pada hal nilai-an kejayaan perjuangan harus diasaskan kepada prinsi-prinsip yang luhur; mengembalikan maruah bangsa sebagai lan-jutan dan kebudayaan...”

Anwar juga turut menjerit dan menuntut kepada permainan politik kotor. Beliau menempelak pihak berkuasa dalam UMNO agar tidak mencari kekayaan untuk diri sendiri. Beliau berkata:

“Krisis yang juga hebat dan berlutan yang dahulunya kelihatan tidak begitu jelas tetapi kini menonjol dan me-

nimbulkan krisis dalam parti-parti politik termasuk UMNO ialah isu politik wang, mabuk kuasa serta perasaan tamak untuk mencari kekayaan. Pucuk pimpinan parti telah berulang-ulang mengingatkan bahawa politik wang dan gejala rasuah moral, sekiranya tidak dibenteraskan akan memusnahkan parti dan meruntuhkan generasi. Memang kita ingin menyakin-kan diri kita bahawa hanya segelintir bilangan orang yang mabuk kuasa dan ke-kayaan yang melakukan perkara ini. Namun gejala sedemikian adalah ibarat barah yang cepat merebak dan sukar dibendung. Oleh itu tidak harus dilihat sebagai masalah sampingan.”

Perasaan itu menunjukkan kebencian dan kejemuan Anwar kepada politik wang. Baginya mereka yang demikian adalah orang yang rendah moral dan tidak ikhlas dalam perjuangan . Kalau itu berterusan, menyebabkan penerapan nilai-nilai Islam menjadi omong-omong kosong.

Demikian beberapa amanat dan pesanan ber-nas sdr Anwar Ibrahim ketika menjadi Ketua Pemuda selama lima tahun. Adalah baik dan elok sekali kalau amanat itu diingat dan direnunggi kembali dikalangan pemuda sekalian. Kerana ianya lahir dari pemimpin yang diagungkan dan dikagumkan pada abad ini, maka adalah tidak

munasabah kalau amanat dan pesanan itu tidak diturut.

Jika amanat itu dibiarkan terlekat dan hanya terakam di atas kertas teks ucapan Anwar sahaja, maka walaupun amanat itu penting dan menunjukkan kehebatan idealism Anwar, tapi ia tidak memberi apa-apa makna dan erti jika ia-nya tidak diikuti dan dihayati oleh para anak buahnya.